



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 121931]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) (No. 2):

Jawatankuasa—

Jadual Pertama:

Maksud B. 26 [Ruangan 12251]

Maksud B. 27 [Ruangan 12303]

Maksud B. 43 [Ruangan 12319]

Maksud B. 59 [Ruangan 12347]

Jadual Kedua:

Maksud B. 26 [Ruangan 12251]

Maksud B. 28 [Ruangan 12304]

Maksud B. 36 dan B. 39 [Ruangan 12319]

Maksud B. 47 [Ruangan 12337]

Maksud B. 52 [Ruangan 12343]

Maksud B. 56 [Ruangan 12347]

KANDUNGAN—(Samb.)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) 1990:

Jawatankuasa—

Maksud P.58 [Ruangan 12349]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1991:

Jawatankuasa—

Maksud P.44 [Ruangan 12333]

Maksud P.54 [Ruangan 12347]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 12332]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHK BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.MT., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY YELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya),

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAFSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (BeSUt).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.MJ. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.MJ. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHATALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SUIAIMAN, D.S.D.K., s.M.s. (Baling).
- .. MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, o.p.M.s. (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CK TENG GAIK-KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, p.i.s. (Bakri).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- .. Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- .. Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Bcrhormat Setiausaha Parlimen, Kementehaan Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buniar),
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menten, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.p.M.p., A.M.p., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUCLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHTO BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. Au, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAW (Tasek Chenderoh).
- „ TUN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
 - „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
 - „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
 - „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
 - „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
 - „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
 - „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
 - „ TUAN UM KIT SIANG (Tanjong).
 - „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
 - „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
 - „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
 - „ TUAN MAIDOM P. PANSAJ (Kota Belud).
 - „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
 - „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
 - „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
 - „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
 - „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
 - „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
 - „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
 - „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
 - „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang)
 - „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).
 - „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
 - „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
 - „ TON DATO HAI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.STJ. (Limbawang).
 - „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
 - „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
 - „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
 - „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
 - „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
 - „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- .. DATO' QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- .. TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- .. PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- .. TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- .. PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- .. TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit SulOHg).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. TUAN SAIDIN @ YUSOP BIN ADAM (Tanjong Karang).
- .. DR SANUSI BIN DAENG MARJOK (Rantau Panjang).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)
- .. TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- .. TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan),
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- .. WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- .. WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- .. TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- .. WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- .. TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- .. TUAN WONG WING ON (Kampar).
- .. TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- .. DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- .. TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- .. TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- .. TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- .. TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop,

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Selasa, 29hb Oktober 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**KEMENTERIAN BELIA DAN
KEMENTERIAN SUKAN
BERASINGAN**

1. Dato Haji Mohamad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan iaitu bagi menentukan aktiviti sukan dan kegiatan belia lebih berkesan bagi memenuhi hasrat Wawasan 2020 tercapai; adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan dua Kementerian yang berasingan iaitu Kementerian Belia dan satu lagi Kementerian Sukan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Haroid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan dua Kementerian yang berasingan iaitu Kementerian Belia dan satu lagi Kementerian Sukan untuk memenuhi hasrat Wawasan 2020.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, pengwujudan Kementerian atau Jabatan baru tidaklah penting tetapi yang penting dan utama ialah negara memerlukan satu bentuk

masyarakat yang mempunyai nilai moral yang tinggi, hidup secara demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur, dihormati dan mampu bersaing dengan masyarakat antarabangsa.

Oleh itu, usaha-usaha perlu dibuat ke arah peningkatan pengetahuan dan ilmu, usaha-usaha untuk membaiki dan memajukan diri, kebolehan berkomunikasi, pemupukan sikap positif mengenai kerja dan disiplin, kecekapan dan pengurusan, peningkatan motivasi, kemahiran dalam segala bidang dan peningkatan semangat keusahawanan.

Bagi mencapai objektif-objektif seperti yang disebutkan tadi, perancangan dan pelaksanaan program-program belia dan sukan di bawah satu Kementerian yang sedia wujud sekarang didapati amat berkesan. Perancangan dan pelaksanaan program belia dan program sukan adalah saling melengkapi dan mempunyai hubungan-kait di antara satu sama lain. Oleh itu segala dasar mengenai pembangunan belia dan pembangunan sukan perlu diletakkan di bawah satu Kementerian bagi mengelakkan sebarang percanggahan dan bagi menjamin continuity dan consistency pelaksanaan dasar-dasar tersebut.

Kementerian Belia dan Sukan telah melancar dan sedang melaksanakan Program Induk Betia Negara yang merupakan satu program bersepadu kegiatan Belia dan Sukan yang diyakini akan dapat memberikan sumbangan utamadalam memenuhi Wawasan 2020.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji

Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengemukakan soalan tambahan pada Yang Berhormat Menteri berkenaan, Dalam jawapannya sekejap tadi, pihak Kementerian tidak bercadang untuk mendua ataupun memecahkan Kementerian ini kerana keadaan yang berlaku sekarang sudah cukup.

Saya ingin tahu kerana apa yang berlaku dalam Kementerian Belia ini tidak akan terpisah dengan Kementerian Pendidikan dan ia tidak harus boleh berasing dengan matlamat Pendidikan Negara, kalau tidak ia tidak akan sampai. Oleh sebab itu, adakah Kerajaan bercadang supaya Kementerian ini disatukan dengan Kementerian Pendidikan dan diperluaskan tanggungjawab supaya dalam sepanjang aktiviti akan berjalan selari dengan matlamat Pendidikan dan tidaklah itu rasa lebih baik sekiranya disatukan?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar

Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan itu tidak berkaitan tetapi untuk menjawab Yang Berhormat tadi, Kerajaan tidak bercadang untuk menyatukan Kementerian Belia dan Pendidikan.

Tuan Haji Sukri bin Haji

Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mengasingkan Kementerian Belia dan satu lagi Kementerian Sukan.

Soalan saya adakah Kerajaan berhasrat untuk menutup kedua-dua Kementerian ini kerana Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen langsung tidak bertanggungjawab seperti contoh yang berlaku petang kelmarin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa soalan ini terkeluar juga daripada soalan asal.

Tuan Shabidan bin Kassim:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun saya jangka saya akan mendapat jawapan "tidak", tetapi saya minta Yang Berhormat beri pertimbangan iaitu sukan ini amat penting dan ia tidak patut dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti lain dengan belia. Kalau sekiranya belia kita samakan dengan sukan, makna kata bidang ekonomi dan bidang lain yang lebih penting, kita telah mencampuradukkan kedudukan belia ini.

Jadi, ada Kementerian yang ambil peranan belia ini juga seperti Kementerian Perusahaan Awam dan lain-lain yang juga ambil peranan untuk membantu belia-belia. Jadi, adalah wajar supaya Belia ini untuk tujuan-tujuan lain yang lebih penting, kita letakkan di bawah satu Kementerian ataupun dicantumkan sementara Sukan ini dinamakan Kementerian Sukan sahaja supaya ianya menggambarkan yang Malaysia walaupun selalu kalah, boleh jadi tuan rumah.

Jadi, saya cadangkan apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya dipecahkan ataupun diberi nama baru Kementerian Belia dan Sukan ini sebagai Kementerian Sukan?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar

Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, kita tidak bercadang untuk memisahkan Belia dan Sukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa jua rancangan, program-program yang diadakan oleh Kerajaan untuk Belia tidak semestinya dari Kementerian itu sahaja. Belia patut ambil peluang semua kemudahan yang diadakan oleh Kerajaan dari pelbagai Kementerian ataupun agensi Kerajaan.

**BALAI BOMBA DI SIPITANG—
PEMBINAAN**

2. Tuan Radin Malleh minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kenapa daerah Beaufort dibina lagi sebuah Balai Bomba

sedangkan ianya sudah mempunyai sebuah balai. Malahan Balai Bomba berkenaan sepatutnya dibina di daerah Sipitang yang belum pun ada kemudahan tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, Balai Bomba Beaufort yang ada sekarang didapati tidak selamat digunakan. Ini kerana "foundation"nya adalah tidak kukuh. Atas sebab tersebut, ianya terpaksa diroboh dengan balai baru yang akan dibina adalah bagi menggantikan balai berkenaan. Rancangan membina Balai Bomba di Daerah Sipitang memang ada. Tapaknya sedang dikenalpasti.

KAD PENGENALAN BARU— PERMOHONAN

3. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Dalam Negeri menyatakan setakat ini:

- (a) berapa permohonan untuk menukar kad pengenalan baru telah diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara; dan
- (b) berapa permohonan yang telah ditolak mengikut pecahan sebab-sebab.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 15 Oktober, 1991 sebanyak 1,129,553 permohonan kad pengenalan baru telah diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara.
- (b) Setakat ini belum ada permohonan kad pengenalan baru telah ditolak.

Tuan Fong Kui Lun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian sedar bahawa masih

terdapat permohonan kad pengenalan baru yang belum dikeluarkan misalnya, bagi permohonan yang dibuat dalam bulan Disember 1990 dan Januari tahun ini. Jika sedar, adakah Setiausaha Parlimen Kementerian bersetuju jika saya katakan ini suatu kelemahan Jabatan, dan apakah tindakan yang diambil untuk mengatasinya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian sedar tentang kelewatan pengeluaran kad pengenalan yang telah diterima permohonannya, dan masalah ini telahpun dapat diatasi iaitu semua permohonan yang diterima sebelum pelancaran kad pengenalan baru, 13hb Ogos tahun ini iaitu sejak tahun lalu sampai ke 13hb Ogos, semua permohonan itu telahpun dikemaskinikan dan akan sempurna diproses pada penghujung bulan ini. Selepas bulan ini, pada bulan depan, kad-kad yang baru itu akan mula dikeluarkan untuk kutipan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat sampai masa sekarang adakah pemohon-pemohon yang memegang kad pengenalan lama apabila memohon kad pengenalan baru ditukar dengan kad pengenalan merah. Maksud saya jikalau seorang memegang kad pengenalan lama yang berwarna biru dan apabila diminta tukar, ia diberi kad pengenalan baru yang merah. Saya terdapat pengaduan begini. Itulah satu sebab mengapa ada ramai lagi yang tidak mahu pergi menukar kepada kad pengenalan baru kerana takut ditukar dengan yang merah.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak Kementerian dan juga pihak Jabatan Pendaftaran Negara telah berulang kali menjelaskan melalui mass media bahawa sistem kad pengenalan bermutu tinggi ini tidak akan menyebabkan mana-mana satu pihak yang memegang kad pengenalan biru secara sah dan secara teratur itu

ditukar dengan merah. Jadi, setakat ini belum ada dan tidak akan ada satu masalah, iaitu sesiapa yang memegang kad pengenalan biru secara teratur, secara sah dan bukan secara palsu ataupun tipu, maka kad pengenalan yang akan ditukar itu mesti adalah biru. Itu setakatnya pendirian Kerajaan.

HOSPITAL SWASTA—BAYARAN PERKHIDMATAN PERUNDING

4. Tuan G. Palanivel minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian Kesihatan mengawasi bayaran perunding yang dikenakan oleh pakar-pakar dan perunding pakar bedah di hospital-hospital swasta. Adakah pihak Kementerian menyiasat harga ubat-ubat yang diberi di hospital-hospital swasta. Di manakah tempat orang ramai dapat membuat aduan terhadap bayaran perubatan yang tinggi dan tidak setimpal, yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, bayaran perkhidmatan perunding yang dikenakan oleh Kerajaan di hospital-hospital Kerajaan adalah amat rendah. Oleh yang demikian, jika dibanding dengan kadar bayaran tersebut, bayaran perunding yang dikenakan oleh doktor-doktor pakar di hospital-hospital swasta adalah lebih tinggi. Tetapi bayaran-bayaran yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta di Malaysia ini untuk berunding dan rawatan, termasuk ubat, masih berpatutan jika dibandingkan dengan bayaran-bayaran yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta di negara-negara lain.

Langkah-langkah untuk menyera-gamkan bayaran dan juga bayaran rawatan telahpun diusahakan oleh Persatuan Perubatan Malaysia yang mana telah mengeluarkan satu garis panduan bagi kegunaan ahli-ahlinya.

Namun demikian, sekiranya masih terdapat mana-mana pengguna yang tidak berpuashati dengan bayaran-bayaran yang dikenakan, mereka bolehlah membawa masalah mereka ke pengetahuan Persatuan Perubatan Malaysia, Persatuan Hospital Swasta dan juga Kesatuan Pengamal Perubatan Swasta.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah pihak Kementerian atau Kerajaan berhasrat untuk mengadakan suatu perintah tetap mengenai fee kerana perkhidmatan kesihatan ini adalah satu perkhidmatan profesional sepertimana dalam bidang guaman. Misalnya, ada suatu perintah atau satu peraturan tetap yang dibuat oleh undang-undang untuk mengawal kadar-kadar perkhidmatan profesional yang diberikan oleh mereka. Jadi, adakah Kerajaan berhasrat untuk mengadakan satu perintah yang sama bagi medical profesional ataupun profesion perubatan ini?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat, tetapi kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh hospital-hospital di tanahair kita ini, pada pendapat saya, mencukupilah. Orang yang tidak mampu boleh datang ke hospital Kerajaan boleh dapat rawatan, boleh dapat perundingan dan boleh dapat ubat. Orang yang mampu kemudahan yang lebih mewah seperti hotel-hotel oleh sebab itulah mereka pergi ke hospital swasta. Oleh kerana mereka yang mampu bayar, mereka pergi dan mereka kena bayaran. Walau bagaimanapun, Kementerian saya pada masa ini, ada membuat satu kajian untuk mengadakan satu sistem ataupun satu bayaran seragam sepertimana dalam bidang guaman. Saya telahpun mengeluarkan kenyataan itu baru-baru ini iaitu dua minggu dahulu apabila kita adakan upacara pembukaan hospital baru di Ipoh yang bermakna kita telahpun ambilkira cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah Kementerian Kesihatan menerima aduan daripada orang ramai berhubung dengan kes-kes yang salah laku doktor, salah memberi ubat dan sebagainya? Dan kalau ada, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian berhubung dengan kes ini?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini terkeluar daripada soalan pokok, tetapi dalam semua Jabatan Kerajaan memang ada badan-badan disiplin. Apabila berlaku sesuatu kesalahan, maka itu akan dibawa ke pihak atasan untuk siasatan dan tindakan sewajarnya.

KADA MEMBERI PERKHIDMATAN PERTANIAN KEPADA PETANI

5. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak minta Menteri Pertanian menyatakan merujuk kepada penglibatan agensi-agensi Kerajaan di bawah Kementerian termasuk RISDA dan KADA dalam kempen pilihanraya, tidakkah perlu pihak Kementerian menjaga meruahnyanya dari dituduh melibatkan diri dalam kempen pilihanraya, khususnya di pilihanraya kecil DUN Sungai Pinang dan DUN Limbongan, Ogos lalu, bagi pihak parti Barisan Nasional.

Setiasaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu atau KADA, adalah berperanan untuk memberikan perkhidmatan pengembangan pertanian kepada petani-petani. Pegawai-pegawai KADA adalah terlibat secara langsung menjelaskan kepada petani cara-cara mengusahakan tanaman padi menggunakan kaedah moden dari masa ke semasa. Pada masa yang sama, mereka menyampaikan dasar-dasar Kerajaan berhubung sektor pertanian.

Tugas ini dijalankan terus-menerus tidak kira sama ada pilihanraya ataupun tidak. Oleh itu, adalah tidak tepat untuk menyatakan bahawa KADA terlibat sewaktu kempen pilihanraya umum atau pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang dan Dewan Undangan Negeri Limbongan, memandangkan ianya sedang menjalankan tugas biasa yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat dari kawasan Kota Bharu, sukacita dinyatakan bahawa RISDA bukanlah agensi di bawah Kementerian Pertanian. Walau bagaimanapun, suka saya nyatakan bahawa pegawai-pegawai RISDA tetap menjalankan tugas seperti biasa sama ada pilihanraya kecil atau pilihanraya umum atau tidak ada pilihanraya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat-ini bagi pihak Kerajaanlah, oleh kerana soalan tadi berhubung dengan RISDA tidak sangkut dengan Kementerian Pertanian dan saya hendak bertanya Yang Berhormat ini sebab ini bersangkutan-bagi pihak Kerajaan, adakah Kerajaan ingin menyiasat bahawa dalam Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan Limbongan, Kerajaan Negeri Kelantan telah menggunakan pejabat-pejabat daerah dan juga penghulu-penghulu untuk berkempen bagi pihak mereka? Adakah kita ingin menyiasat dan juga ingin menolong mereka menjaga maruah mereka kerana menggunakan agensi Kerajaan untuk memenangi pilihanraya tersebut? (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa soalan ini terkeluar daripada soalan asal.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah

Yang Berhormat terangkan di dalam Dewan Rakyat ini adakah ahli-ahli ataupun kakitangan KADA dan RISDA menjadi ahli UMNO. Kalau ada, bcrapa ramaikah? Adakah Kerajaan sanggup mengadakan satu badan penyiasat untuk menyiasat setakat mana ahli-ahli ini yang disetujui sebagai ahli UMNO di dalam KADA memainkan peranan dan aktiviti semasa pilihanraya kecil. Adakah pihak Kerajaan akan memberhentikan semua aktiviti yang menjadikan KADA ataupun badan-badan seumpama itu sebagai platform untuk memaksa kakitangan masuk menyertai UMNO dan memainkan peranan di dalam segala aktiviti (*Tepuk*),

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kakitangan Kerajaan yakin dan percaya kepada parti Barisan Nasional (*Tepuk*) dan mereka menjalankan tugas sama ada ada pilihanraya atau tidak. Jadi, tidak timbul soal pegawai-pegawai KADA ataupun daripada agensi dan jabatan Kerajaan yang lain membuat kerja untuk Kerajaan, ini tugas kakitangan Kerajaan. Jadi, saya kesian kepada DAP, sebab pegawai-pegawai tidak sokong dia. Itu sahaja (*Ketawa*).

PROFESION PERGURUAN— PENILAIAN

6. Puan Lim Lay Hoon minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian sedar bahawa pihak Kementerian Pendidikan mengadakan pasukan-pasukan tertentu seperti Nazir Persekutuan, Pasukan Unit Kurikulum dan lain-lain pasukan untuk memerhati dan menilai prestasi guru. Profesion perguruan sentiasa diperhatikan; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang dan hendak mengambil tindakan yang serupa bagi lain-lain jabatan Kerajaan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedia maklum bahawa Kementerian Pendidikan mengadakan pasukan-pasukan tertentu seperti Bahagian Jemaah Nazir Sekolah-sekolah Persekutuan, Pasukan Unit Kurikulum dan lain-lain pasukan untuk memerhati dan menilai prestasi guru atau dengan Lain perkataan profesion perguruan.
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, lawatan naziran ini tidak terhad kepada Kementerian Pendidikan sahaja, bahkan ia adalah urusan biasa dalam Perkhidmatan Awam bagimeninjau pasti masaiah-masalah yang **pasti masalah-masalah yang** dihadapi oleh Jabatan-jabatan Kerajaan. Sejajar dengan ini, Kerajaan telah pun bersetuju supaya satu Pasukan Inspektorat ditubuhkan dan diletakkan di bawah Unit Permodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU) bagi mengesan peningkatan kualiti dan produktiviti Perkhidmatan Awam secara keseluruhannya terutamanya, memastikan setiap Kementerian, jabatan dan pejabat melaksanakan panduan-panduan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan melalui pekeliling-pekeliling kemajuan Perkhidmatan Awam. MAMPU juga menubuhkan beberapa Panel Penilai yang membuat lawatan ke Jabatan-jabatan untuk menilai sejauh mana program peningkatan kualiti dilaksanakan oleh jabatan berkenaan serta bagi pencalonan untuk pelbagai anugerah. Sementara itu, Jabatan Perkhidmatan Awam juga mengadakan pasukan naziran bersama dengan Perbendaharaan dalam urusan-urusan pemeriksaan anggaran Jabatan-jabatan bagi maksud membuat penilaian dari segi peranan dan fungsi sesebuah

organisasi Kerajaan dalam rncapai objektif yang telah ditetapkan, penggunaan kakitangan secara optima dan kawalan perbelanjaan oleh jabatan. Di samping agensi-agensi pusat ini, Kementerian masing-masing juga sentiasa mengawasi operasi Jabatan-jabatan di bawahnya supaya sentiasa berjalan dengan cekap. Ini meliputi lawatan naziran oleh pihak pengurusan ke Jabatan-jabatan berkenaan.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita telah mendengar bahawa Yang Berhormat Menteri telah menyebut tentang penubuhan unit inspektorat. Setahu kita Perkhidmatan Awam adalah satu perkhidmatan yang amat besar dan kawalan ke atas apa jua pengurusan, kualiti kerja, tindaklaku pegawai-pegawai bukan satu perkara yang mudah hendak diatasi. Walaupun apa jua tindakan yang telah diambil kita masih lihat mengapa di dalam Perkhidmatan Awam ada pegawai dan kakitangan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, apa soalnya?

Tuan Ahmad bin Nor: Ini yang saya tanya. Soalnya mengapa di dalam Perkhidmatan Awam terdapat pegawai dan kakitangan yang telah menjalankan tugas, peranan mereka dengan mengasaskan kepada peraturan dan undang-undang secara yang boleh ditafsirkan salahguna kuasa ataupun menggunakan kuasa secara berlebihan, menyusahkan orang ramai. Ini terdapat di berbagai jabatan. Saya minta penjelasan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, mudah saya fikir untuk membuat tohmahan yang sedemikian rupa. Tetapi kalau ada bukti-bukti yang menunjukkan kelemahan yang sedemikian rupa, boleh dibuat laporan. Kita ada Biro Pengaduan

Awam dan setiap tindakan yang kita lakukan sama ada di bawah MAMPU ataupun di Jabatan-jabatan lain adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan pengurusan jabatan-jabatan Kerajaan dan kita percaya dari masa ke semasa ia telah dapat meningkatkan pentadbiran dan pengurusan Kerajaan.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai perakuan-perakuan yang dibuat oleh pihak MAMPU, berapa banyakkah yang dilaksana dan kalau tidak dilaksana, apakah tindakan seterusnya?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, ini terkeluar dari soalan asal tetapi kalau hendak beri saya notis, saya boleh memberikan jawapannya.

PELABURAN ASING DI SEKTOR PERKILANGAN

7. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapa banyakkah permohonan untuk melabur di Malaysia diterima daripada pelabur asing bagi tempoh 9 bulan pertama tahun ini. Berapakah pula yang telah diluluskan serta bidang pelaburan dan berapakah jumlah pelaburan itu.

6-11-91.

26. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah pelaburan asing yang diterima dengan dinyatakan butir-butir negara dan jumlah pelaburan sepanjang tahun 1990 dan 1991 dan bentuk ekuiti setiap pelaburan itu.

25-11-91.

8. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah modal pelaburan luar dalam tempoh 8 bulan lalu mengikut negeri-negeri;

- (b) negara-negara pelabur yang telah menanam modal dan jenis-jenis industri utama serta peluang pekerjaan yang telah diwujudkan;
- (c) bagaimanakah sambutan dan minat pelabur-pelabur ke negeri-negeri di Pantai Timur dan Malaysia Timur; dan
- (d) apakah jangkaan pelaburan luar di negara ini bagi tahun 1991.

29-77-97.

24. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan setakat manakah dan banyak mana pelaburan-pelaburan yang telah dilaburkan di Malaysia setakat Januari 1990 sehingga September 1991 dari negara-negara di bawah:

- (a) United Kingdom;
- (b) Amerika Syarikat;
- (c) German;
- (d) Jepun;
- (e) Taiwan;
- (f) Perancis;
- (g) Negara-negara Timur Tengah;
- (h) Negara-negara Amerika Selatan; dan

sebutkan bidang-bidang pelaburan dan jumlah semuanya.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Klang pada 6hb ini, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Pagoh pada 25hb ini dan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Larut pada 29hb ini, kerana soalan-soalan ini adalah berhubung dengan pelaburan di sektor perkilangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Tuan Chua Jui Meng: Bagi tempoh 9 bulan pertama tahun ini sebanyak 519 permohonan telah diterima untuk menubuhkan projek-projek perkilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975. Dari jumlah ini sebanyak 369 permohonan melibatkan pelaburan asing dengan jumlah modal pelaburan asing sebanyak \$8.85 bilion iaitu 54.9% dari jumlah pelaburan.

Bagi tempoh yang sama sebanyak 591 projek perkilangan telah diluluskan di mana sebanyak 484 projek melibatkan penyertaan negara asing. Cadangan modal pelaburan asing ialah sebanyak \$12.758 bilion dan sebahagian besar dari pelaburan asing adalah di sektor barang-barang logam iaitu \$2.996 bilion, petroleum dan arang batu sebanyak \$2.564 bilion, barang elektrik dan elektronik sebanyak \$1.584 bilion, kimia dan barang-barang kimia \$1.774 bilion dan barang-barang galian bukan logam \$1.34 bilion. Pelaburan yang terbesar adalah dari negara-negara Jepun, Taiwan, Republik Korea Selatan, Amerika Syarikat, Indonesia dan Hong Kong.

Secara keseluruhan, 484 projek-projek yang diluluskan dengan penyertaan asing dijangka mewujudkan 109,931 peluang pekerjaan.

Bagi tahun 1990 dari sebanyak 906 projek yang telah diluluskan, sebanyak 709 projek melibatkan penyertaan negara asing dengan cadangan modal pelaburan sebanyak \$17.62 bilion.

Sumber-sumber utama pelaburan ini adalah dari negara-negara Taiwan, Jepun, Indonesia, Hong Kong dan Iran. Pelaburan yang terbesar adalah di sektor-sektor barangan logam asas, elektrik dan elektronik, petroleum dan arang batu, kimia dan barang-barang kimia dan perkilangan jentera. Projek-projek yang diluluskan dijangka mewujudkan sebanyak 144,196 peluang pekerjaan.

Dari jumlah permohonan-permohonan yang diterima sepanjang tempoh 1990 hingga September 1991, 740 buah projek adalah hakmilik asing sepenuhnya; 326 adalah usahasama majoriti asing dan 46 adalah usahasama 50:50 dan 292 merupakan usahasama majoriti Malaysia. Dari segi penyebaran industri-industri ke Pantai Timur dan Malaysia Timur, daripada 591 projek-projek yang telah diluluskan bagi tempoh Januari hingga September tahun ini, 6 projek akan bertapak di negeri Pahang, 1 di Kelantan, 12 di Terengganu, 32 di negeri Sabah dan 21 di negeri Sarawak. Walaupun ini merupakan hanya 12% daripada projek yang diluluskan, langkah-langkah sedang diambil untuk menggalakkan pelabur-pelabur mendirikan projek-projek mereka di kawasan-kawasan yang kurang menjadi tumpuan pelabur-pelabur buat masa ini.

Masalah kekurangan pekerja dan tanah perindustrian yang semakin serius di kawasan-kawasan maju seperti di Lembah Kelang dan Pulau Pinang akan juga dengan sendirinya mendorong pelabur-pelabur mendirikan projek-projek di luar kawasan-kawasan yang maju ini. Selain dari itu dengan peningkatan infrastruktur di kawasan-kawasan kurang maju, pelabur-pelabur di masa depan boleh digalakkan untuk mendirikan projek-projek di kawasan-kawasan ini.

Pelaburan asing dijangka akan meningkat bagi tahun 1991 kerana negara ini akan terus menjadi pusat pelaburan menarik untuk pelabur-pelabur dari segi kestabilan politik, polisi-polisi pelaburan asing yang liberal, perbekalan bahan mentah yang mencukupi dan pekerja-pekerja yang senang dilatih.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan Yang Berhormat dari kawasan Larut, data-data yang dikehendaki adalah banyak dan akan

memakan masa panjang untuk menghuraikannya. Oleh itu saya mohon izin untuk memberikan data-data terperinci ini secara bertulis.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam meluluskan projek-projek melibatkan pelabur-pelabur asing ini, apakah tumpuan telah diberi oleh pihak Kerajaan supaya menunaikan hasrat yang dinyatakan dalam Langkawi Declaration iaitu sesuatu projek pembangunan ekonomi perlu diimbangkan dengan perlindungan alam sekitar. Adakah ia menjadi satu dasar Kerajaan supaya mereka mengemukakan satu EIA sebelum projek ini diluluskan? Apakah tumpuannya?

Kedua, bagaimanakah pihak Kerajaan akan menyedarkan pelabur asing supaya ia dipertingkatkan lagi sehingga lebih pelabur-pelabur asing pergi ke Sarawak, Sabah dan Pantai Timur supaya kekayaan ini boleh diagih secara lebih adil lagi?

Tuan Chua Jui Meng: Soalan pertama, sudah tentulah ini menjadi dasar Kerajaan untuk mengikuti apa yang terkandung dalam Langkawi Declaration, Pada masa ini projek-projek yang akan dilancarkan di negara kita ialah dengan dimulakan satu Environmental Impact Study yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat sendiri. Scbcnarnya di Sarawak pada masa sekarang kita ada satu projek raksaksa tetapi kita akan menimbang Environmental Impact Study sebelum kita melaksanakan projek tersebut.

Untuk soalan yang kedua, bagaimana kita hendak menyedarkan pelabur-pelabur baik dalam negeri atau luar negeri, sukalah saya menyatakan bahawa kita ada satu dasar terbuka di sini. Walaupun Kerajaan berkehendakan industri-industri ditempatkan di tempat-tempat yang kurang maju, tetapi kita sedarlah bahawa itu terpulang kepada pelabur-pelabur untuk membuat keputusan yang akhir. Apa yang

mustahak ialah infrastruktur. Kita sedar pada masa dahulu kita memberi galakan-galakan secara insentif. Tetapi walaupun ada insentif, pelabur-pelabur asing tidak mahu pergi ke kawasan-kawasan yang tidak begitu maju seperti Lembah Kelang, Pulau Pinang dan lain-lain tempat. Kita sedar bahawa bekalan infrastruktur adalah satu faktor yang penting. Oleh kerana itu Kerajaan akan tertumpulah perhatian terhadap membangunkan infrastruktur-infrastruktur di negeri-negeri seperti Sarawak dan tempat-tempat lain.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada 444 yang telah diluluskan bagi tempoh sembilan bulan tahun ini, berapakah yang sudahpun beroperasi dan di manakah lokasi-lokasi syarikat-syarikat pelabur-pelabur asing terutama yang ada kepentingan luar negeri. Apakah ianya tertumpu di Lembah Kelang ataupun di Johor ataupun di Pulau Pinang? Bagaimana dengan empat-tempat lain dari segi pertaburan syarikat-syarikat luar yang mendapat kelulusan ini?

Soalan kedua, dijangkakan daripada 444 ini 9,000 lebih peluang pekerjaan yang akan diwujudkan. Saya ingin mendapat tahu apakah Yang Berhormat sedar di mana kelambatan dari segi pelaksanaan walaupun ianya diluluskan ialah masalah tidak mencukupi tenaga mahir. Saya ingin mengetahui apakah tindakan Kementerian Perdagangan dari segi mengkoordinasi dengan lain-lain Kementerian dan Jabatan yang bertanggungjawab untuk melahirkan tenaga manusia yang terlatih (skilled workers) ini bagi memenuhi keperluan tersebut kerana inilah dikatakan masalah yang paling utama, bukan lagi masalah insentif, kelonggaran syarat ataupun sebagainya tetapi tidak cukup tenaga mahir. Saya ingin tahu, apakah langkah yang konkrit, yang komprehensif, yang boleh mengatasi tenaga mahir yang diperlukan dari segi peluang-peluang pekerjaan yang dihasilkan melalui kelulusan 440 buah dalam tempoh 9 bulan tahun ini?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian (a), berapa projek yang telah dilaksanakan daripada 400 lebih projek yang telah diluluskan, kita mesti faham iaitu sesuatu projek yang hendak dilancarkan biasanya akan memakan masa lebih dari setahun. Kita kena buat feasibility study untuk tapak, kena buat kajian mengenai pengimportan jentera-jentera atau order jentera-jentera. Oleh kerana itu mengenai projek-projek yang telah diluluskan tahun ini, saya ingat hanya pada tahun depan baru dapat dilaksanakan kebanyakan projek-projek tersebut.

Mengenai dengan soalan skilled labour, dengan izin, yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang perkara ini dan kita pada Rancangan Malaysia Keenam telah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita akan meningkatkan tempat di dalam universiti-universiti dan politeknik-politeknik kita sebanyak 56% peningkatan yang begitu besar iaitu untuk menampung kehendak pasaran.

Kedua, kita akan menggalakkan sektor swasta untuk melatih pekerja-pekerja mereka melalui institusi swasta atau on the job training.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah punca utama yang menyebabkan pelabur asing agak kurang berminat untuk pergi ke negeri-negeri seperti Perlis, Kedah, Terengganu dan Kelantan? Kenapa pelabur-pelabur asing berminat pergi ke kawasan-kawasan yang kuat DAP seperti Petaling Jaya, Tanjung, Ipoh dan sebagainya?

Tuan Chua Jui Meng: Sebenarnya pelabur-pelabur asing pergi ke sesuatu tempat oleh kerana bukan ia diterajui oleh DAP atau Pembangkang tetapi oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional telah membekal dan memberikan peruntukan

untuk menaikkan pembangunan infrastruktur yang begitu baik. Itulah sumbangan daripada Barisan Nasional. *(Tepuk)* Kenapa tidak pergi ke negeri-negeri seperti Perlis, Terengganu dan lain-lain, saya telah jawab tadi, kita telah menggalakkan melalui pemberian infrastruktur yang baik. Untuk Kelantan itu satu kes yang istimewa, hanya satu sahaja yang hendak pergi ke Kelantan, itupun mungkin mereka akan change their mind oleh kerana parti yang memerintah Kelantan lebih mengutamakan politik daripada ekonomi. *(Tepuk)*

PENYEMBURAN RACUN MAKHLUK PEROSAK— KAWALAN

8. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) cadangan alternatif untuk menggantikan sistem penyemburan racun makhluk perosak untuk mengawal pencemaran alam sekitar.
- (b) sejauh manakah alam sekitar negara ini telah tercemar disebabkan oleh penggunaan racun serangga secara meluas; dan
- (c) dari segi penguatkuasaan, apakah tindakan Kementerian bagi mengawal penggunaan racun serangga berbahaya dan berlebihan terutama terhadap tumbuhan makanan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penyemburan adalah merupakan teknik terpenting dalam kaedah penggunaan racun makhluk perosak di bidang penanian bukan sahaja di negara ini tetapi juga di negara-negara lain. Memang tidak dapat dinafikan bahawa memang ada teknik-

teknik penggunaan racun tanpa semburan seperti cara suntikan batang, labur dan umpun tetapi kaedah-kaedah penggunaan ini hanya sesuai untuk kawalan perosak tertentu sahaja. Oleh yang demikian teknik penggunaan racun perosak secara semburan ini akan terus menjadikan kaedah yang penting dan digunakan dengan meluas kerana ia didapati berkesan dan praktikal.

Pengurusan Perosak Bersepadu yang telah diperkenalkan kepada petani adalah juga merupakan salah satu pendekatan alternatif ke arah mengurangkan penggantungan kepada penggunaan racun perosak di mana racun perosak digunakan secara bersepadu bersama-sama dengan kaedah kawalan secara biologi, musuh semula jadi dan amalan-amalan pertanian yang baik.

- (b) Adalah sukar untuk menentukan dengan tepat sejauhmana alam sekitar negara ini tercemar oleh racun serangga kerana data mengenai perkara ini agak berkurangan. Walau bagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Racun Makhluk Perosak untuk memastikan sisa racun serangga adalah rendah daripada standard minimum yang dibenarkan. Suka saya memaklumkan juga bahawa sebelum sesuatu racun perosak itu dibenarkan dijual di negara ini, ia mestilah terlebih dahulu didaftarkan dengan Lembaga tersebut. Racun perosak akan dinilai dari segi toksikologi, kemujarapan, kesan sisa-biak, sifat-sifat kimia dan fizik dan lain-lain maklumat sebelum didaftarkan. Ini adalah bagi memastikan bahawa racun perosak yang digunakan di negara ini bukan sahaja bermutu tinggi dan berkesan tetapi juga selamat digunakan dan tidak

mendatangkan kesan buruk kepada organisme bukan sasar dan alam sekitar juga digunakan dengan bijaksana. Banyak racun-racun perosak generasi baru telah didaftarkan kerana ia bersifat tidak persistence. dengan izin, dan hanya memerlukan kadar penggunaan yang jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan racun perosak generasi lama. Adalah dijangkakan bahawa racun-racun perosak generasi lama ini secara beransur-ansur akan diganti oleh racun-racun perosak generasi baru yang mempunyai sifat-sifat kurang mendatangkan kemudaratan kepada alam sekitar.

- (c) Racun perosak adalah dikawal di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974. Salah satu kehendak Akta ini ialah pendaftaran di mana semua racun perosak mestilah didaftarkan terlebih dahulu sebelum diimport, dikilang atau dijual di negeri ini. Semua racun perosak yang berdaftar mestilah mempunyai label yang diluluskan oleh Lembaga. Antara lam, label mestilah mengandungi maklumat seperti kaedah penggunaan dan kelas kebiasaan sesuatu racun perosak. Selain daripada itu maklumat mengenai langkah-langkah keselamatan yang patut diambil semasa menggunakan racun perosak juga dimuatkan. Ini adalah bagi memastikan racun perosak digunakan dengan selamat bagi mengelakkan kesan buruk kepada pengguna dan alam sekitar. Disamping pengawalan melalui Akta Racun Makhluk Perosak 1974, racun perosak juga dikawal dari segi sisa-baki dalam makanan dan hasil pertanian di bawah Akta Makanan 1983 melalui Peraturan-peraturan Makanan 1985 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu daripada akibat buruk dah sistem penyemburan racun makhluk perosak ialah berpunca daripada kelalaian atau, dengan izin ignorant petani-petani yang menggunakannya. Dan satu daripada kelalaian ini ialah mereka menghisap rokok selepas disembur racun makhluk perosak ini dan akhirnya menyebabkan kematian dan kemungkinan kerosakan sistem pernafasan. Apakah pihak Kementerian sedar bahawa ini telah berlaku dengan banyaknya, khususnya di kawasan padi di MADA dan di KADA dan juga di kawasan kelapa sawit dan kawasan penyeburan rumput-rumput di kawasan getah. Jikalau Kementerian sedar apakah tindakan yang telah diambil untuk memberi pendidikan ataupun kesedaran kepada petani-petani ini kerana dengan hanya menghisap rokok di dalam sekitar di mana racun itu masih berada ianya boleh menyebabkan kematian.

Dan soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebut mengenai sistem kawalan biological control. Saya pun telah membaca banyak mengenai hal ini sepertimana dilakukan di MADA. Apakah sistem ini berkesan jika ianya dijalankan berhampiran dengan tempat yang mana dibenarkan digunakan sistem penyemburan yang mana drift atau racun itu dipukul oleh angin dan habis mati labah-labah, patung dan lain-lain lagi yang digunakan untuk memakan musuh padi atau musuh lanaman.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan soalan yang pertama iaitu berhubung dengan apakah Kementerian sedar bahawa ada kejadian di mana petani-petani selepas menyembur racun menghisap rokok dan akibat daripada perbuatan tersebut akan memberi kesan kesihatan kepada petani. Sebenarnya pihak Kementerian melalui Juruteknik Pengembangan kita telah memberi

nasihat kepada para petani tentang bahaya-bahaya dan cara-cara penggunaan racun. Jadi, oleh kerana itulah kita telah memperkenalkan racun generasi baru yang dari segi dia punya kebiasaannya itu akan hilang dengan cepat.

Mengenai dengan soalan yang kedua tentang menggunakan bio-agent sebagai ganti kepada menggunakan racun, kita telah memperkenalkan penggunaan secara bio-agent ini bagi mengatasi masalah musuh-musuh tanaman yang sedang diusahakan oleh pihak MARDI. Sekarang ini kita ada dua tiga kawalan musuh secara bio-agent yang berkesan, umpamanya kita menggunakan burung pungguk dalam usaha kita untuk mengurangkan populasi tikus. Jadi, penggunaan bio-agent ini untuk mengurangkan kawalan musuh dan rumpai ini masih lagi dalam peringkat kajian. Jadi, pihak MARDI sedang meneliti perkara ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, mana lebih bahaya kepada alam sekitar dan kesihatan, penyemburan racun ataupun makhluk perosak? Sebab kalau tidak dibunuh makhluk perosak, alam sekitar dan kesihatan pun terganggu. Kalau kita menggunakan penyemburan racun untuk membunuh makhluk perosak pun timbul masalah yang dikatakan tadi kesihatan. Jadi cuba tolong selesaikan masalah ini (*Ketawa*).

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita ada dua cara, yang mana sesuai. Kalau kita boleh gunakan bio-agent, dengan izin, kita gunakan bio-agent. Kita tidak perlu gunakan insecticide atau pesticide. Jadi kalau kawasan yang tidak ada bio-agent, maka kita gunakan racun. Ini pilihan atau alternatif yang ada yang digunakan oleh pegawai-pegawai di Kementerian Pertanian.

WAWASAN 2020-PENERANGAN KEPADA RAKYAT SABAH

9. Tuan George Sangkin minta Menteri Penerangan menyatakan langkah-langkah dan kegiatan-kegiatan yang sedang dan akan dilakukan oleh Kementeriannya untuk menyebarkan maklumat dan penerangan kepada penduduk-penduduk luar bandar diseluruh Negeri Sabah mengenai matlamat dan objektif Wawasan 2020.

Timbalan Menteri Penerangan Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah Kemenlerian yang bertanggungjawab menyebarkan maklumat mengenai dasar-dasar Kerajaan, Kementerian Penerangan adalah sentiasa peka ke arah memastikan masyarakat negara ini memahami serta menghayati setiap dasar-dasar Kerajaan.

Untuk melaksanakan hasrat tersebut Kementerian Penerangan berusaha sedaya-upaya memberikan publisiti secara meluas melalui berbagai media termasuk media elektronik, celak dan cara bersemuka.

Bagi memastikan penduduk-penduduk luar bandar memahami dan menghayati dasar-dasar mengenai Wawasan 2020, Jabatan Penerangan khususnya akan sedia mengadakan berbagai aktiviti bersemuka seperti perhimpunan sivik, majlis dailog, lawatan rumah ke rumah dan sebagainya bagi menerangkan segala dasar-dasar tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, aktiviti-aktiviti seperti ini diadakan disepanjang masa yang meliputi semua dasar-dasar Kerajaan dan dilaksanakan di tiap-tiap negeri, termasuk di negeri Sabah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah semua program TV dalam negara kita ini, yang lucu, yang ganas, yang

porno, yang berat sebelah itu memperjelaskan bagi kita behawasanya itulah sikap daripada Wawasan 2020 yang telah dikemukakan oleh Perdana Menteri.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini tidak kena-mengena dengan Wawasan 2020. Tidak payah dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik. Tasik Chenderoh.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya rasa itu ada kena-mengena.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa itu tidak kena. Tasik Chenderoh.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Menteri sedar bahawa pada hari ini wakil dari parti Pembangkang meminta supaya Kementenan Penerangan masuk ke kampung-kampung untuk memberi penerangan tentang Wawasan 2020 yang telah dikemukakan oleh Perdana Menteri dari Barisan Nasional. Kalau Timbalan Menteri itu sedar, adakah nanti apabila pihak Pembangkang menuduh Kerajaan menggunakan Kementeriannya untuk kepentingan politik, pihak Menteri akan menjawab bahawa ini adalah kehendak yang diminta oleh Pembangkang itu sendiri.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, Jabatan Penerangan bukan baru ini, malah semenjak ianya ditubuhkan, telah menjadi agensi Kerajaan untuk menyebarkan maklumat-maklumat, khususnya berkenaan dengan dasar-dasar Kerajaan. Sama ada dasar-dasar yang sudah, yang sedang berlaku, mahupun dasar-dasar yang baru. Jadi, maknanya apabila Jabatan Penerangan masuk ke kampung-

kampung untuk menerangkan dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat, tidak timbul soal sama ada ianya disuruh oleh Pembangkang atau sesiapa. Tetapi ini sudah menjadi tugas dan tanggungjawab Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh rakyat.

Tuan Radin Malleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kalau mengikuti jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri berkenaan dengan isu ini, soalan saya ialah sepertimana yang kita sedia maklum, pada keadaan semasa ini di mana liputan di negeri Sabah agak kurang, jadi soalan saya, adakah dengan adanya pergeseran ataupun, confrontation ini akan memberi manfaat kepada semua pihak tanpa kerjasama daripada kita semua, terutama sekali kepada tuan rumah di Sabah. Terima kasih.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham berkenaan dengan confrontation antara siapa dengan siapa. Jadi, saya tidak dapat jawab soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, tidak jelas. Yang Berhormat Dr T. Marimuthu.

DASAR PERINDUSTRIAN

10. Dr T. Marimuthu minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) berdasarkan pada Dasar Perindustrian yang giat dijalankan, apakah program-program yang disusun oleh Kementerian Sumber Manusia untuk melatih belia-belie untuk memenuhi keperluan tenaga mahir yang dari sekolah-sekolah; dan
- (b) bolehkah pertubuhan-pertubuhan belia dan sukarela mencadangkan calon-calon untuk program ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):
Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan:

(a) Selaras dengan usaha Kerajaan untuk memajukan program perindustrian, seimbang dengan perkembangan dan keperluan industri negara dan perubahan teknologi yang memerlukan lebih ramai pekerja yang berkemahiran tinggi, Kementerian Sumber Manusia memang telahpun dan akan terus melaksanakan langkah-langkah tertentu untuk melatih belia-belia dalam usaha menyediakan tenaga buruh mahir dan separuh mahir. Di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Menambah bilangan Institut Latihan Perindustrian (ILP) yang berperanan mengeluarkan tenaga kerja terlatih. Sejak tahun 1989, lima buah ILP baru telah beroperasi menjadikan sepuluh Institut kesemuanya. Kursus Persijilan Kemahiran Ketukangan yang terdapat di ILP adalah merupakan program latihan yang memberi peluang kepada lepasan sekolah mendapat kemahiran dalam bidang ketukangan tertentu. Kursus ini mengambil masa selama dua tahun iaitu 18 bulan di Institut dan 6 bulan lagi bagi latihan praktik di industri. Pelatih-pelatih dikehendaki mengambil peperiksaan di peringkat pertengahan yang dikendalikan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) atau peperiksaan akhir yang dikendalikan oleh Jabatan Tenaga Rakyat.
- (ii) Kerajaan telah menubuhkan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan dengan tujuan

antara lain untuk merancang dan menyetaraskan latihan-latihan perindustrian yang dijalankan oleh institusi-institusi latihan sektor awam agar latihan yang dijalankan mencukupi dan sesuai dengan keperluan industri.

- (iii) Meningkatkan kapasiti pengambilan pelatih-pelatih dalam bidang-bidang latihan mahir dan separuh mahir yang dijalankan oleh institusi-institusi latihan yang sedia ada dan institusi-institusi latihan baru.
- (iv) Dalam Rancangan Malaysia Keenam, usaha-usaha untuk menambah bilangan institusi-institusi latihan mahir dan separuh mahir akan diteruskan di samping memperbaiki pengurusan institusi-institusi latihan tersebut supaya lebih berinteraksi dengan sektor swasta dan responsif kepada keperluan pasaran buruh.
- (v) Mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan lagi taraf dan kualiti program-program latihan dari peringkat asas kepada peringkat pertengahan bagi memenuhi keperluan kemahiran yang lebih tinggi oleh pihak industri.

Bagi menjawab soalan:

- (b) Pertubuhan-pertubuhan belia dan sukarela boleh mencadangkan calon-calon yang memenuhi syarat-syarat kelayakan masuk untuk mengikuti latihan di ILP. Syarat-syarat kelayakan kemasukan bagi semua jenis kursus memerlukan seorang pemohon berumur antara 16-30'tahun, berwarganegara Malaysia dan mempunyai Sijil Pelajaran

Malaysia, dengan kelulusan yang baik dalam matapelajaran Ilmu Hisab dan Sains. Sungguhpun begitu, calon-calon yang memiliki sijil Rendah Pelajaran boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus-kursus dalam bidang binaan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Oleh kerana masalah pengangguran yang masih berlaku termasuk di kalangan yang berkelulusan tinggi, sejauh manakah dasar perindustrian dan pelaksanaan itu boleh mengatasi masalah pengangguran. Maksud saya berapa peratuskah lebih kurang, masalah pengangguran itu telah dapat diatasi.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1986-1990, ILP telah mengeluarkan seramai 7,224 tenaga buruh mahir dan separuh mahir.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan jawapan Yang Berhormat yang panjang dan terperinci tadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah boleh pihak Kementerian ini menampung kurikulum sekolah iaitu berhubung dengan kemahiran hidup di mana kita ada kurikulum kemahiran hidup, tetapi pihak sekolah tidak mempunyai kemudahannya. Jadi, untuk menjadi negara maju, kita mesti memastikan bahawa anak-anak kita ini dilatih daripada peringkat sekolah lagi, iaitu sebagaimana yang dibuat di negara-negara maju di mana mereka yang berumur 16-19 tahun mendapat latihan dengan pihak swasta iaitu tiap-tiap seminggu dua kali. Jadi, adakah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menyelesaikan masalah ini, iaitu menampung masalah kekurangan pusat latihan ini dengan memberi kursus kepada anak-anak sekolah di bawah kemahiran hidup tiap-tiap dua minggu sekali sebagaimana yang dibuat di negara-negara maju.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat berkenaan, tetapi setakat ini terdapat 27 jenis kursus kemahiran yang dikendalikan oleh ILP iaitu kursus mekanikal, elektrik dan elektronik, percetakan, binaan dan teknologi bukan logam.

SYARIKAT KEWANGAN USAHASAMA MAKMUR BHD.

11. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa syarikat Kewangan Usahasama Makmur Bhd (KUMB) tidak disenaraikan (listing) di Bursa Saham Kuala Lumpur dalam tempoh dua tahun yang mana telah dijanjikan oleh Kerajaan daripada masa KUMB ditubuhkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan bahawa Kementerian Kewangan mahupun Bank Negara tidak pernah berjanji ataupun menetapkan tempoh tertentu bagi menyenaraikan saham-saham Syarikat Kewangan Usahasama Makmur Berhad di Bursa Saham Kuala Lumpur iaitu sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Semasa merangka rancangan menyelamatkan bagi 12 Koperasi Pengambilan Deposit melalui syarikat kewangan itu dahulu, Kementerian Kewangan hanya berharap supaya syarikat itu memohon untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dengan secepat mungkin setelah ia dapat memenuhi syarat-syarat bagi penyenaian sesebuah syarikat seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Terbitan Modal. Ini adalah untuk membolehkan pendeposit-pendeposit 12 koperasi pengambil deposit yang diberikan saham dalam syarikat kewangan itu dapat mengambil balik wang mereka dengan seberapa cepat yang boleh. Dengan demikian, pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak berbangkit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun Syarikat Kewangan Usahasama Makmur Berhad telah berjaya mencatatkan keuntungan dalam beberapa tahun lepas, tetapi ia masih belum mencapai tahap yang sesuai untuk disenaraikan. Dalam tahun 1990, misalnya, keuntungannya sebelum cukai mencapai \$15.95 juta tetapi pendapatan kasar sesahart hanya kira-kira lima sen. Ini adalah kerana modal berbayarnya terlalu besar, iaitu sebanyak \$323.4 juta.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh pendeposit-pendeposit 12 koperasi pengambil deposit yang menjadi pemegang-pemegang saham syarikat kewangan tersebut untuk mendapatkan balik wang mereka secara tunai, adalah diberi perhatian serius oleh Kerajaan. Dengan sebab itu, Kerajaan baru-baru ini telah meluluskan rancangan MBF Finance untuk mengambilalih Syarikat Kewangan Usahasama Makmur Berhad.

Rancangan pengambilalih itu telah dipersetujui oleh pemegang-pemegang saham Syahkat Kewangan Usahasama Makmur Berhad dalam mesyuarat agungnya pada 17hb Oktober yang lalu. Dalam rancangan itu, semua pemegang saham akan mendapat balik wang mereka berasaskan \$1.00 untuk \$1.00. Pada masa ini, proses pengambilalih itu sedang berjalan lancar dan dijangka selesai dalam sedikit masa lagi.

Dalam rancangan itu juga semua wang Bank Negara, sama ada dalam bentuk ekuiti ataupun pinjaman yang disalurkan melalui Syarikat Kewangan Usahasama Makmur Berhad bagi tujuan melaksanakan rancangan menyelamatkan 12 koperasi pengambil deposit berkenaan, akan diperolehi semula oleh Bank Negara nanti.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah tidak benar apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan Kerajaan tidak membuat janji untuk menye-

naraikan KUMB di Bursa Saham Kuala Lumpur. Perjanjian ini telah dibuat oleh Menteri sendiri iaitu Menteri M.C.A dan juga Bank Negara semasa KUMB telah ditubuhkan pada tahun 1988, kalau saya tak salah. Jadinya, Menteri M.C.A. bohong. (*Tepuk*) Betul atau tidak? Selalu bohong di dalam Dewan ini dan juga di luar Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap, Yang Berhormat perkataan "bohong" itu, diminta tarik balik sebab unparliamentary.

Tuan Wee Choo Keong: Ataupun tidak benar, apa-apa yang dicakapkan itu tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau tidak benar, itu lain cerita. Tetapi perkataan "bohong" itu kalau tak senonoh mesti ditarik balik.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, kalau ini satu fakta yang tidak betul oleh kerana Timbalan Menteri ...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berhujah. Sama ada di tarik balik perkataan "bohong atau tidak, dan teruskan dengan soalan.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi bahawa Kerajaan tidak buat begini. Jadinya,....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Perkataan "bohong" itu unparliamentary, tarik balik dan teruskan dengan soalan.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, ini takboleh ditarik balik, oleh kerana ini satu hakikat.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau Yang Berhormat tetap tidak ingin tarik balik perkataan itu

serta tidak mematuhi keputusan yang telah dibuat, saya kena memberhentikan Yang Berhormat daripada menyual. (*Disampuk*)

Seorang Ahli: Ini tidak adil.

Tuan Wee Choo Keong: Ini tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Masa untuk sesi Soal-Jawab Mulut telah pun tamat. (*Disampuk*).

Tuan Wee Choo Keong: Saya belum habis soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Setiausaha. Masa pertanyaan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 32 adalah diberi di bawah ini)

PUSAT PAMERAN PERDAGANGAN

12. Dato' Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada Kementerian bercadang mewujudkan pusat pameran perdagangan yang lengkap bagi mempamerkan semua jenis barangan yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan dengan tujuan promosi dan kemudahan peniaga-peniaga luar negeri melihat dan mengetahui apakah barangan yang boleh diperolehi di Malaysia. Jika ya, bilakah projek tersebut akan dilaksanakan dan di mana. Jika tidak, kenapa.

Tuan Chua Jui Meng: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sudah pun mempunyai pusat pameran perdagangan tetapnya yang lengkap di Pusat Perdagangan Eksport Malaysia. Pusat Perdagangan Eksport Malaysia ini

bertempat di Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Ruang pameran tetap ini telah pun wujud sejak tahun 1980 lagi. Buat masa ini, ruang pameran tetap ini seluas 1,000 meter persegi yang mana boleh menampung pameran contoh barangan daripada 180 buah syarikat Malaysia. Penyediaan ruang pameran tetap ini adalah salah satu daripada aktiviti Pusat Perdagangan Eksport Malaysia bagi membantu syarikat-syarikat yang mengeksport. Syarikat-syarikat yang mempamerkan barangan di ruang pameran ini tidak dikenakan sebarang bayaran ketika ini.

Oleh kerana ruang pameran yang ada sekarang adalah kecil dan aktiviti lain Pusat Perdagangan Eksport Malaysia sedang berkembang, Pusat ini akan mempunyai ruang pameran tetap yang lebih besar iaitu lebih kurang 10,000 meter persegi bagi menampung syarikat-syarikat tempatan untuk mempamerkan contoh-contoh barangan mereka. Penyediaan ruang pameran lebih besar ini dapat dilakukan kerana Pusat Perdagangan Eksport Malaysia akan mempunyai bangunan barunya yang akan dibina di tapak Changkat Pavilion. Kerja-kerja pembinaan bangunan baru ini akan dimulakan mulai 1 hb Januari, 1992 dan dijangkasiappadatah tahun 1995.

LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE KUWAIT DAN TURKI

13. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Timbalan Perdana Menteri dan rombongannya ke Kuwait, Turki dan negara-negara lain dan sejauh mana hasil lawatan itu telah dilaksanakan bagi faedah negara kita.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengetuai satu delegasi seramai 58 orang anggota terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan,

pihak swasta dan ahli-ahli perniagaan melawat Kuwait, Iran dan Turki pada 26hb Ogos hingga 5hb September, 1991 lalu. Lawatan ke Iran dan Turki adalah untuk memenuhi jemputan Kerajaan negara-negara tersebut manakala tawatan ke Kuwait pula adalah bertujuan untuk meningkatkan peluang Malaysia mengambil bahagian dalam pembangunan semula negara tersebut selepas perang Teluk.

Mengenai hasil lawatan, ianya telah berjaya meningkatkan hubungan dua-hala Malaysia dengan negara-negara tersebut. Di Kuwait, rombongan perdagangan Malaysia yang mengiringi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berjaya menghasilkan jualan terus bernilai MS5.89 juta dan tempahan bernilai \$32.53 juta untuk tempoh 12 bulan akan datang. Mengenai penglibatan Malaysia dalam pembangunan semula Kuwait, pihak Kerajaan Kuwait telah mengharapkan syarikat-syarikat dari Malaysia dapat menyertai projek-projek tersebut. Pihak Malaysia International Consortium Sdn. Bhd. (MICONT) pula akan menubuhkan pejabat cawangan di Kuwait serta mengadakan pusat pameran untuk mempamerkan barangan buatan Malaysia bagi pasaran di Kuwait. Sebuah syarikat tempatan telah dikenalpasti untuk dilantik sebagai rakan kongsi.

Semasa lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Iran, pihak Iran telah menawarkan kepada Malaysia untuk mendirikan rumah-rumah. Sebanyak 2 juta unit rumah dirancang untuk dibina dalam tempoh 5 tahun akan datang. MICONT akan menghantar satu rombongan untuk membuat tindakan susulan mengenai perkara tersebut. Beberapa buah syarikat Malaysia pula telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan syarikat-syarikat Iran bagi usahasama pengeluaran barangan kilang di Malaysia dan mengeksport barangan Malaysia iaitu tayarjentera berat ke Iran.

Manakala di Turki, pihak Kerajaan Turki telah meminta supaya Turki dijadikan pusat pengedaran minyak kelapa sawit Malaysia bagi pasaran ke Eropah. Pihak Kementerian Perusahaan Utama dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) akan mengambil tindakan susulan ke atas permintaan ini.

Sayajuga ingin memaklumkan di sini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga telah singgah di Syria dalam perjalanan ke Iran dan telah bertemu Menteri Perancangan Syria. Menteri tersebut ada menyatakan bahawa minyak kelapa sawit berkemungkinan dapat dipasarkan di sana. Selain daripada itu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga berkesempatan bertemu dan berbincang dengan pemimpin Kuwait, Turki dan Iran mengenai tsu-isu antarabangsa. Perbincangan tersebut telah memberi peluang kepada kedua-dua negara untuk saling memahami dan menghormati pendirian masing-masing. Kajian selanjutnya akan dibuat oleh Kementerian Perusahaan Utama.

PROJEK PEMBINAAN JALAN

14. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Kerja Raya menyatakan tentang cadangan Pembinaan Berungis/Tuaran/Kota Belud By Pass yang mana menurut bekas Menteri Kerja Raya ketika menjawab soalan saya di Dewan yang mulia ini pada tahun 1987 (kalau saya tidak silap) projek tersebut akan hanya dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-6. Kini rancangan tersebut sudah pun bermula. Apakah kemungkinan projek tersebut akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Menteri Kerja Raya pada 19hb Mac 1987 telah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa tawaran bagi projek ini tidak dapat dipanggil kerana tiada peruntukan disebabkan kemelesetan ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lagi, projek ini tidak termasuk dalam senarai yang diluluskan bagi Rancangan Malaysia Keenam.

TAMBAK JOHOR—KESALAHAN LALULINTAS

15. **Dr Nawawi bin Mat Awin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil, sambil menunggu penyelesaian-penyelesaian jangka panjang, untuk meredakan lalu-lintas di Tambak Johor yang mengakibatkan banyak kesan buruk terulamanya dari segi ekonomi dan pelancongan.

Tuan Kerk Choo Ting: Langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk meredakan kesesakan lalulintas di Tambak Johor ialah dengan melaksanakan projek Bersepadu Pembangunan Tambak Johor.

Projek ini mengandungi beberapa komponen iaitu pembesaran di Tambak Johor dengan melebarkan jalan dari 2 lorong kepada 3 lorong dan menambah keluasan "simpanan laluan kenderaan" yang boleh menampung lebih kurang 500 kenderaan dalam satu masa, Lorong-lorong pemeriksaan kastam akan bertambah dari 34 lorong menjadi 54 lorong. Ini bermakna keupayaan memproses kenderaan akan meningkat dari 3 ke 4 kali ganda dari keupayaan sedia ada iaitu mencapai 2,500-3,000 kenderaan sejam.

Sebanyak 10 lorong pemeriksaan imigresen dan kutipan tol serta 30 lorong pemeriksaan kastam bagi kereta telah pun dibuka kepada awam sejak 26hb Julai 1991.

Bagi menyelesaikan masalah pejalan kaki dipersekitaran kompleks kastam, terowong pejalan kaki dan projek pintu keluar yang dianggar bernilai \$10 juta akan dilaksanakan pada penghujung tahun ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah kesesakan jenis pengangkutan seperti lori dan treler di Johor Bahru, Kerajaan sedang memperbesarkan Kompleks Kastam Tg. Puteri di atas tanah seluas 12.3 ekar dan dengan siap pembinaan kompleks ini masalah kesesakan yang disebabkan oleh lori di bandar Johor Bahru akan dapat diatasi.

PROJEK MENCEGAH BANJIR DI PULAU PINANG

16. **Tuan Lim Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau telah menerima permohonan daripada Ketua Menteri Pulau Pinang untuk melaksanakan projek raksaksa mencegah banjir berjumlah sebanyak Dua (2) Ratus Juta Ringgit di Pulau Pinang. Jika ya, apa keputusan dan ulasan Perdana Menteri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri ada menerima permohonan untuk projek-projek Mencegah Banjir bagi Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Jumlah yang dipohon untuk projek-projek tersebut ialah \$133.20 juta. Kerajaan telah meluluskan sebanyak \$71.46 juta berdasarkan keutamaan projek serta kemampuan agensi melaksanakannya. Projek-projek tersebut termasuklah Projek Mencegah banjir di kawasan Mak Mandin dan Bagan Serai, Rancangan-rancangan mencegah Banjir di Sg. Tiram, Sg. Pinang, Sg. Rambai dan Rancangan Mencegah Banjir Perbadanan Pulau Pinang. Rancangan mencegah banjir di negeri Pulau Pinang meliputi kawasan pertanian dan kawasan bandar.

TABUNG PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI

17. **Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah

perkembangan Tabung Perumahan. Berapa banyakkah jumlah wang yang telah dikumpulkan dan berapa ramai yang terlibat.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu kurang jelas. Walau bagaimanapun, saya beranggapan bahawa "Tabung Perumahan" yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah "Tabung Projek Perumahan Terbengkalai (TPPT)".

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa setakat 1 hb Oktober 1991, sebanyak 218 borang permohonan telah diterima oleh Urusetia TPPT. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 80 permohonan telah diluluskan yang melibatkan jumlah pinjaman sebanyak \$247.8 juta.

PERJAWATAN SEKTOR AWAM BUKAN BUMIPUTERA

18. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan-rancangan konkrit yang telah dirangka untuk memenuhi objektif Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) dan Rancangan Malaysia Keenam bagi memastikan "penyertaan bukan Bumiputera yang lebih baik di dalam perjawatan sektor awam, seperti di peringkat pertengahan dan kanan dalam perkhidmatan awam" dan menyatakan matlamat serta-merta yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi tahun 1991, 1992 dan 1993 untuk perjawatan perkhidmatan awam sedemikian.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat khusus dan terperinci mengenai penyertaan kaum bukan bumiputera dalam perjawatan sektor awam sama ada di peringkat pertengahan ataupun kanan tidak disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Walaupun begitu, pertimbangan

dan keutamaan akan diberikan, sekiranya jawatan-jawatan dalam bidang-bidang tertentu tidak banyak disandang oleh kaum bukan bumiputera. Ini adalah tertakluk kepada prestasi dan juga sifat-sifat peribadi calon-calon yang terlibat.

ISU PEMBALAKAN HUTAN TROIKA DI MALAYSIA— PENERBITAN

19. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah pihaknya akan menapis segala buku-buku mengenai isu pembalakan hutan tropika di Malaysia yang banyak dijual sekarang dan sekaligus akan mengharamkan penerbitan-penerbitan berkenaan yang didapati mengandungi fakta-fakta palsu dan berniat jahat terhadap negara.

Tuan Ong Ka Ting: Kementerian Dalam Negeri sentiasa meneliti semua penerbitan yang menyiarkan berita atau fakta palsu termasuk penerbitan-penerbitan yang menyentuh isu pembalakan hutan tropika di Malaysia. Jika penerbitan berkenaan didapati menyiarkan berita atau fakta palsu dengan niat jahat, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan terhadap pencetak, penerbit, penyunting dan penulis berkenaan mengikut lunas undang-undang iaitu di bawah Akta Mesin Cetak Penerbitan (Pindaan) 1987.

BEKALAN AIR—KADAR

20. Tuan Wong Wing On minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan Pusat sedia dan bercadang untuk mendapat satu konsensus dengan pihak-pihak berkuasa di negeri-negeri supaya kadar bekalan air tidak dinaikkan sehingga memburukkan lagi keadaan intilasi yang serius.

Tuan Kerk Choo Ting: Perkara menaikkan kadar bekalan air adalah di bawah tanggungjawab pihak Negeri masing-masing dan bukan Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar-kadar bekalan air yang sedia ada di beberapa Negeri adalah amat rendah sehingga hasil yang dikutip tidak cukup untuk membiayai kos penyelenggaraan. Oleh yang demikian, adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri-negeri untuk menaikkan kadar bekalan air kepada satu kadar yang berpatutan.

PERMOHONAN KERAKYATAN

21. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan permohonan Sijil Kerakyatan yang diterima sejak hari Kemerdekaan sampai hari ini dan bilangan permohonan yang telah dilulus dan bilangan yang telah ditolak. Sebab-sebab permohonan telah ditolak;
- (b) bilangan permohonan Sijil Kerakyatan bagi tempoh berikut dan bilangan yang telah dilulus dan bilangan ditolak:
 - (i) bagi tempoh tahun 1961-1970;
 - (ii) bagi tempoh tahun 1971-1980; dan
 - (iii) bagi tempoh tahun 1981-1990,

Tuan Ong Ka Ting: (a) Semenjak Merdeka, sebanyak 2,401,966 permohonan kerakyatan telah diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak 2,305,668 diluluskan dan 86,994 ditolak.

Permohonan ditolak kerana mereka tidak layak dianugerah taraf kerakyatan negara ini.

(b) Bilangan permohonan kerakyatan mengikut tempoh adalah seperti berikut:

Tempoh	Pemohonan diterima	Lulus	Tolak
(I) 1961-1970	761,108	727,109	14392
(II) 1971-19*0	190,102	169,498	31,530
(iii) 19*1-1990	30,002	14,131	15,171

LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE KUWAIT

22. Tuan Michael Asang minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan hasil lawatan 50 ahli peniaga yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri pada bulan Ogos 1991 ke Kuwait. Apakah jenis barangan Malaysia yang berjaya dipasarkan kepada negara Kuwait semasa lawatan tersebut. Berapa pula jumlah nilai kontrak kerja-kerja membina semula bangunan di Kuwait yang berjaya diperolehi oleh pengusaha Malaysia.

Tuan Chua Jui Meng: Untuk makluman Ahti Yang Berhormat, rombongan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Kuwait dari 26-29 Ogos, 1991, telah dapat menghasilkan jualan terus berjumlah \$5.9 juta. Di samping itu, rombongan telah juga mencatatkan tempahan berjumlah \$32.5 juta bagi tempoh 12 bulan yang akan datang.

Barangan yang mendapat tempahan ialah barangan binaan seperti paip PVC, kayu, papan lapis, kabel elektrik, "plastic sanitary wares", peralatan elektrik seperti TV dan Hifi, dan barang-barang makanan seperti minyak masak, makanan segera dan makanan dalam tin, bateri kereta dan kasut keselamatan.

Dalam sektor pembinaan, syarikat-syarikat pembinaan tidak memperolehi kontrak kerja-kerja membina di Kuwait. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak-kontrak pembinaan semula di Kuwait akan dikeluarkan secara tender terbuka dan syarikat-syarikat tempatan perlu bersaing dengan syarikat-syarikat dari negara-negara lain untuk mendapatkan kontrak. Dalam hal ini, sebuah syarikat konsortium tempatan yang menyertai rombongan tersebut telah mengenalpasti sebuah syarikat di Kuwait untuk menjadi wakilnya. Perkara ini masih dalam proses perundingan.

**PARTI KOMUNIS MALAYSIA—
PEMBUBARAN**

23. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bagaimanakah perkembangan pembubaran Parti Komunis Mataysia;
- (b) adakah ahli-ahli kumpulan tersebut telah diterima semula sebagai rakyat biasa; dan
- (c) adakah senjata-senjata mereka telah diserahkan kepada Kerajaan.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Parti Komunis Malaysia telah ditubuhkan pada 5-12-1983 hasil daripada gabungan antara "CPM Revolutionary Faction (CPM-RP) dan "CPM Maxist-Leninist (CPM-ML)" yang berpecah daripada Parti Komunis Malaya (PKM) sekitar tahun 1970an. Parti Komunis Malaysia (PKMAL) adalah berasingan dari Parti Komunis Malaya (PKM) dan ianya tidak terikat dengan perjanjian perletakan senjata yang telah diadakan pada 2hb Disember 1989 antara Kerajaan Malaysia dengan Parti Komunis Malaya. Anggota-anggota Parti Komunis Malaysia telah menyerah diri secara beramai-ramai kepada pihak berkuasa Thailand pada bulan Mac dan April 1987 di bawah pengampunan Kerajaan Thailand. Berikutan dengan itu unit-unit bersenjata telah dibubarkan dalam tahun yang sama.
- (b) Tawaran pengampunan Kerajaan Thailand kepada Parti Komunis Malaysia tidak ada kaitannya dengan Kerajaan Malaysia. Oleh itu, Kerajaan Malaysia tidak terikat untuk menerima kepulangan anggota-anggota

Parti Komunis Malaysia (PKMAL) sebagai rakyat biasa negara ini. Jika mereka pulang secara haram tindakan undang-undang akan dikenakan ke atas mereka.

- (c) Senjata kepunyaan anggota Parti Komunis Malaysia (PKMAL) yang diserahkan kepada Kerajaan Thailand hasil daripada tawaran pengampunan beramai-ramai pada bulan Mac dan April 1987 itu adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa Thailand dan tidak melibatkan Kerajaan Malaysia.

**KAD PENGENALAN LAMA—
PENGELUARAN**

24. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa cara (warna) Kad Pengenalan Lama (jenis plastik) dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara setakat ini dengan menyebut apa warna dan ertinya;
- (b) bilangan pemegang setiap Warna Kad Pengenalan Lama pada 30hb September 1991; dan
- (c) sama ada Kad Pengenalan Baru akan mengikut Warna seperti tersebut itu untuk membezakan taraf warganegara dan kedudukan penduduk-penduduk Malaysia kita.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Pengeluaran Kad Pengenalan Plastik Lama diklasifikasikan kepada 4 warna iaitu:
 - Biru kepada warganegara;
 - Merah kepada pemastautin tetap tetapi bukan warganegara;
 - Hijau kepada mereka yang dibenarkan masuk selain pemastautin tetap;

- Coklat kepada mereka yang didaftarkan di bawah Ordinan Mencegah Jenayah 1959.
- (b) Bilangan Kad Pengenalan Lama yang dikeluarkan sehingga 30 September 1991:

Biru	-	11,503,058
Merah	-	1,020,775
Hijau	-	76,500
Coklat	-	2,765
- (c) Klasifikasi mengikut warna bagi membeza dan menentukan taraf penduduk di negara ini terus dikekalkan pada Kad Pengenalan Baru (KPT) tetapi dalam bentuk jalur berwarna.

WANITA MALAYSIA DALAM KEGIATAN PELACURAN DI AUSTRALIA/HONG KONG

25. **Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai wanita-wanita muda yang telah menggunakan Visa Pelancongan ke negara-negara Australia, Taiwan dan Hong Kong yang telah dikesani oleh Kementerian yang bekerja sebagai pelacur dan lain-lain kegiatan maksiat di luar negeri sejak tahun 1988-1991; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian dalam hal tersebut.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Sejak tahun 1988 hingga September 1991, seramai 81 orang wanita warganegara Malaysia telah didapati terlibat di dalam kegiatan pelacuran di Australia dan di Hong Kong. Kesemua mereka ini telah dikesan setelah pihak negara tersebut melaporkan kegiatan mereka kepada Perwakilan Malaysia di tempat masing-masing.

- (b) Bagi menyekat kegiatan ini, Kerajaan telah menarik balik pasport mereka sekembalinya mereka ke negara ini dan pasport-pasport itu tidak dikeluarkan kepada mereka.

MINYAK DIESEL BERKUALITI RENDAH—KENYATAAN

26. **Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kenyataan oleh Pengerusi Persatuan Pemilik Lori Pan-Malaysia pada 17hb Ogos, 1991 bahawa minyak diesel yang diimport berkualiti rendah dan mengandungi kandungan sulfur tinggi dan menyebabkan lori-lori mengeluarkan asap berlebihan benar atau tidak. Jika benar, apakah tindakan atau langkah akan diambil oleh Kementerian untuk membetulkan keadaan seperti ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi Persatuan Pemilik Lori Pan-Malaysia adalah tidak benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, minyak yang dijual oleh syarikat-syarikat minyak, termasuk minyak yang dikeluarkan oleh kilang penapisan minyak tempatan dan minyak yang diimport adalah berkualiti baik. Di samping itu ianya memenuhi spesifikasi diesel di Malaysia yang menetapkan had maksima kandungan sulfur sebanyak 1%.

Syarikat-syarikat minyak menjual minyak diesel dengan kandungan sulfur kurang daripada 0.4% dan ini tidak menyebabkan kenderaan mengeluarkan asap berlebihan.

PENGEDARAN DADAH DALAM PENJARA

27. **Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah seriusnya kegiatan pengedaran dadah di dalam penjara;

- (b) nyatakan kumpulan yang terlibat dalam kegiatan ini dan apakah tindakan yang diambil ke atas mereka; dan
- (c) sejauh manakah aktiviti ini dapat diatasi dan nyatakan langkah-langkah berkesan untuk mengatasinya.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Kegiatan pengedaran dadah di dalam penjara tidaklah begitu serius seperti yang disangkakan, di mana hanya tujuh buah penjara sahaja yang terlibat berbanding dengan 36 buah penjara yang terdapat di seluruh Malaysia.
- (b) Setakat ini kumpulan yang dikenalpasti di dalam kegiatan pengedaran dadah ini ialah banduan reman yang mana mereka ini berulang alik ke mahkamah kerana menghadiri perbicaraan. Disyaki mereka ini menerima dadah dari kawan dan kumpulan-kumpulan tertentu ketika mereka berada di mahkamah. Selain dari ini, kegiatan pengedaran dadah ini juga membabitkan kakitangan penjara dan pelawat-pelawat. Tindakan yang tegas telahpun dan akan terus diambil terhadap mereka yang terlibat, antaranya:

(1) Bagi banduan:

- (i) melaporkan kepada Polis.
- (ii) mengawasi pergerakan dan pemeriksaan fizikal terhadap mereka yang terlibat.
- (iii) banduan-banduan yang terlibat diletakkan di bilik berasingan.

(2) Bagi kakitangan:

- (i) Selain diambil tindakan tatatertib mengikut Undang-undang Penjara 1952 dan Peraturan-per-

aturan Penjara 1953, kakitangan yang terlibat dirujuk kepada Polis untuk tindakan pengadilan mahkamah.

- (ii) ditahan kerja.
- (iii) ditamatkan perkhidmatan
- (iv) dibuang kerja.
- (v) dihantar ke Pusat Pemulihan Dadah untuk rawatan.

(3) Bagi pelawat-pelawat:

- (i) Dilaporkan kepada pihak Polis untuk tindakan selanjutnya.
- (c) Kegiatan pengedaran dadah ini dapat diatasi dengan adanya tindakan-tindakan tegas seperti berikut:
 - (i) mengadakan kerjasama rapat dengan Cawangan Anti Dadah Polis DiRaja Malaysia bagi tujuan memberkas Pegawai-pegawai Penjara yang terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah.
 - (ii) menggerakkan fungsi unit keselamatan Penjara di peringkat institusi khususnya meningkatkan lagi pemeriksaan fizikal ke atas-
 - (a) Pelawat-pelawat sam ada keluarga ataupun sahabat handai banduan.
 - (b) Banduan-banduan yang baru dimasukkan dalam penjara.
 - (c) Banduan-banduan reman yang berulang alik menghadiri perbicaraan di mahkamah.

- (d) Pegawai-pegawai Penjara yang disyaki melibatkan diri dalam pendedaran dadah.
- (iii) mengambil tindakan-tindakan strategik seperti berikut:
- (a) melakukan pemeriksaan rapi ke atas barang-barang yang dibawa masuk ke penjara.
 - (b) menambah kakitangan untuk mengawal dan mengawasi perjumpaan banduan.
 - (c) mengadakan latihan intensif di kalangan Pegawai-pegawai Penjara khususnya dalam teknik-teknik membanteras penyeludupan dadah.
 - (d) mengambil tindakan tegas ke atas pegawai dan banduan yang terlibat.

PENSYARAH UNIVERSITI MELETAKKAN JAWATAN

28. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah pensyarah-pensyarah yang berhenti bekerja daripada tahun 1987 sehingga kini;
 - (i) mengikut universiti-universiti yang terdapat dalam negara ini;
 - (ii) mengikut bidang; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pensyarah-pensyarah yang berhenti bekerja daripada tahun 1987 sehingga kini ialah 455 orang ialah lebih kurang 91 orang dari jumlah pensyarah 4,520 orang setiap tahun. Jumlah ini merupakan hanya lebih kurang 2% dari keseluruhan jumlah kakitangan akademik yang boleh dianggap tidak kritikal (mencemaskan).

Untuk mengatasi masalah ini, pihak universiti akan mengisi jawatan-jawatan yang kosong dengan prosedur yang biasa dilakukan iaitu dengan mengiklankan jawatan-jawatan kosong serta mengambil tenaga pengajar dari luar negeri secara kontrak.

SYARIKAT NOMINEE— HAKMILIK EKUITI BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA

29. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan;

- (a) menjelang akhir bulan September 1991, apakah bilangan syarikat nominee yang telah mengemukakan butiran mengenai saham yang mereka pegang atau yang mereka mewakili kepada Pendaftar Syarikat. Apakah pula bilangan syarikat yang masih belum mengemukakan maklumat berkenaan; dan
- (b) daripada butiran yang dikemukakan, bolehkah Kerajaan memberitahu nilai wang serta peratusan hakmilik ekuiti bumiputera, bukan bumiputera dan asing yang sebenarnya dalam syarikat-syarikat nominee. Jika tidak boleh, mengapa.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Akta Syarikat 1965 tidak menghendaki syarikat-syarikat nominee untuk mengemukakan butiran mengenai saham yang dipegang oleh mereka atau yang diwakilinya kepada Pendaftar Syarikat. Walau bagaimanapun, Pendaftar Syarikat boleh menggunakan kuasa di bawah seksyen 69A Akta Syarikat 1965 untuk memperolehi maklumat sedemikian daripada syarikat-syarikat nominee yang berkenaan jika didapati perlu.

Dalam tahun 1991 sehingga bulan September, sebanyak 37 syarikat nominee telah diminta untuk mengemukakan senarai mereka yang ada kepentingannya di dalam pemilikan saham atau "beneficial owner", dengan izin. Dari jumlah tersebut, 23 telah mengemukakan jawapan dan 14 belum lagi berbuat demikian dan masih di dalam peringkat susulan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, arahan untuk syarikat nominee mengemukakan butiran mengenai saham yang dipegangnya mengikut seksyen 69A Akta Syarikat, hanya dibuat sekiranya Pendaftar Syarikat mempunyai alasan yang munasabah yang sesuatu kesalahan telah dilakukan. Walau bagaimanapun, bagi syarikat awam yang disenaraikan (di Bursa Saham) yang mempunyai lebih daripada 500 pemegang saham, kedudukan ekuitinya mengikut pemilikan (bumiputera atau bukan bumiputera) tidak dapat ditentukan. Ini adalah kerana syarikat seperti itu tidak dikehendaki oleh Akta untuk membaillkan senarai pemegang sahamnya kepada Pendaftar Syarikat.

BAHAYA AIDS—TINDAKAN

30. Dr anusi bin Daeng Meriok minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha dan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Bahagian Hal Ehwal Agama, Jabatan Perdana

Menteri dalam usaha mengatasi bahaya AIDS yang sedang melanda negara ini.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri sentiasa berusaha memberi kesedaran kepada orang-orang Islam mengenai kesejahteraan hidup mereka dan perkara-perkara yang boleh memudharatkan mereka atau memberi ancaman kepada mereka di dalam semua aspek kehidupan. Ini termasuklah perkara yang bersangkutan dengan kesihatan dan penyakit, termasuk juga penyakit AIDS. Langkah-langkah yang diambil ialah hal penyakit seperti ini dimasukkan dalam syarahan-syarahan agama, seminar-seminar dan penulisan rancangan-rancangan.

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR

31. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan dan pencapaian Jawatankuasa Pembangunan Kuala Lumpur yang diketuai oleh Perdana Menteri sendiri dengan tugas dan tanggungjawab menyelesaikan banyak masalah ibu negara yang penting dan utama yang memberi kesan ke atas kualiti hidup warga kota. Adakah Jawatankuasa menimbang untuk mempelawa semua wakil rakyat yang dipilih dalam Kuala Lumpur tidak kira parti politik yang diwakili, untuk duduk dalam Jawatankuasa itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Jawatankuasa Pembangunan Kuala Lumpur yang telah ditubuhkan bertujuan untuk mengawasi dan memandu supaya perancangan dan pelaksanaan pembangunan semasa dan masa depan Kuala Lumpur menjadi sebuah bandaraya lebih teratur, bersih, selesa dan sesuai dengan pertumbuhan negara. Pihak Kerajaan telah mengambil

perhatian yang berat terhadap masalah-masalah dan kesan pembangunan di Kuala Lumpur. Kerajaan juga sedang menimbangankan peruntukan-peruntukan yang sesuai bagi meningkatkan taraf infrastruktur dan kemudahan awam serta pengawalan kualiti alam sekitar.

Buat masa ini, Jawatankuasa belum bercadang untuk mempelawa wakil-wakil rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk menduduki dalam Jawatankuasa ini. Keahlian Jawatankuasa sekarang ini terdiri dari Menteri-menteri daripada Kementerian yang mempunyai kaitan dengan pembangunan Kuala Lumpur.

BANJIR DI KUALA LUMPUR— KAJIAN KEROSAKAN

32. **Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau bercadang meminta Syarikat-syarikat pembinaan Lebuhraya Lembah Kelang dan projek-projek perumahan untuk membuat kajian kerosakan harta-benda dan membayar pampasan atau gantirugi kepada penduduk-penduduk di sekitar yang mengalami banjir air dan lumpur akibat dah pembinaan-pembinaan tersebut. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sebagai pihak berkuasa yang meluluskan projek-projek perumahan di dalam kawasan wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ada mengenakan syarat-syarat yang ketat seperti kawalan kerja tanah dan pembinaan sistem perparitan yang sempurna untuk mencegah hakisan tanah dan menjamin aliran air yang licin dan sempurna. Walau bagaimanapun, perangkap kelodak di beberapa skim perumahan tidak diselenggarakan dengan sempurna. Pihak DBKL sentiasa mempertingkatkan pemeriksaan tapak untuk memastikan perangkap kelodak diselenggarakan oleh pemaju-pemaju dengan sempurna.

Berhubung dengan syarikat pembinaan Lebuhraya Lembah Kelang, DBKL telah meminta Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) supaya mengarahkan kontraktornya menjalankan langkah-langkah tertentu untuk mencegah hakisan tanah dan banjir di sebahagian kawasan Segambut.

Berhubung dengan kerosakan harta benda kepada penduduk-penduduk di sekitar yang mengalami banjir air dan lumpur, adalah terpulang kepada penduduk-penduduk berkenaan untuk menuntut pampasan dan gantirugi dari pemaju-pemaju perumahan yang terlibat, sekiranya didapati pemaju berkenaan telah cuai dalam menjalankan kerja-kerja mereka atau telah melanggar undang-undang kecil DBKL.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1990 DAN 1991) (No. 2)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 4) 1990

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1991

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) (No.2) dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.4), 1990 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bi!,2), 1991 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Kedua*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Point of order yang beberapa, Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order 14. Saya rasa tindakan Tuan Yang di-Pertua tadi menunjukkan bahawa Tuan Yang di-Pertua tidak layak menjadi Tuan Pengerusi. (*Tepuk*) Kita sepatutnya membahaskan pada hari ini Usul yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Kampar, dan sebelum usul ini dibincangkan, usul Yang di-Pertua tidak layak menjadi Tuan Yang di-Pertua sehingga setelah dibincangkan usul Yang Berhormat dari Kampar, Tindakan Tuan Pengerusi tadi terhadap Yang Berhormat dari Bukit Bintang tidak adil (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat mendapat kebenaran melanjutkan ucapan Yang Berhormat, saya rasa adalah perlu Yang Berhormat sila duduk dan bertenang. Yang Berhormat bangkitkan point of order 14 atau yang beberapa? Saya rasa bila Yang Berhormat tinggikan nada ucapanpun tidak mendatangkan sebarang manfaat.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau saya tidak tinggikan nada, Tuan Pengerusi tak boleh dengar. Itu yang menjadi masalah. Orang yang tak tahu malu tak boleh dengar.... (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat dari Kampar walaupun duduk, tetapi rasa saya telah mengeluarkan suara-suara yang sumbang, dan Yang Berhormat dari Kota

Melaka, sila duduk! Saya akan buat keputusan. Saya sungguh kasihan kepada Yang Berhormat berdua ini, walaupun

Seorang Ahli: Pembohong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): telahpun difahamkan apa dia keputusan yang telah dibuat, tetapi nampaknya....

(*Disampuk*) tetap tidak ingin memahami apa yang diputuskan dan saya rasa kalaulah Yang Berhormat berdua ini masih kurang faham, apa yang diputuskan, mungkin saya boleh tolong. Dan saya akan cuba memahamkan Yang Berhormat berdua di luar Dewan tentang apa dia Peraturan Mesyuarat yang berkenaan. Sekian. (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Majlis dalam Jawatankuasa. Yang Berhormat dari Tanjong, dijemput untuk menyambung ucapan Yang Berhormat. Dan sebelum itu, saya juga minta.....

Tuan Lim Guan Eng: Orang yang bohong saya rasa tidak layak.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dan sebelum itu, saya minta Yang Berhormat dari Kampar dan juga Kota Melaka, fahamlah apa dia peraturan dan jaga membawa diri dengan decorum yang perlu. Sekian.

Tuan Lim Guan Eng: Nasihat itu patut ditujukan kepada diri sendiri. (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tanjong dijemput menyambung dan saya rasa kalau Yang Berhormat berdua ini tetap hendak mengganggu perjalanan mesyuarat. Yang Berhormat dari Tanjong pun tidak dapat menyambung ucapan beliau. Itulah bukan sesuatu yang membina. Itu adalah sesuatu yang mencerminkan kewarasan dan juga tahap pengajaran Yang Berhormat berdua! (*Disampuk*) Tanjong.

Tuan Lim Guan Eng: Pembohong tetap pembohong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tak mengapalah, apa yang dibuat itu tentu ada balasannya. (*Ketawa*) Dijemput, Tanjong.

Maksud B.26 (Jadual Pertama)—

Maksud B.26 (Jadual Kedua)—

3.40ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Pada hari semalam, saya telah bincang berkenaan dengan perkara perlunya penggarisan yang jelas tentang skop tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan dan meminta untuk mengetahui mengapa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan MCA kelihatan begitu tidak berkesan, tidak berupaya walaupun beliau mendakwa bahawa beliau mempunyai kuasa dari empat orang Menteri MCA dan seluruh Kabinet mengenai kenaikan pelajar-pelajar Darjah VI Sekolah Rendah Cina terus ke Tingkatan 1 tanpa memasuki Tingkatan Peralihan.

Oleh yang demikian, sayadi sini ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan MCA, nampaknya tadi dia lari daripada Dewan di sini.....

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap, ada yang bangun. Hendak beri jalan atau tidak, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong?

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan?

Tuan Ong Ka Ting: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Silakan.

Tuan Ong Ka Ting: Tenma kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sejak semalam berucap sampai sekarang, berucap di atas perkara yang tidak ada kaitan dengan emolumen Kementerian Pendidikan. Jadi, saya hendak bertanya kepadanya, sama ada dia sedar atau tidak, dia sudah keluar daripada tajuk ini.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Ini, yang pertama, bukan penjelasan, dia tidak tahu sama ada dia faham atau tidak faham Peraturan Mesyuarat. Yang kedua, kelakuannya sebenarnya ialah mencabar kewibawaan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamed Zahir, oleh kerana beliau mempengerusikan mesyuarat dan beliau membenarkan perbincangan, sungguhpun perkara ini satu perkara yang menyakitkanhati MCA oleh kerana MCA 'bohong'! MCA 'bohong'!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila teruskan. Dan kalau Yang Berhormat tidak mahu jawab, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, oleh kerana dalam perkara ini MCA membuat pembohongan, cakap bohong dan pembohong besar dalam negara ini.

Tuan Ong Ka Ting: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Saya akan buat keputusan, bertenang Yang Berhormat, sila duduk sebentar.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, saya tenang.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ekoran dari apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, saya rasa

perkataan 'bohong' tetap unparliamentary. Sebentar tadipun, saya telahpun membuai keputusan yang sarna.

Tuan Ong Ka Ting: Tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila rujuk kepada kes Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Jadi, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menarik balik perkataan 'bohong' yang unparliamentary, sama ada dirujuk kepada MCA, bukan MCA, itu tidak ada kena mengena. Unparliamentary tetap unparliamentary.

Tuan Lim Kit Siang: Itu sebab kenapa ada Usul yang mencabar kewibawaan Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya yang duduk di Kerusi di sini, oleh kerana apa yang timbul mengenai MCA, berat sebelah, itulah timbul masalah, masalah ini ditimbulkan oleh Yang Berhormat sendiri.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu unparliamentary.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): (*Bangun*)

Tuan Wong Wing On (Kampar): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat berdua, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Perkataan 'bohong' itu unparliamentary apabila, saya mahu betulkan Tuan Pengerusi. Perkataan 'bohong' unparliamentary kalau kita tujukan kepada seseorang dalam Dewan, bukan perkataan ini tidak boleh digunakan untuk mensifatkan apa yang berlaku. Dan MCA 'bohong' itu bukan unparliamentary.

Tuan Ong Ka Ting: (*Bangun*)

Puan Lim Lay Hoon (Padang Serai): (*Bangun*)

Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar): (*Bangun*)

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Semua bertenang, dan saya akan buat keputusan. Sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: MCA bohong, apa unparliamentary, boleh dibuktikan, kita boleh adakan satu Commission Inquiry.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat orang yang lama atau orang yang baru, saya rasa kenalah menjunjung Peraluran Mesyuarat, khususnya orang yang lama patutlah menjadi teladan kepada orang yang baru. Dan saya rasa apa sahaja yang saya puluskan, tidak ada kena mengena dengan parti MCAkah, UMNO atau DAP, yang unparliamentary tetap unparliamentary. Dan apa yang dijujukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi, saya rasa itu lain ceritanya, sangkaan itu lain. Itu tidak boleh ditujukan kepada seseorang individu. Itu lain ceritanya. Dan kalaulah Yang Berhormat tetap tidak ingin menarik balik perkataan yang dianggap sebagai unparliamentary, saya rasa saya terpaksa memberhentikan percakapan Yang Berhormat. Walaupun saya memang tidak berniat berbuat demikian.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak pernah baca, tahu, dengar di mana bahawa perkataan 'bohong' yang bukan ditujukan kepada sesiapa di dalam Dewan ini tetapi oleh kerana mensifatkan kelakuan itu unparliamentary. Saya mahu tanya kalau ada seseorang yang benar-benar bohong, adakah kita tidak boleh timbulkan dan bincang perkara itu dalam Dewan? Kita mahu tutup mata kita? (*Tepuk*) Saya mahu meminta nasihat, kalau kita mahu ucapkan pembongkaran, bolehkah kita menggunakan perkataan ini atau tidak boleh?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Keputusan telahpun dimuktamadkan dan saya rasa kalaulah Ahli Yang Berhormat ini tetap berdegil-degil, saya terpaksa menjalankan tugas saya mengikut Peraturan Mesyuarat 44 (1), memberhentikan percakapan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan gunakan Kerusi untuk melindungi MCA kerana MCA political parasite, oleh kerana MCA takut, itu menjatuhkan maruah Tuan Pengerusi.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telahpun diberhentikan bercakap, Arau.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Saya telahpun memberhentikan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Lebih baik turun daripada Kerusi itu. Keputusan begitu tidak adil, begitu berat sebelah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Adil atau tidak adil bukan terpulang kepada Ahli Yang Berhormat seorang. Ini bukanlah ketetapan Yang Berhormat seorang. Ahli Yang Berhormat dari Arau, kalau hendak mengambil bahagian dalam perbahasan, boleh berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tidak dibenarkan untuk membangkitkan perkara itu, dan di hadapan kita ada satu usul yang dikemukakan

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk sebentar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi.....

Tuan Lim Kit Siang: Lebih baik menggunakan budi bicara untuk menanggukkan mesyuarat ini, turun dari Kerusi itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tanjong, tidak ada gunanya kalaulah Yang Berhormat ini sebagai teladan kepada orang baru tetapi tidak tahu membawa diri

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu teruskan dengan ucapan saya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dan saya sebagai Tuan Pengerusi, saya tidak ada alternatif yang lain tetapi terpaksa menggunakan Peraturan Mesyuarat 44 (2), untuk mengeluarkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 44 (2), saya terpaksa mengeluarkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, scbab, sebelum ini Peraturan Mesyuarat 44 (1) telahpun digunakan dan tetap berdegil-degil lagi. Bentara, sila jalankan tugas. Ini tidak ada kena mengena dengan kepartian politik.

Tuan Lim Kit Siang: Datang ke sini, menyalahgunakan kuasa, jawatan, supaya dapat kekal dalam MCA.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, boleh lepaskan geram, tetapi saya kena jalankan tugas saya.

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)
Tuan Pengerusi: (**Tuan Ong Tee Keat**): Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya telahpun buat keputusan mengikut Peraturan Mesyuarat 44 (1) diikuti dengan 44 (2), yang memalukan, saya rasa ialah orang yang tidak tahu mematuhi Peraturan Mesyuarat. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Kalau MCA bohong, you tidak membenarkan saya bercakapdisini.seluruhrakyatpuntahu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu bukan MCA atau tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Ini ditunjukkan dalam keputusan pilihanraya besar yang lalu, semua rakyat tahu pemimpin-pemimpin MCA bohong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bentara, jalankan tugas.

Tuan Lim Kit Siang: Ini semua tahu, tidak guna kata jangan timbulkan perkara ini. "6 C" pun bohong, apa perkara pun bohong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Arau akan diizinkan berucap selepas Bentara jalankan tugas beliau, Saya berharap Yang Berhormat tahulah bagaimana membawa diri dalam Dewan yang mulia ini, khususnya sebagai Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order 36 (6).

Tuan Lau Dak Kee: Point of order!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bentara sedang jalankan tugas beliau satu demi satu. Ini boleh dikemudiankan.

Tuan Lim Kit Siang: Satu perkara yang kecil mengenai masa depan anak-anak kita yang mahu masuk Tingkatan Satu, MCA begitu takut mahu timbulkan perkara semacam ini, takut sebut bohong oleh kerana MCA bohong, Menteri-menteri bohong dalam menjalankan tugas mereka. Kenapakah kita menghadapi.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat janganlah bercakap banyak, kena ikut peraturan dan keputusan.

Tuan Lim Guan Eng: Pointof order.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Point of order dan sebagainya boleh dibangkitkan kemudian.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, saya nampak Timbalan Menteri tunjuk tanda lucah

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Yang Berhormat dari Ipoh nampaknya terlampau excited (*Ketawa*), sila duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Pointof order.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka, nanti dahulu. Jalankan tugas ini dahulu, Bentara.

Tuan Lim Guan Eng: Ini penting. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Satu demi satu.Saya akan layan kemudian.

Tuan Lim Guan Eng: . . . semasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Zahir, bila beliau membuat satu keputusan di mana seorang Ahli Dewan dari Barisan Nasional mengatakan DAP pembohong, saya meminta bahawa perkataan itu ditarik balik, tetapi Tan Sri Zahir membuat keputusan kalau ini tidak ditunjukkan kepada seseorang individu . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Selagi Yang Berhormat Ketua Pembangkang belum lagi keluar daripada Dewan ini, saya tidak melayan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, ini akan dikemudiankan, tetapi satu demi satu.

Tuan Lim Guan Eng: Ini point of order. Point of order mesti didahulukan. Saya minta Tan Sri Zahir datang

membuat keputusan kerana ini nyata. Tuan Pengerusi sekarang ketinggalan zaman (*Ketawa*), tak tahu apa yang berlaku, tak tahu Peraturan Mesyuarat.. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat boleh bercakap apa sahaja, tetapi saya rasa itu pun tidak akan membina, tidak akan mendatangkan manfaat kepada rakyat dan pengundi Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ini menunjukkan Tuan Pengerusi tidak layak. Ini ada satu precedent.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya diminta untuk berucap. Jangan sampai saya hilang kesabaran kerana saya sudah sabar terlalu lama ini, lebih baik kita selesaikan ataupun di bawah Peraturan 44(8) kita langguhan, kalau tidak, tidak bermakna

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta Dewan ditangguhkan, rujuk kepada Tan Sri Zahir

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau tidak, mesti dikeluarkan di bawah 44(2) ataupun

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau sekiranya Yang Berhormat dari Tanjong tidak mahu keluar dengan elok, diheretkan. Kalau sekiranya Bentara takut, panggil saya. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Arau duduk. Yang Berhormat dari Arau berienang juga.

Tuan Lim Kit Siang: Perkataan 'bohong' tidak unparliamentary. . . bukan ini salahguna kuasa, salahguna kuasa ada niat jahat oleh kerana melibatkan MCA. Itu tidak

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya sudah berulang kali bercakap itu tidak ada kena-mcngena dengan kepartian politik, tetapi saya kena jalankan tugas saya.

Tuan Lim Kit Siang: Itu oleh kerana kepartian, oleh kerana perkataan 'bohong' bukan unparliamentary

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat sekalian, memandangkan keadaan semasa

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Saya belum buat keputusan lagi, Yang Berhormat jangan bangun

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Saya sedang bercakap. Yang Berhormat- Yang Berhormat sekalian, memandangkan keadaan semasa khususnya Yang Berhormat Ketua Pembangkang cnggan mengikut keputusan yang telah pun dibuat, iaitu beliau dikehendaki keluar daripada Dewan yang mulia ini, saya terpaksa menempohkan Majlis Mesyuarat buat sementara waktu untuk 10 minit.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Yang Berhormat sekalian, seprctimana yang saya sebutkan tadi memandangkan keadaan semasa, saya terpaksa menempohkan Majlis Mesyuarat selama 10 minit dari sekarang.

Persidangan ditempohkan pada pukul 3.56 petang.

Persidangan disambung semulapada pukul 4.10 petang

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tanjong, mengikut ruling yang telah dibuat awal-awal tadi, saya minta kerjasama Yang Berhormat untuk mematuhi arahan di bawah peruntukan Peraturan 44 (2), minta kerjasama Yang Berhormat untuk meninggalkan Dewan ini pada hari ini. (*Tepuk*) Saya memohonlah Yang Berhormat, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bukan tidak mahu bekerjasama. Saya mahu minta sama ada perkataan "bohong" itu unparliamentary. Oleh kerana tidak ditunjukkan kepada sesiapa. Ini masalah pokok bukan ditunjukkan kepada sesiapa dalam Dewan ini dan perkataan ini, ruling yang pernah dibuat dalam Dewan ini. Perkataan ini pernah digunakan dalam Dewan ini menyifatkan kelakuan yang tidak benar, cakap tidak benar. Itulah pokok. Saya keluar atau tidak keluar, itu hal yang kedua tetapi apa yang kita mahu ialah tunjuk kepada orang ramai bahawa kita adil, kita ikhlas dan kita lurus dalam perkara ini.

Adakah perkataan "bohong" itu unparliamentary dan bukan ditunjukkan kepada sesiapa.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta duduk ya! Yang Berhormat, Dewan ini telah begitu tegang di dalam keadaan-keadaan dalam Jawatankuasa. Jadi, kita sudah buat

ruling. Kita mengikut ruling. Kita tidak boleh tarik balik ruling di atas permohonan Yang Berhormat dan di mana ruling telah dibuat berdasarkan kepada perkara-perkara yang tertentu.

Jadi, saya mintalah kerjasama Yang Berhormat untuk menenangkan keadaan Dewan ini, Yang Berhormat tinggalkanlah Dewan Mesyuarat ini untuk hari ini sahaja. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya rela keluar tetapi saya mahu minta satu penjelasan. Adakah ini bererti bahawa perkataan "bohong", oleh kerana ada satu keputusan dibuat masa itu tetapi ini boleh dibenarkan kalau tidak ditunjukkan kepada sesiapa. Itu sebagai satu panduan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, oleh kerana keputusan itu dibuat oleh Yang di-Pertua yang setaraf dengan saya juga maka ruling itu stand.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi ruling itu ada dibuat oleh Tan Sri Zahir pada masa dahulu. Bagaimana kita boleh beri ruling yang berbeza daripada sesiapa yang memegang Kerusi? (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya tidak tahu tentang ruting yang telah dibuat oleh Tan Sri Zahir. Kalau Yang Berhormat tidak puas hati dengan keputusan Yang di-Pertua yang sebelum saya, maka ada prosedur-prosedur tertentu Yang Berhormat boleh kemukakan pada Dewan ini nanti tetapi kepada ruling yang telah dibuat, saya memohon kerjasama dari Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Oleh kerana Yang di-Pertua sudah naik sekarang dan saya tidak mahu memanjangkan perkara ini tetapi apa yang pokok, masalah ialah oleh kerana seorang Timbalan Yang di-Pertua yang tidak hadir, berat sebelah, ada niat jahat

dan sebab itu perkara ini berlaku. (*Tepuk*) Kita tidak datang ke sini untuk buat huru-hara. Kita mahu persidangan terus dijalankan.

Beberapa Ahli: Hoi, hoi, hoi . . . (*Diganggu*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sabar Yang Berhormat, sabar ya.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan samsing ya (*Ketawa*) dan kita harap bahawa Timbalan Yang di-Pertua, MP kawasan Ampang Jaya tidak akan naik sehingga Usul mencabarkannya dibersikan. Kita tidak boleh ada seorang Timbalan Yang di-Pertua yang begitu dengan niat jahat, begitu bcrat seblah, yang tidak unfair....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Maboruddin): Yang Berhormat, saya ihgat Yang Berhormat keluar untuk hari ini sahaja. Terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Lau Dak Kee: On a point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar ya. Point of order. Yang mana satu point of order? Arau atau Ipoh? Ipoh, ya.

Tuan Lau Dak Kee: Point of order. Tuan Pengerusi, point of order 36 (6). Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli yang lain.

Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa Timbalan Menteri Pendidikan apabila masuk ke dalam Dewan ini menunjukkan tanda-tanda lucu kepada semua Ahli di sini. Saya nampak dan bukan hanya kita nampak, pemerhati-pemerhati khas dari

budak-budak sekolah pun nampak, pemberita-pemberita pun nampak. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan itu tarik balik tanda-tanda lucu itu. (*Ketawa*)

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Mereka semua pemohong!

Tuan Lau Dak Kee: Apa ini.

Beberapa Ahli DAP: Ha, ha . . . keluar, keluar, keluar (*Diganggu*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat, semua diminta duduk! Saya akan membuat keputusan. Bukan keputusan menghalau itu terletak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sudah lama dalam sidang ini. Saya dapati, saya minta maaf, saya komenlah, dari semua pihak pun ada melontarkan perkataan yang tidak begitu baik. Jadi, kita sabarlah. Saya memohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kesemua dan memperingatkan janganlah menggunakan perkataan yang tidak senonoh dalam Dewan ini. Oleh yang demikian, keputusan saya tidak ada menarik dari mana-mana pihak tetapi saya meminta kerjasama semua pihak dari Kerajaan atau Pembangkangan menggunakan perkataan yang tidak sesuai mengikut Standing Order. Arau leruskan. Ipoh, . .

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, di sini saya minta satu arahan kepada Tuan Pengerusi sama ada perkara ini patut ditimbang sekarang ataupun ditimbang pada masa yang akan datang. Sebab perkara-perkara ini telah dilakukan di hadapan mata semua orang di sini, kecuali begitu, saya minta perkara ini diambil satu ketetapan. Saya hanya hendak minta diambil satu ketetapan . . . (*Diganggu*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, semua duduk! Saya memohonlah kepada Menteri yang berkenaan jika ada kata-kata yang tidak begitu baik diucapkan, janganlah mengulangi lagi ya. Saya memohon kerjasama semua pihak. Arau teruskan ucapan.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bagi peluang sekali lagi. Saya bagi peluang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bawah B.26 Kementerian Pendidikan. Oleh kerana kita sedang bercakap di bawah Kementerian Pendidikan, saya hendak cuba tenangkan suasana di dalam usaha memberi didikan yang sebenarnya

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau, sebentar ya, point of order. Ya, Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order. Tuan Pengerusi, perkara ini adalah satu perkara yang serius, kerana saya tidak expect, saya tidak duga seorang Professor Ekonomi, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan boleh menggunakan tanda lucah dan saya hendak tahu di sini, saya hendak minta sama ada beliau menggunakan tanda lucah itu atau tidak, kerana ini adalah satu perkara yang sangat serius

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn); (*Bangun*)

Beberapa Ahli DAP: Ooi! . . . coward, coward, coward.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kota Melaka....

Tuan Lim Guan Eng: Ini adalah satu perkara yang serius dan ini perkara yang kedua. Pertama

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya belum habis lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat bangun on a point of order tidak sebutkan pun kita benarkan bercakap

Tuan Lim Guan Eng: Pointof order 36(6).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah. Hari ini kita suntuk masa untuk soal ini.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya tahu tetapi ini perkara serius bahawa seseorang boleh dipecat kerana menggunakan sesuatu perkataan tetapi daripada Barisan Nasional kalau menggunakan perkataan ini tidak ada tindakan digunakan kepada mereka. Ini memberikan satu impression bahawa tidak adil seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, dia menggunakan perkataan "pembongong" tetapi tindakan tidak diambil terhadapnya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka, sila duduk. Saya mohon duduk sebentar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya teruskan B.26 di bawah Kementerian Pendidikan, kita lihat Kerajaan telah

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tunggu sebentar. Sebentar, sebentar ya. (*Ketawa*) Ahli-ahli Yang Berhormat, point-point yang dikemuka-

kan tadi adalah point yang membuat kecoh sebelum saya duduk di sini. Jadi, saya mohonlah, tolonglah mulai daripada kali ini, saya akan putuskan meminta kerjasama supaya kita dapat berbahas dengan baik. Please.

Saya tidak suka menggunakan kuasa-kuasa di bawah Peraturan 44(2) dan (3). Jadi, saya memohonlah, beri Arau peluang untuk berucap.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar, sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat, point-point yang dikemukakan tadi adalah point yang membuat kecoh sebelum saya duduk di sini. Jadi saya mohonlah, tolonglah mula dari saat ini saya akan putuskan, minta kerjasama supaya kita dapat berbahas dengan baik.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya tidak suka menggunakan kuasa-kuasa 44(2) dan (3). Saya mohonlah, beri Arau peluang untuk berucap.

Tuan Lim Guan Eng: Dua perkara yang berlaku tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan menunjukkan tanda lucah dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menggunakan perkataan 'bohong* tetapi tindakan tidak diambil terhadap mereka. Adakah ini adil?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tindakan yang saya ambil memberi stern warning. Kalau berlaku

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Itu keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli DAP: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: Minta dia tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Arau, teruskan.

Beberapa Ahli DAP: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, sila duduk! Kota Mclaka, sila duduk! Yang Berhormat Arau, sila teruskan.

Beberapa Ahli Kerajaan: (*Menyampuk*)

Beberapa Ahli DAP: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, duduk semua! The matter is closed, please.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Ipoh. saya bersetuju dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, dia berbohong. Saya kata bohong. Dia menuduh mengatakan semua orang nampak, tetapi saya tidak nampak. Dia bohong, you bohong, bohong, bohong. (*Ketawa*) Siapa hendak buang saya, buanglah. Tetapi dia berbohong. Tuan Pengerusi, sebab..... (*Disampuk*)

Tuan Lau Dak Kee: (*Menyampuk*)

Tuan Othman bin Abdul: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat Ipoh, saya minta kerjasama. Berilah Arau peluang sebelum Arau naik ke angin, please. (*Ketawa*)

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sudahlah, cukuplah
(*Disampuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Saya cuma minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tarik balik perkataan "bohong", itu sahaja. Kerana dia ada mengaku dia berkata begitu, dia sendiri mengaku dia keluarkan perkara itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah itu. Arau.

Seorang Ahli: Duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas tambahan sebanyak \$150 juta yang dikemukakan oleh Menteri Pendidikan untuk membiayai projek di bawah Kementerian ini iaitu

Beberapa Ahli DAP: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, bertenang.

Tuan Shahidan bin Kassim:... iaitu berhubung 0200 dan 0600 iaitu di bawah Pendidikan Rendah, Menengah dan Pendidikan Tinggi.....

Seorang Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Othman bin Abdul: Monyet, duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah, Setiausaha Parlimen, Arau, teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Tuan Othman bin Abdul: Monyet, duduk! (*Disampuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Mahukah? Mahu, saya boleh buat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka dan Setiausaha Parlimen, cukuplah.

Beberapa Ahli DAP: (*Sorak*)

Beberapa Ahli Kerajaan: (*Menyampuk*)

Beberapa Ahli DAP: (*Sorak*)

Tuan Othman bin Abdul: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, duduk! Yang Berhormat Kota Melaka cukuplah. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingat kedua-dua pihak sudah puas hati dengan jeritanti. Saya berpeluang kepada Arau pula. (*Tepuk*) Cukuplah Yang Berhormat. Sila, Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay. Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Tuan pengerusi bahawa masing-masing sudah berpuas hati dan sekarang kita masuk kepada perkara yang lebih serius iaitu berhubung dengan Kementerian Pendidikan dan saya harap pemerhati-pemerhati kita anak-anak sekolah

Beberapa Ahli DAP: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tolong diam, cukuplah Yang Berhormat. Ya, Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya ingin menyenit di bawah B.26 iaitu yang pertamanya berhubung dengan Pendidikan Menengah iaitu tambahan sebanyak \$33 juta dan juga Pendidikan Rendah. Di sini saya ingin menekankan dan saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian oleh kerana ianya melibatkan bayaran kenaikan gaji yang mana tujuan utamanya ialah untuk meningkatkan

mutu pelajaran kita. Saya lihat di bawah satu kurikulum yang saya mendapat maklumbalas daripada rakan-rakan di sekolah-sekolah, iaitu Kurikulum Kemahiran Hidup. Walaupun ianya diperkenalkan saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, kerana ini Majlis Jawatankuasa, sejauh manakah pihak Kementerian telah membuat persediaan-persediaan tertentu untuk membolehkan Kurikulum Kemahiran Hidup ini dipraktik dan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya kerana kemahiran hidup ini terbahagi kepada dua. Yang Pertama, Kemahiran Hidup yang membolehkan kita mendapat kemahiran; dan yang kedua kemahiran hidup berdasarkan kematangan berfikir. Sebab anak-anak sekolah yang datangnya ramai di sana dan mereka lihat apa yang berlaku. Kita harap mereka tidak balik dan mendapat fahaman yang berlainan.

Sebenarnya ini adalah proses demokrasi ke arah mencapai sesuatu keputusan yang hendak dibuat, kita terpaksa bergaduh dahulu kemudian barulah kita dapat keputusan. Ini bukan pergaduhan, ini adalah masalah biasa, tetapi malangnya masalah ini telah dibangkitkan oleh pihak Pembangkang dan pihak Barisan Nasional tidak pernah buat begitu.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Kemahiran Hidup, kita dapati di negara-negara maju—sahabat-sahabat saya dari Kepong dan Ipoh, mereka bersetuju dengan saya ini—di negara-negara maju kita dapati ke arah untuk memastikan tenaga mahir ini berterusan. Ini tenaga mahir kita buat di Malaysia sekarang, setelah mereka habis sekolah selepas Tingkatan Lima ataupun Tingkatan Tiga mereka masuk ke Institut-institut Latihan Perindustrian dan Kemahiran MARA dan sebagainya. Tetapi mereka ini hanya masuk ke institut ini selepas sekolah. Ini bermakna tidak ada penerusan (continuation) kepada pihak swasta untuk meneruskan tenaga-tenaga mahir di pihak swasta. Tetapi tenaga

mahir yang dilatih di institut-institut ini juga bukan setengahnya berdasarkan permintaan pihak swasta.

Dengan itu, kita lihat walaupun kadang-kadang dapat tenaga mahir yang banyak kita latih, tetapi tidak sesuai dengan permintaan. Cara yang paling tepat ialah cara yang dibuat di bawah Kurikulum Kemahiran Hidup ini iaitu dengan membolehkan pihak swasta melibatkan diri secara terus dengan Kementerian Pendidikan. Semua Menteri-menteri tahu tentang perkara ini terutamanya Menteri Perusahaan Awam dia tahu tentang perkara ini, sebab dalam lawatannya ke luar negeri baru-baru ini perkara ini telah dimaklumkan dengan terperinci dan juga Menteri-menteri dan Timbalan Menteri termasuk ahli-ahli DAP yang walaupun dalam kempenya kadang-kadang berkempen "Anti Kayu Tropika" dan sebagainya di luar negeri, tetapi mereka juga mengetahui bahawa untuk meneruskan kemahiran tenaga mahir di pihak swasta ini kita memerlukan didikan di peringkat sekolah lagi.

Kita dapati di negara-negara maju di seluruh negeri mereka mengambil sistem 16/19 iaitu 16 tahun dan 19 tahun yang diberi latihan dua kali seminggu. Tadi dalam soalan tambahan sayakatakan dua minggu sekali, sebenarnya dua kali seminggu. Kita rasa perkara ini penting oleh kerana selama ini Kerajaan telah memberi berbagai-bagai tax incentive kepada pihak swasta dan kita rasa inilah sepatutnya merupakan pulangan balik, hadiah mereka kepada pihak Kerajaan iaitu dengan menyediakan tempat-tempat latihan 16/19 tahun ini. Dengan itu pihak swasta dapat meneruskan tenaga mahir mereka apabila anak-anak ini keluar, yang tidak berminat mereka pergi ke tempat lain kerana ingin meneruskan kerja di tempat yang mereka dapat latihan dan dalam masa yang sama mereka yang dilatih di pusat-pusat latihan yang lain dapat meneruskan usaha-usaha mereka dalam pasaran yang terbuka.

Ini sahaja yang bolch saya rasa Kurikulum Kemahiran Hidup ini dapat dibuat dengan lebih berkesan. Oleh kerana saya dapali, di satu sekolah yang saya telah melawat baru-baru ini di mana anak saya berada di sana, tidak ada guru yang khusus untuk tujuan ini. Kita tihat kebanyakannya dia ajar pertukangan, ada guru yang boleh bertukang; tetapi anak saya perempuan dia tidak suka ketuk paku, dia suka yang lain, tetapi benda itu tidak dapat dibuat. Dan kita dapati berhubung dengan Kemahiran Hidup ini kita tidak boleh menyediakan hanya satu bilik darjah. Jadi, kurikulum ini boleh dibuat hanya dengan bantuan pihak swasta.

Jadi, saya mencadangkan kepada Kerajaan dan saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan, adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan pendekatan latihan berbentuk ini dan ini adalah lebih penting oleh kerana saya tahu bahawa pihak Kementerian tidak mampu dan pihak Kerajaan juga tidak cukup peruntukan untuk dibuat dengan secara sekaligus Pusat-pusat Sumber ini dan dengan itu perkara-perkara ini akan terbengkalai.

Dalam masa yang sama kita telah dapat menolong pihak Kerajaan iaitu untuk meneruskan tenaga mahir supaya tidak ada keputusan dan supaya ianya berpanjangan dan dalam masa yang sama pihak swasta dapat merancang supaya perusahaan-perusahaan mereka dapat diteruskan tanpa ada kekurangan tenaga mahir.

Kita dapati sekarang ini ada beberapa buah faktori yang terpaksa ditutup atau terpaksa dikurangkan shiftnya kerana kekurangan tenaga mahir.

Dan kalau sekiranya kita ingin menunggu sesuatu latihan itu tamat, sekurang-kurangnya enam bulan ataupun dua tahun baru kita dapat tenaga mahir yang paling rendah. Sekiranya latihan ini dimulakan daripada peringkat

menengah ataupun mungkin di peringkat rendah lagi, saya percaya masalah kekurangan tenaga mahir dapat diatasi dan dengan itu Kurikulum Kemahiran Hidup kita dapat mencapai matlamat yang dituju.

Kemudian yang keduanya, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat berhubung dengan Universiti Islam Antarabangsa. Saya masih ingat semasa sebelum universiti ini ditubuhkan dulu ada perjanjian atau Memorandum of Understanding, dengan izin, dengan pihak-pihak negara Islam Antarabangsa bahawa universiti ini akan dibiayai oleh pihak negara-negara Islam terutamanya negara-negara Islam yang kaya pada masa tersebut seperti Saudi Arabia, Kuwait dan sebagainya. Tetapi sehingga kini saya lihat yang menjadi pencarum utama kepada Universiti Islam Antarabangsa ini ialah Malaysia sendiri. Saya ingin bertanya apa yang telah terjadi kepada negara-negara Islam yang lain dan sejauhmana pengiktirafan yang mereka berikan kepada Universiti Islam Antarabangsa ini dibandingkan dengan Universiti Al-Azhar ataupun Universiti Madinah dan juga lain-lain universiti Islam?

Kalau sekiranya hanya Kerajaan Malaysia sahaja yang terpaksa mencarum ataupun menjadi penyumbang utama, maka ini tidak sewajarnya berlaku kerana kita memakai nama-nama yang sejagat, nama yang sepatutnya mereka sama sama menyumbang untuk memajukan ataupun untuk mendirikan universiti ini supaya sampai ke tahap yang sama-sama mereka memberi pengiktirafan.

Jadi, demikian sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya menyokong.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, point of order. Tuan Pengerusi, saya berdiri di atas point of order 26(1)(p).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dua puluh berapa?

Tuan Lim Guan Eng: Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) adalah seperti berikut:

"26(1) Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam Mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahu kecuali usul-usul yang tersebut dibawah ini:

(p) Usul berkenaan dengan hak dan kebebasan;"

Di sini, Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Yang Berhormat dari Selandar iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana heliau tadi telah menjatuhkan maruah Dewan yang mulia ini apabila beliau masuk ke dalam Dewan ini dengan menunjukkan satu tanda lucuh yang memalukan Dewan ini.

Tuan Pengerusi, seperti yang Tuan Pengerusi mungkin tahu bahawa pada suatu masa Yang Berhormat dari Arau pernah meminta maaf kepada Dewan yang mulia ini kerana menunjukkan satu tanda yang lucuh juga. Dan kita tidak harus menggunakan double standard. Kita harus menggunakan satu standard yang sama yang dikenakan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan yang menggunakan satu tanda lucuh yang tidak boleh diterima oleh masyarakat umum di hadapan murid-murid sekolah. Dan sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, perbuatan ini adalah sangat memalukan.

Di sini saya harap bahawa tindakan yang tegas untuk menjaga maruah, nama baik Dewan yang mulia ini dan juga Kementerian Pendidikan yang sekarang telah bercakap hendak mengadakan satu perkara "moral education" untuk diajarkan kepada murid-murid sekolah tetapi Timbalan Menteri Pendidikan tidak bermoral, gunakan tingkah laku

yang tidak bermoral. Dan saya harap bahawa satu tindakan boleh diambil. Sekian, terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya juga berdiri di atas Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) - usul berkenaan dengan hak dan kebebasan

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, mesti selesaikan perkara ini dulu

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: (Menyampuk)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Terima kasih di aias ajaran Yang Berhormat tetapi kita kena dengar mana tahu ada Peraturan Mesyuarat yang conflicts with the decision.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya minta supaya demi keadilan semua pihak

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, itu

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar. Sebentar ya

Tuan Shahidan bin Kassim: Demi keadilan semua pihak, apa dia tanda lucuh yang ditunjukkan oleh Timbalan Menteri?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Semasa saya minta maaf dulu. saya tunjukkan macam ini (menunjukkan penumbuk) Semua orang tengok

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kalau penjelasan, saya hendak dengar point of order. Itu saya hendak tahu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tunjuk macam ini. Tetapi itu dianggap lucu. Saya minta maaf, tidak mengapa. Kalau saya tunjuk macam ini dianggap lucu, saya minta maaf. Dia tunjuk macam mana tadi? (*Ketawa*)

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tunjuk macam ini.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, bukan . . . pandai ya . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak. Bukan, saya tunjuk macam ini. Tidak, tidak, bukan. Saya tunjuk macam ini. Semasa saya minta maaf dahulu, saya buat macam ini.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Arau, sila duduk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tunjuk macam ini sebab dia kata saya "kerbau". Saya beri tunjuk macam ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Arau, sila duduk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau Speaker masa itu kata macam ini lucu, okay, luculah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Tuan Shahidan bin Kassim: Tetapi semuaorang tahu macam ini tidak lucu, ini penumbuk biasa sahaja. So, you tunjuk macam mana tadi? Dia tunjuk macam mana tadi?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order...

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mabiruddin): Yang Berhormat sila duduk. Ya, pointoforder lagi. Sebentar. Point of order.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, point of order; saya kata (*p*), (*q*) tadi (*Ketawa*) Saya dulu! Saya dulu tadi! Sayajugabersetujukalausekiranya point of order ini dimasukkan berhubung dengan hak dan kebebasan. Saya juga telah merujuk satu usul di bawah Hak dan Kebebasan dalam session yang lepas. Sepatutnya didahulukan tetapi tidak didahulukan. Hak yang ini kemudian. Kalau hendak rujuk, rujuk sebagaimana biasa kita terpaksa menghantar

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya mahu Tuan Pengerusi buat ruling

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, bagaimana saya hendak buat ruling kalau Yang Berhormat semua menjerit.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kita boteh hantar di bawah

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Arau sila duduk. Kok Lanas.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order, Tuan Spcaker, 26(1)0.) ini adalah jelas—"Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan Mesyuarat ini, . . ." tidak ada peraturan lain," . . . usul-usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pem-

bentahu kecuali dengan usul-usul yang tersebut di bawah ini." Dengan lain perkataan, Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) ini mengecualikan notis. Dan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi ialah 26(1)(p) iaitu berhubung dengan usul berkenaan dengan hak dan kebebasan seseorang ahli Dewan. Usul ini tidak perlukan notis, Jadi, yang diperlukan sekarang ialah Tuan Speaker membuat satu ruling berhubung dengan cadangan ini. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bagaimana saya hendak buat satu ruling kalau semua menjerit! (*Ketawa*)

Beberapa Ahli: Betul!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Terima kasih di atas pandangan-pandangan Yang Berhormat. Walau apa pun yang terkandung dalam Peraturan Mesyuarat kita telah menerima hakikat sebenar tadi bahawa sudah ada perdamaian di antara kedua-dua belah pihak. Kenapa harus dibangkitkan isu-isu baru? Saya minta kerjasama semua pihaklah, kalau tidak puas hati bolch jumpa di luar Dewan dengan cara baik. Yang Berhormat Keping.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kota Melaka cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, itu pun satu perkara yang serius, paling serius kerana

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak membuat usul, mengikut common practice kita akan masukkan dalam Order Paper. Sila kemukakan.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengemsi....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Bandar Kuching.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Speaker....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bcri Bandar Kuching peluang dahulu.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order. Tuan Speaker, yang dimaksudkan ialah ruling berkaitan dengan Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Ini masih tidak ada ruling lagi. Kalau Tuan Speaker menolak peraturan ini, dia membawa Peraturan Mesyuarat 26(1)(p). Apakah ini diterima ataupun tidak. Itu mesti ada ruling dulu tentang perkara itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ini bukan dalam Mahkamah di mana kita boleh back & proarguing. Saya sudah putuskan, oleh kerana semua pihak sudah menerima perdamaian tadi, tidak perlu dibangkitkan apa-apa lagi.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Bukan, yang ada di hadapan kita

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Perkara itu sudah putus. Punca-punca pertikaian itu sudah diputuskan tadi. Saya minta kerjasama Yang Berhormat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ini satu perkara baru, saya minta maaf Tuan Speaker

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, keputusan Tuan Pengerusi adalah muktamat. Jadi, kalau Yang Berhormat membangkitkan peraturan Mesyuarat, bermakna Yang Berhormat tidak patuh.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Apa keputusan Tuan Speaker, berhubung dengan Usul yang dibawa di bawah Perkara 26(1)(p)?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya sudah katakan tadi, pertamanya semua pihak sudah menerima perdamaian. Semua pihak sudah menerima perdamaian.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak ada, tidak ada perdamaian.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar, sebentar Yang Berhormat. Kalau ada Usul tentang tingkah laku, common practice kita, kita beri notis masukkan ke dalam Order Paper. Jadi' saya minta kerjasama Yang Berhormat semua. Kepong.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Adakah mcngcnai perkara yang sama, Bandar Kuching?

Tuan Sim Kwang Yang: Saya ada satu point yang dibuat pada satu ketika dahulu oleh Tuan Yang di-Pertua. Ia buat satu ruling ke atas perkara yang serupa yang mana Tuan Yang di-Pertua sendiri memutuskan bahawa perkara Hak dan Kebebasan perlu dibangkitkan apabila ia berlaku. Tidak boleh ditunggu. Kalau ingat—itu precedent yang sudah ada. Walaupun ini bukan sebuah Mahkamah, tetapi Semi-judicial Institution, dengan izin, Tuan Pengerusi, maka cadangan ini perlu ditimbang oleh Tuan Pengerusi. Sebab dia adalah perkara yang serius. Saya tidak boleh terima bahawa kita semua sudah berdamai dan menjadi kawan lagi selepas apa yang serius ini sudah berlaku. Itu sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya bersetuju. Tetapi sekiranya Yang Berhormat minta penerangan - saya yang menjadi saksi.

saya hendak bercerita tentang perkara yang sebcnarnya. Saya ada membawa satu Usul dengan merujuk Ketua Pembangkang kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, tetapi tidak diterima. Oleh kerana kita ada Peraturan di bawah 14(1)....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar ya. Arau.

Beberapa Ahli: Duduklah, duduklah!

Tuan Shahidan bin Kassim: Dengarlah dahulu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Arau, sebentar. Kita sedang berbincang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, sila baca 14(1) dengan 26. Cuba baca biar betul. "Kecuali jika ada syarat-syarat lain". Syarat-syarat lain itu adalah di bawah 14(1). Tolong baca sekejap—14(1)-Urusan bagi tiap-tiap Persidangan Mesyuarat adalah mengikut Peraturan 14(1) kecuali kalau mengikut urusan lain. Usul-usul yang hendak dibawa di dalam mesyuarat ini hendaklah didahulukan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya buat ruling.

Tuan Sim Kwang Yang: Sebelum Tuan Yang di-Pertua membuat ruling, saya ingin cadangkan supaya satu practice diambil uniuik menanggungkan Dewan ur.tuk membolehkan Tuan Pengerusi menimbang kes ini dengan lebih mendalam.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mabiruddin): Yang Berhormat hendak minum tehkah atau bagaimana? Atau beri saya pcluang untuk membuat ruling.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya ingin cadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan 10 minit supaya Tuan Pengerusi boleh duduk dan timbang dengan fikiran yang sejuk dan secara tegas.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, penyelesaiannya. Saya hendak tarik balik apa yang saya bawa tadi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebenlar.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar ya?

Tuan Lim Guan Eng: Saya boleh tarik balik isu yang saya bawa tadi, jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan bolch meminta maaf dan menarik balik apa yang dia buat tadi, tidak payah menunjukkan apa yang dia buat, tetapi dia meminta maaf dan menarik balik. Saya akan berpuas hati dan saya menarik balik perkara ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka, duduk ya?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Pengerusi, oleh kerana ada penuntut-penuntut, kita harap Pembangkang jangan menyelewengkan Dewan ini.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Nanti, dengar dahulu, ini bukan kandang kerbau. Semasa saya bercakap, Tuan Speaker beri saya bercakap, Tuan Pengerusi beri saya bercakap, dengarlah apa yang saya hendak cakap. Itulah kalau tidak orang kata kurang ajar, bodoh semua. (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, tadi saya nampak Timbalan Menteri Pendidikan masuk. Saya dengan Tuan Pengerusi, siapa yang lebih dekat. Sanakah dekat ataupun di sini yang dekat. (*Ketawa*) Nanti dahulu.

Sebab, Tuan Pengerusi akan buat ruling, jadi saya nampak betul-betul dan saya nampak dengan mata kepala saya sendiri, Timbalan Menteri Pendidikan buat macam itu, Adakah macam itu lucu? Kalau lucu, saya tidak tahu, barangkali macam yang lain itu lucu, Uu saya tidak tahu. (*Ketawa*) Tetapi saya nampak sendiri. Mereka yang pembohong, bukan kita yang berbohong.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*).

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Spcaker, minta dia tarik balik perkataan itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya hendak buat ruling. Jadi, Ipoh duduklah. Kota Melaka jangan bangun. Kemudian saya buat ruling. ruling saya begini. Kok Lanas dengar "Bahawa mengikut Common Practice yang lelah dibuat di sini, kemungkinan ada authority daripada Erskine May yang Speaker sendiri telah dapati bahawa tiap-tiap Usul yang dikemukakan tadi itu hendaklah dikemukakan secara bertulis, hantar notis dan dimasukkan ke dalam Order Paper supaya boleh dibincangkan". Jadi, saya harap Kota Melaka akan membuat itu dan berpuas hati dengan ruling saya. Kepong, teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka, tolong duduk! Dengan Common Practice yang kita sudah buat....

Tuan Lim Guan Eng: Kalau Tuan Pengerusi hendak rihat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya tidak perlu rehat 10 minit. Tidak perlu.

Tuan Lim Guan Eng: Terlebih dahulu saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menarik balik perkataan yang digunakan tadi. Yang baharu digunakan tadi. Dia gunakan dua kali, sekalipun tidak ditarik balik. Saya rasa ruling ini sangat tidak adil.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang mana satu. Setiausaha Parlimen yang mana satu.

Tuan Lim Guan Eng: Yang di belakang.

Beberapa Ahli: Tarik balik, tarik balik. Yang berdiam diri itu, tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya tidak dengar apa yang dia cakap.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Kalau macam ini, tidak baik pendengaran.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Itu bukan menandakan saya tidak baik pendengaran. tetapi terlalu banyak Ahli yang bercakap-cakap sehingga tidak tahu yang mana satu.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau macam ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya ingat Kepong tidak sabar hendak berucap.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi tanya dia, sama ada dia ada menggunakan perkataan itu atau tidak. Tanya dia. Ada alau tidak?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Saya rasa tidak adil kepada....

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar, sebentar.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Duduk dulu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Sebentar, kita hendak dengar point of order.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: 36(6) juga sangkaan jahat.

Tuan Lim Guan Eng: Dia itu bukan point of order. Saya yang dahulu, saya yang dahulu.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, Setiausaha Parlimen tidak mungkin menggunakan perkataan pembohong (*Sorak*), nanti dahulu, seandainya Ipoh tidak membohong.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka, duduk dahulu. Saya hairan, banyak kali Yang Berhormat tidak dapat mengikut Peraturan Mesyuarat hari ini. Untuk hari ini sahaja, dia tidak faham. Hari lain dia faham. Jadi, keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad. Kota Melaka, saya mintalah duduk, Kepong sudah tidak sabar untuk berucap. Dia banyak idea yang bagus. (*Ketawa*) Sila Kepong.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Bandar Kuching, perkara yang sama juga?

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order, Tuan Pengerusi. Kami tidak boleh terima satu Parliamentary Practice yang kurang memuaskan, sebab Ketua

Pembangkok telah dikeluarkan atas sebab penggunaan perkataan 'bohong' sahaja. Tetapi sekarang saya tengok banyak pelanggaran tertib Mesyuarat sudah berlaku tanpa layanan dan perhatian yang tidak diinginkan sama sekali dan khasnya oleh seorang pemegang Ph.D. seorang Doktor, walaupun dia Timbalan Menteri Pendidikan, walaupun di hadapan banyak murid-murid sekolah pun tidak boleh dilayankan. Oleh itu sekarang, Ahli-ahli Parlimen DAP semua walk-out, protest. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tenang, lenang, Kepong hendak berucap. Kepong, tinggal berucap.

Tuan Sbahidan bin Kassim: Apalah Kepong. Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: (*Masuk semula*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Alright.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dengan segala hormatnya dipersilakan wakil dari Kepong. Teruskan. Jangan ganggu Yang Berhormat.

4.48 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengemsi, B.26 Butiran 020000—Pendidikan Rendah dan Menengah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhari bin Haji Mahiruddin): Selepas ini Menteri menjawab,

Dr Tan Seng Giaw: Butiran 020300—Pendidikan Rendah—10000—Emolumen \$92,600 sebagai bayaran kenaikan kadar Elaun Khidmat Awam. Pada sesi Julai 1991, dalam Tambahan Bekalan Ketiga, 1990, Tambahan sebanyak \$81,832,300 diminta di bawah

Butiran yang sama. Tujuannyatermasuk bayaran kenaikan kadar Elaun Khidmat Awam. Berapa banyakkah yang sebenarnya diperlukan untuk menampung kenaikan dalam kadar Elaun Khidmat Awam, Tuan Pengerusi? Berapakah jumlah yang telah diberi kepada perbelanjaan ini dalam Tambahan yang lepas? Berapa orangkah yang telah menerima elaun ini?

Tuan Pengerusi, memandangkan wang yang dipinta di sini adalah begitu banyak iaitu kesemua \$150 juta, di mana \$115.047 juta adalah untuk membiayai kenaikan gaji 5% bagi program Pendidikan Rendah dan Menengah dan \$15.72 juta kepada UIA untuk menampung kekurangan peruntukan dan membiayai kenaikan gaji \$9.232 juta kepada UUM bagi tabung pinjaman perumahan dan kenderaan. Kekurangan peruntukan serta kenaikan gaji 5% dan \$10 juta sebagai pemberian kepada universiti-universiti tempatan bagi maksud pinjaman kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu untuk menampung kenaikan yuran pengajian.

Dari Kertas Perintah 13 Tahun 1991, mukasurat 9, Tuan Pengerusi, diperhatikan bahawa sebagai bantuan kepada pelajar untuk menampung kenaikan yuran pengajian UTM diberi \$1.15 juta, UM \$1.95 juta, UKM \$2.02 juta, USM \$1.68 juta, UPM \$1.23 juta, UIA \$1.42 juta dan UUM \$590,000 sahaja.

Bagaimanakah Kerajaan meneniukan jumlah yang harus disediakan bagi setiap unwersili tersebut di atas? Setakat ini berapakah jumlah wang yang sudahpun dipjmjankankeluarolehsetiapuniversiti berkenaan? Apakah puraa nilai pinjaman yang diberikan kepada pelajar di setiap universiti? Bagaimanakah nilai pinjaman ini berbeza-beza di antara pelajar mengikut kursus yang diambil serta latarbelakang keluarga? Apakah jumlah besar permohonan untuk mendapat pinjaman yang diterima oleh setiap universiti? Apakah bilangan permohonan yang diluluskan?

Tuan Pengerusi, apa yang disebutkan di sini ialah mengenai kenaikan gaji 5% bagi Program Pendidikan Rendah dan Menengah dan saya di dalam membahaskan Maksud B.26 ini, menggesa Kabinet mengambil keputusan yang jelas bahawa pelajar sekolah rendah Cina yang menduduki peperiksaan subjek Bahasa Malaysia, UPSR, sekolah kebangsaan dan memproleh 6C harus dinaikkan terus ke Tingkatan I kerana bilangan yang terlibat adalah sangat banyak.

Saya hendak menimbulkan beberapa soalan kepada pihak Kerajaan terutama kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan. Soalan-soalan yang berkenaan adalah seperti berikut:

- (1) Bilakah Kabinet mengambil keputusan bahawa pelajar-pelajar sekolah rendah (jenis) kebangsaan yang memilih untuk mengambil peperiksaan Kertas Bahasa Malaysia (UPSR) bagi sekolah rendah kebangsaan akan dinaikkan terus ke Tingkatan I tanpa memasuki Tingkatan Peralihan, jika mereka memperoleh 2C di dalam Bahasa Malaysia iaitu Pemahaman dan Karangan dan 4A iaitu di dalam Pemahaman Bahasa Cina, Karangan Bahasa Cina, Bahasa Inggeris dan Matematik?

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa sedikit dengan panjang lebar untuk membahaskan perkara ini dan saya boleh berjanji kerana kita hendak habiskan perbahasan di peringkat Jawalankuasa pada hari ini, saya akan pendekkan ucapan saya seterusnya. Untuk maksud Bekalan B.26 ini saya akan panjangkan sedikit, selepas itu akan dipendekkan kerana ini sangat penting, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Itu mesti mengikut Butiran ya.

Dr Tan Seng Giaw: Ya, Tuan Pengerusi, soal selanjutnya:

- (2) Mengapakah arahan Kabinet ini tidak disampaikan kepada semua Pegawai Kementerian Pendidikan dan sama ada Menteri-menteri termasuk dari MCA akan mendesak di dalam Kabinet pada hari esok untuk menjalankan siasatan penuh dan mengambil tindakan disiplin terhadap orang-orang yang tidak mematuhi keputusan Kabinet tanpa mengira kedudukan mereka ataupun pemimpin-pemimpin termasuk dari MCA dan Gerakan akan dibuktikan sekali lagi sebagai parasit politik yang teragung yang tidak berani meneruskan perkara ini sehingga kesimpulan yang logik dapat diperolehi.
- (3) Bukankah ianya merupakan kecuaiannya Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri kerana tidak memastikan keputusan Kabinet ini disampaikan kepada seluruh pegawai Kementerian-nya dan ini juga termasuk Yang Berhormat Menteri sendiri dan Jabatan Pendidikan. Adakah mereka akan meminta maaf secara terbuka kerana kecuaiannya dan sikap tidak bertanggungjawab mereka yang mendorong dan mengakibatkan kontroversi ini dalam kenaikan terus pelajar-pelajar sekolah rendah jenis kebangsaan yang lulus dalam matapelajaran Bahasa Malaysia ke Tingkatan I.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini kerana saya mementingkan Bahasa Malaysia, bahasa yang saya cintai dan kalau murid-murid yang layak yang mencapai mutu yang tinggi di dalam matapelajaran Bahasa Malaysia di dalam Darjah VI ataupun pada tahun 6 di sekolah rendah jenis kebangsaan, saya tidak nampak mengapa mereka tidak boleh dinaikkan terus ke Tingkatan I. Itulah yang saya sangat tidak puas hati dan bimbang kerana dasar yang tidak selaras.

Tuan Pengerusi, soalan saya lagi:

- (4) berapa ramaikah pelajar-pelajar sekolah rendah jenis kebangsaan yang menduduki matapelajaran Bahasa Malaysia UPSR sekolah kebangsaan dan berapa ramaikah yang lulus dan adakah Kcmenterian enggan menaikkan pelajar-pelajar tersebut terus ke Tingkatan 1 kerana Kcmnlerian Pendidikan tidak menduga begitu ramai daripada mereka yang akan mencapai keputusan yang begitu cemerlang?
- (5) Adakah Menteri-menteri termasuk dari MCA dan Timbalan Menteri telah melakukan kesalahan menipu dan mengelirukan rakyat kerana Kabinet tidak pernah mengambil keputusan bahawa pelajar-pelajar sekolah rendah Cina yang memperoleh....

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kepong, tunggu sebenar, point of order.

DrPongChanOnn: TuanPengerusi, penjelasan. Point of order 55 (2)—sebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu Rang Undang-undang selepas bacaan kali yang kedua, tidak boleh membahaskan dasar Rang Undang-undang tersebut tetapi hanya butir-butirnya sahaja.

Jadi, saya minta kalau dapat, Tuan Pengerusi, ucapan beliau itu dapat dikhususkan kepada perkara-perkara yang spesifik.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Yang Berhormat dari Kepong. Sekarang ini kita dalam peringkat Jawatankuasa.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, apa yang saya bahaskan di sini adalah perkara spesifik.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Itu perkara dasar, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini perkara spesifik.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Perbahasan tentang parti-parti politik itu tidak ada kena-mengena dengan Butiran-butiran ini.

Dr Tan Seng Giaw: Ini memang perkara spesifik, kerana peruntukan tambahan \$150juta diminta. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak begitu biasa dengan perkara ini, saya minta beliau supaya belajar dengan betul-betul mengenai peraturan seperti ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat:

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, soalan yang berikutnya:

- (6) Adakah akibat isu ini akan dibawa balik ke Kabinet pada hari esok untuk memperoleh keputusan yang muktamad? Ini bukan dasar, perjalanan Kabinet. Ini bukan menyentuh dasar, untuk pergi ke Kabinet dan untuk membincangkan hal ini dan buat keputusan yang boleh membantu semua yang fasih di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Kebangsaan. Kalau lulus di dalam ujian bahasa itu, patutlah kita galakkan kerana kita hendak majukan Bahasa Kebangsaan, kita hendak majukan Bahasa Malaysia. Itu perkara spesifik atau khusus.
- (7) Dengan pengkhususan ini, adakah kriteria 4A dan 2C untuk kenaikan terus ke Tingkatan I ini amat tidak adil dan tidak bijaksana daripada sudut pendidikan dan langsung tidak dapat dipertahankan? Ini adalah kerana ia bererti bahawa

seseorang pelajar yang memperoleh 2C untuk Bahasa Malaysia dan gred A untuk bahasa Cina dan bahasa Inggeris dan Matematik boleh dinaikkan terus ke Tingkatan I, tetapi seorang pelajar yang memperoleh 2A untuk Bahasa Malaysia tetapi gred B untuk bahasa Cina, bahasa Inggeris dan/atau Matematik tidak boleh dinaikkan terus ke Tingkatan I. Adakah jenis falsafah dan dasar pendidikan ini di mana seorang pelajar yang memperoleh 2C, boleh dinaikkan terus ke Tingkatan I tetapi tidak pula untuk seorang pelajar yang fasih dan cemerlang di dalam Bahasa Malaysia sehingga dapat memperoleh 2A. Bukankah matlamat keseluruhan Kelas Peralihan adalah untuk memperbaiki penguasaan Bahasa Malaysia oleh pelajar-pelajar sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) dan (Tamil)? Apabila pelajar-pelajar sekolah rendah (Cina) dan (Tamil) menunjukkan bahawa mereka mempunyai mutu Bahasa Malaysia yang setaraf seperti sekolah rendah kebangsaan dengan memperoleh sekurang-kurangnya 2C dalam matapelajaran Bahasa Malaysia UPSR sekolah rendah kebangsaan, mereka harus dibenarkan naik terus ke Tingkatan I, jika mereka lulus dalam mata pelajaran yang lain sama ada memperoleh 4A atau 4C.

Saya menggesa Kabinet esok menyelesaikan masalah ini buat selamalamanya, mengambil satu keputusan yang jelas untuk perkara ini iaitu bahawa pelajar-pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan Tamil yang memperoleh 2C dalam matapelajaran Bahasa Malaysia UPSR Sekolah Rendah Kebangsaan akan dinaikkan terus secara automatik ke Tingkatan I lanpa perlu memasuki Tingkatan Peralihan asalkan

mereka lulus dalam empat matapelajaran yang lain. Isu ini telah menimbulkan satu soalan yang lebih penting iaitu mengapakah pegawai-pegawai Kementerian dan Jabatan Pendidikan kelihatan mempunyai kuasa yang begitu besar.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan di sini bahawa jelaslah menunjukkan bahawa pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan amat gembira membenarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai kesedaran tentang kuasanya atau menyalahgunakan kuasanya kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak akan berani menghalang mereka ataupun UMNO daripada menggunakan bangunan sekolah untuk mengadakan majlis.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara iaitu mengenai tugas dan fungsi sekolah dan juga guru-guru yang mendapat kenaikan gaji 5%, yang perlulah menjalankan tugas dengan adil dan saksama. Saya tunjukkan satu perkara di mana pihak termasuk MCA yang menggunakan Sekolah Rendah Cina untuk majlis-majlis dan pada 31hb Oktober ini, pihak MCA akan mengadakan satu jamuan makan malam di Sekolah Rendah Cina Chee Ming di Tangkak dan mereka tidak membenarkan pihak yang lain seperti DAP. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengarahkan Pengarah Pendidikan Negeri Johor supaya tidak membenarkan MCA Tangkak menggunakan Sekolah Rendah Cina untuk majlis partinya kerana lain pihak tidak dibenarkan? Dalam menjalankan tugas, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengambil perhatian.

Dalam perkara ini pegawai-pegawai Kementerian dan Jabatan Pendidikan membenarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mempunyai kesedaran tentang kuasanya tetapi bukan dalam perkara-perkara substantif berkenaan dasar dan arahan pendidikan. Inilah satu lagi contoh yang klasik tentang peranan parti-parti politik seperti MCA di dalam Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, saya ingin memberi notis bahawa melainkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan memberi satu penjelasan yang memuaskan atas penyalahgunaan kuasanya yang nyata dalam mengenakan tekanan ke atas SRJK Chong Hwa (Independent) untuk menarik balik kebenarannya untuk membolehkan DAP Muar mengadakan majlis makan malam, sempena ulangtahun ke-25 DAP akan terus membangkitkan isu ini di Parlimen.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, saya ingin menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau berada di atas pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan atau pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan berada di atas beliau.

Tuan Pengerusi, sebagai contohnya, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri membidas cadangan untuk menubuhkan sebuah Sekolah Menengah Persendirian Cina di Petaling Jaya untuk memenuhi kehendak-kehendak ibu bapa dan pelajar-pelajar, beliau mendakwa, ini adalah satu cubaan untuk membina sebuah 'Tiongkok' ataupun "Cina kecil", bukannya beliau mempamerkan bahawa keseluruhan pemikiran dan falsafah beliau telahpun diwamai dan dikuasai oleh mereka yang menganggap kewujudan Sekolah Menengah Persendirian Cina, malah Sekolah Rendah Cina dan Tamil sebagai anti-negara dan bertentangan dengan matlamat Wawasan 2020.

Tuan Pengerusi, jika cadangan untuk membina sebuah Sekolah Menengah Persendirian Cina di Petaling Jaya, dikutuk sebagai cubaan untuk membina sebuah "Cina kecil" di Malaysia, maka kewujudan dan perkembangan lebih daripada 60 buah sekolah menengah persendirian Cina dan 1,000 buah Sekolah Rendah Cina dan beratus-ratus Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil mesti juga dipandang dari sudut yang sama. Adakah ini bermakna bahawa Wawasan 2020 yang dikatakatakan oleh Barisan Nasional itu tidak ada tempat untuk Sekolah Menengah Persendirian Cina dan Sekolah Rendah Cina dan Tamil.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini kerana apa yang berlaku, menunjukkan ketidak-konsistenan yang dilakukan oleh pihak yang telah saya sebutkan tadi. Apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa cadangan untuk menubuhkan sebuah Sekolah Menengah Persendirian Cina di Petaling Jaya adalah satu cubaan untuk menghasilkan satu "Cina kecil" di Malaysia, beliau membuktikan bahawa inilah pihak MCA menjadi satu parasit politik UMNO yang 100%. Saya sebutkan di sini kerana di atas apa yang berlaku, bukan untuk perkara persendirian.

Tuan Pengerusi, yang penting sekali di sini

Tuan Ong Ka Ting: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahtruddin): Yang Berhormat dari Kepong, minta penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Boleh.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya ingin meminta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sepanjang ucapannya tadi itu, adakah beliau sedar bahawa dengan memutarbelitkan, menunjukan bermacam-macam dakwaan yang tidak berasas, khasnya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, itu adalah satu perbuatan yang tidak konsisten sepertimana yang telah disebutkan dengan Ahli-ahli DAP yang lain yang telah berkata semua akan keluar secara kolektif tetapi betiau seorang sahaja akan terus di *situ*. (*Tepuk*) Bukankah itu satu pendirian yang tidak konsisten?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya keluar. Selepas saya keluar, saya masuk untuk membahaskan tugas saya untuk membangkitkan suara, sungutan dan rungutan rakyat. Itu adalah salah satu kewajipan yang saya telah bersumpah di sini. Saya keluar sebagai langkah menunjukkan sikap saya tidak setuju dengan keputusan, kemudian saya

masuk untuk membahas perkara yang penting bagi beribu-ribu murid yang lulus, yang berada di dalam Darjah 6 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Itulah kewajipan tiap-tiap Ahli Parlimen. Kita berjanji di dalam ceramah-ceramah, semasa pilihanraya, semasa majlis-majlis di kawasan kita, kita berjanji hendak mengemukakan sungutan, rungutan dan aduan rakyat, penderitaan rakyat. Dan sekarang dia hendak soalkan kewajipan saya, jadi janganlah kita jadi Setiausaha Parlimen, kita jalankan tugas, jangan hendak soalkan kewajipan Ahli-ahli Yang Berhormat yang memulakan Dewan yang teragung di negara ini.

Tuan Ong Ka Ting: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tak beri jalan, Kepong? Dia hendak minta penjelasan. Hendak beri dia jalan?

Dr Tan Seng Giaw; Dia hendak lagi. (*Ketawa*)

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, beranikah Ahli dari Kepong itu mengaku bahawa tugas yang dikatakan begitu besar, begitu wajib itu sebenarnya satu rancangan supaya beliau itu terus membaca teks yang belum dihabiskan oleh Ahli dari Tanjong. Beranikah dia mengaku? (*Tepuk*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah itu hendak minta penjelasan? Kita bacalah *Hansard* hampir satu dekad di dalam Dewan ini isi kandungan ucapan saya, kita boleh tunjukkan. Dan apa yang saya sebutkan di sini ada terkandung di dalam isi kandungan ucapan-ucapan saya hampir satu dekad, tak payahlah baca apa pun

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, teruskanlah.

Dr Tan Seng Giaw: Kalau kita jalankan tugas dengan betul, dengan rajin, dengan adil dan saksama

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah.

Dr Tan Seng Giaw: . . . sebagai kewajipan Setiausaha Parlimen itu cukup, jangan hendak soal orang lain yang membuktikan di dalam *Hansard* hampir satu dekad, tak payah hendak timbulkan perkara ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu dia sahaja kerana mungkin dia baru masuk ke sini dan naik helikopter sebagai Setiausaha Parlimen dan hendak tunjukkan belang dia pula, tak payah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah, Kepong. Teruskan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, yang penting sekali kerana saya menjalankan kewajipan saya mengenai hal yang begitu penting, yang kenamengenai dengan Maksud B.26 saya berharap pihak Kementerian dapat mempertimbangkan hal ini dengan baik, dengan semasak-masak supaya kita dapat membuat keputusan yang benar-benar boleh memberi manfaat kepada masyarakat, terutamanya kepada para murid yang baru sahaja tamat di dalam Tahun Enam dan yang menguasai Bahasa Malaysia yang perlu kita tekankan di sini sekali lagi. Yang menguasai Bahasa Malaysia kita, biarkan mereka naik ke Tingkatan Satu, kerana itulah tujuan negara ini untuk menggalakkan para murid yang menguasai, yang fasih, yang lancar di dalam Bahasa Malaysia. Itulah maksud saya hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

5.30ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Jawatankuasa di bawah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1990 dan 1991 ini dan telah begitu hangat mengemukakan isu dan cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan. Seterusnya saya ingin memberi sedikit penjelasan dan ulasan kepada pandangan, teguran dan kritikan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Satu perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan juga dari Kepong tadi yang telah menyentuh tentang tindakan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan, Timbalan Menteri Pendidikan dan Pegawai-pegawai Pendidikan di Kementerian mengenai isu secara automatik pelajar SRJK ke Tingkatan Satu tanpa melalui kelas peralihan. Di sini saya ingin menyatakan tidak ada berbangkit soal siapa yang di atas dan siapa yang di bawah kerana dengan jelasnya keputusan Kabinet yang telah dibuatkan sebelum ini mengadakan UPSR dan surat-surat arahan pun telah diberikan kepada peringkat-peringkat negeri dan pegawai-pegawai Kementerian di Kementerian Pendidikan.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun ini (1991) Kabinet telah membuat keputusan bahawa murid-murid dari SRJK(C) dan SRJK(T) dibenarkan membuat pilihan sama ada mengambil kertas soalan Bahasa Malaysia (Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Kebangsaan) atau kertas soalan Bahasa Malaysia (SRJKC dan SRJKT). Untuk mendapatkan pengecualian daripada mengikut kelas peralihan, mereka mestilah lulus pada tahap yang sesuai kertas Bahasa Malaysia (sekolah

kebangsaan) dan mendapat 'A' dalam semua matapelajaran yang lain. Ini jelas dalam arahan-arahan dan keputusan-keputusan yang telah dibuatkan sebelum ini.

Tuan Pengerusi, atas perkara kedua yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau ialah mengenai syllabus atau kurikulum kita dalam Kemahiran Hidup, sejauh mana penyediaan Kementerian Pendidikan dalam kurikulum matapelajaran Kemahiran Hidup ini. Matapelajaran Kemahiran Hidup ini adalah berguna untuk semua peringkat sekolah di mana tujuannya ialah untuk kita membangunkan potensi-potensi kemahiran anak-anak kita di bangku sekolah untuk menjalankan tugas harian yang mudah, yang berkaitan dengan kerja harian dalam hidup masing-masing, kerana usaha kita dalam kurikulum baru sekolah kita ialah untuk memberi kemudahan kepada anak-anak kita membangunkan sahsiah dan juga meningkatkan kemahiran-kemahiran untuk kehidupan masing-masing. Dalam kurikulum Kemahiran Hidup, kita telah mengemukakan mata pelajaran-matapelajaran ini dengan berbagai pilihan termasuk electrical, pembedahan paip dan sebagainya, termasuk juga pertukangan. Ini terserah kepada sekolah masing-masing di mana pilihan-pilihan adalah diberikan untuk dilaksanakan di peringkat bilik-bilik darjah. Kemudahan-kemudahan dari segi peruntukan yang tertentu untuk menjalankan program ini telah disediakan oleh Kementerian dan juga usaha telah diambil di mana kemudahan-kemudahan masih kurang, tambahan dibuat untuk memberi ruang dan kemudahan yang sesuai untuk pelajar-pelajar kita menjalankan kurikulum Kemahiran Hidup ini.

Tuan Pengerusi, soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau juga tadi mengenai soal Universiti Islam Antarabangsa di mana beliau telah bertanya peruntukan-peruntukan untuk Universiti Islam Antarabangsa ini adalah pada mulanya memang sumbangan dari

semua pihak negara-negara Islam yang telah mempersetujui membiayai program ini. Di peringkat Malaysia kita menyumbangkan pengurusan dan lain-lain peruntukan-peruntukan dari Kerajaan Malaysia dan negara-negara lain yang telah mengambil bahagian dalam peruntukan penubuhan universiti ini sekarang masih memberikan sumbangan dari segi tenaga dan juga buku-buku dan kemudahan-kemudahan untuk menjalankan universiti ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Arau juga tadi telah menyoal bahawa ada cadangan-cadangan untuk mempertingkatkan lagi kemudahan-kemudahan dan kesinambungan dalam pendidikan vokasional dan kemahiran-kemahiran untuk tenaga kerja kita di negara ini. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bahawa selain dari peringkat KBSM di mana kita memberikan program-program tertentu menyumbang ke arah pembangunan tenaga manusia kita di negara ini menerusi Kementerian Pendidikan ialah program-program di sekolah menengah vokasional kita di mana kita ingin maklumkan di sini bahawa lepasan peringkat SRP dan SPM di mana mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka, mereka diberi peluang juga menggunakan kemudahan-kemudahan di sekolah dalam program-program kursus pendek; di sini mereka telah diberi peluang untuk meningkat atau khususnya kepada meningkatkan kemahiran mereka untuk pasaran kerja.

Keduanya, ingin saya maklumkan di sini bahawa Kementerian Pendidikan dalam usaha untuk meningkatkan lagi kemahiran dalam bidang yang diperlukan dalam industri negara kita termasuk petroleum industry, air-conditioning, electronic, TV dan lain-lainnya, Kementerian kita telah mengadakan jawatankuasa yang sentiasa berhubung dengan pihak-pihak industri-industri di negara ini mengikut program-program pengeluaran atau kursus-kursus yang dijalankan sentiasa serentak atau secocok dengan program-program

perindustrian di negara kita. Misalnya dalam bidang petroleum, kita mengadakan program-program vokasional dengan sekolah, termasuk badan-badan swasta seperti Shell dan juga syarikat-syarikat multi-national dalam program rekabentuk, program air-conditioning dan lain-lain di peringkat sekolah vokasional dan juga di maktab-maktab kemahiran.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong juga ada menimbulkan soal jumlah permohonan yang telah diberikan untuk pegawai-pegawai membiayai kenaikan gaji 5% ini. Sukacita diingatkan di sini bahawa terdapat hampir 190,000 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan negara ini, iaitu hampir satu per empat dari Pegawai Perkhidmatan Awam negara ini adalah dalam Perkhidmatan Pendidikan Kementerian Pendidikan. Jadi, ini adalah sebabnya peruntukan yang telah diminta untuk membayar kenaikan gaji 5%. Dan jumlah yang dipohon oleh universiti-universiti masing-masing, saya tidak dapat berikan di sini, saya harap akan memberikan jawapan itu nanti, saya memohon notis. Tetapi, \$10 juta yang telah disediakan itu adalah diberikan kepada universiti mengikut keperluan masing-masing, kerana ini adalah satu peruntukan yang diberikan dan disediakan untuk pinjaman pelajar-pelajar kita atau mahasiswa-mahasiswi kita di pusat pengajian tinggi untuk menampung kekurangan dalam yuran masing-masing kerana kenaikan yuran dalam tahun ini. Fund atau peruntukan ini adalah termasuk dalam satu fund yang berpusing (secara pusingan) di mana ini adalah pinjaman-pinjaman untuk mengatasi masalah-masalah semasa.

Yang Berhormat dari Kepong juga menyoalkan soal permohonan menggunakan kemudahan-kemudahan oleh badan-badan politik di premis Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan kita. Ini adalah tertakluk kepada bidangkuasa guru besar atau pengetua sekolah berkenaan dalam memberikan ruang-

ruang yang perlu mengikut adanya ruang untuk digunakan kegiatan-kegiatan sosial dan juga untuk kegunaan masyarakat setempat. Ini adalah bergantung kepada budi bicara masing-masing.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, Kementerian Pendidikan akan menimbangkan perkara-perkara yang lain yang telah ditimbulkan, dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab di sini, saya akan ambil perhatian secara teliti. Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan yang telah dikemukakan dan apa-apa cadangan untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan Kementerian, kita akan ambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$92,600 untuk Maksud B.26 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah \$150,000,000 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$92,600 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama dan \$150,000,000 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud B.27 (Jadual Pertama)—

Tuan Pengerusi: Kepala B.27 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,334,900 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,334,900 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Maksud B.28 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Ya, Pasir Mas.

5.26 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, minta pendekkan sedikit dengan kerana kita kena habiskan perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini dalam dua hari. Ini hari yang kedua. Jikalau sekiranya perlu pada hari ini kita kena sambungkan sehingga selesai kita meluluskan pada peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang panjang, cuma saya ingin merujuk kepada perkara penting yang saya kira perlu saya bangkitkan dalam peringkat Jawatankuasa ini, iaitu B.28, Butiran 030000 di bawah Butiran Kepala 030100—Pengurusan Kontrak dan Bekalan, mengenai dengan emolumen.

Kita percaya, dengan kenaikan 5% gaji kakitangan awam termasuklah di bahagian pengurusan kontrak dan bekalan, prestasi kerja mereka ini akan terus meningkat dengan lebih baik. Apabila kita sebut prestasi, bukan bererti ianya cekap, tetapi tergolong dalam segala aspek termasuk cekap, bersih, amanah dan sebagainya.

Saya pernah membangkitkan bersabit dengan central contract di mana ada saya mencadangkan di peringkat perbincangan dasar baru-baru ini supaya dikaji semula

mengenai dengan pemberian kontrak, kuasa yang ada di Kementerian Kewangan \$10 juta ke atas, apakah mungkin ianya dicentralisekan. Maknanya, tidak lagi menggunakan ceiling tersebut, tetapi diberi kepercayaan kepada Menteri-menteri yang mengendalikan Kementerian masing-masing.

Saya membangkitkan perkara ini, walaupun jaminan telah diberi oleh Kementerian Kewangan bahawasanya pengurusan kewangan baik dari segi bekalan kontrak dalam semua agensi termasuk Kementerian Kewangan, sekarang ini berdentang-denting saya dengar hendak jaga amanah ini. Saya cukup menyanjung tinggi di atas sikap dan komitmen yang sedemikian, tetapi pada masa yang sama kalau kita lihat kepada apa yang berlaku, saya ingin membangkitkan di sini terutamanya dari segi urusan kontrak dan bekalan di kalangan kakitangan pegawai-pegawai Kerajaan, apabila timbul masalah sesuatu yang tidak puas hati, maka timbullah cerita bahawasanya ini adalah keputusan orang-orang politik. Bila kita dengar pula penjelasan daripada pihak pemimpin-pemimpin yang bertanggung-jawab di Kementerian, ini keputusan kakitangan Kerajaan! Jadi, kita hendak tahu mana yang betul.

Yang saya ingin bangkitkan di sini dan saya hendak beri satu contoh sahaja untuk meringkaskan masa supaya untuk menjaga dari segi bersih, cekap dan amanah ini bukan sahaja bersih, cekap dan amanah, tetapi menjaga dasar Kerajaan yang diputuskan itu dilaksanakan. Kalau dari segi central contract, kita harap harganya nanti benar-benar rendah dan benar-benar murah, bukan kita buat central contract akhirnya secara central atau pukal ini, akhir sekali kita lihat harganya mahal.

Pernah kita bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini di dalam sesi yang lalu dan begitu juga dari segi menjaga penyertaan bumiputera dan kepentingan

orang-orang bumiputera dari segi perniagaan. Saya hendak bangkitkan satu contoh, sebab saya menerima aduan. Saya mempunyai perhatian sebagai Ahli Dewan Rakyat, sebab saya menerima aduan bagaimana kontraktor ataupun usahawan bumiputera yang diharap dapat memajukan perniagaan mereka apabila memegang franchise daripada syarikat-syarikat luar.

Saya ingin merujuk kepada satu contoh secara terbuka di sini mengenai dengan satu aduan yang diberi kepada saya mengenai dengan perbekalan alat ganti faxmen untuk kontrak perbendaharaan.

Sebagai contoh, di mana sebuah syarikat yang telah diadukan kepada saya bernama Zed Trading. Pada April 1990, Syarikat General Electric Company (GEC) telah melantik Zed Trading sebagai pengedar tunggal untuk memasangkan Faxmen kepada Kerajaan. Pada bulan September 1990, Zed Trading telah memasang dua buah enjin Faxmen bersekali dengan ZF gearbox untuk Polis Marin.

Kontrak mengenainya telah ditandatangani pada 15 Oktober 1990. Pada 17 Disember 1990, enjin-enjin berkenaan telah diserahkan kepada pihak Kerajaan Malaysia secara FOB, London Port. Zed Trading telah menjelaskan bayaran kepada GEC seperti berikut: iaitu 40% pada 16 Oktober 1990, 20% pada 29 November 1990, dan 40% pada 14 Januari 1991 walaupun Zed Trading belum menerima bayaran daripada pihak Kerajaan dan pihak Kerajaan membayar kepada Zed Trading pada 24 Januari 1991. Berikutan dengan kejayaan itu, Zed Trading telah memasarkan enjin berkenaan pada 19 September 1990, dan GEC melantik Zed Trading sebagai pengedar tunggal bagi pemasaran alat-ganti Faxmen. Lanjutan daripada itu, Zed Trading telah mencadangkan kepada Kerajaan supaya diadakan direct negotiation mengenai dengan pembekalan tersebut dan surat niat telah disusuli pada 19 Januari 1991.

Selanjutnya, Zed Trading telah mengadakan rundingan dengan pegawai-pegawai Kementerian Kewangan sebanyak dua kali. Pertama pada 11 Februari 1991; dan kedua pada 18 Mac 1991 dan deraf kontrak telah disediakan. Setelah mendapat surat nial, Zed Trading telah memaklumkan secara lisan kepada GEC serta menyampaikan satu salinan surat tersebut. Malangnya, tanpa memberi sebab GEC telah menamatkan perantaraan Zed Trading sebagai pengedar tunggal enjin Faxmen dan alat-ganti berikutnya.

Ini saya hendak beri bukti. Bagaimana syarikat bumiputera yang memegang franchise seumpama ini, akhir sekali sesudah syarikat utama ini bertapak dan mula hendak menyaingi kepentingan-kepentingan bumiputera. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, GEC sendiri telahpun menubuhkan anak syarikatnya yang bernama PGEC dan menamatkan perantaraannya dengan Zed Trading dan difahamkan PGEC ini sahamnya 50% dipegang oleh GEC sendiri dan baki 50% oleh Persatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat dan juga seorang usahawan Melayu. Saya difahamkan begitu—50%; manakala Zed Trading tadi 100% Bumiputera, sesudah Zed Trading membuktikan keupayaannya sebagai syarikat Bumiputera. Akhir sekali GEC telah membuat cadangan pada 3 Oktober kepada bekas Menteri Kewangan, Ahli Parlimen Merbok yang waktu itu menjadi Menteri Kewangan dan Menteri Kewangan pada waktu itu menolak cadangan GEC dengan mengekalkan kepada Zed Trading.

Akhir sekali, sesudah Menteri Kewangan itu berhenti, GEC telah mengemukakan rayuan mereka kepada Menteri yang ada sekarang ini. Saya tidak tahu kedudukan sekarang ini, cuma saya diberi aduan yang saya hendak bangkitkan sebagai satu bukti, sebagai satu contoh. Sebab itu kalau kita hendak menjagakan amanah, hendak melaksanakan tanggungjawab bukan sahaja bersih, cekap, yang kita harapkan tetapi

jangan dok berdentum-berdentam apabila kita lihat ada contoh-contoh seumpama ini datang diadukan oleh sesetengah pihak.

Sebab itu saya ingin bertanya, macam mana perkara ini boleh berlaku? Macam mana keadaan ini boleh berlaku? Apakah ianya satu kajian keputusan daripada kakitangan Kerajaan yang bertanggungjawab di bawah bekalan dan kontrak atau keputusan politik? Saya membangkitkan perkara ini kerana saya percaya mungkin ada lagi perkara-perkara seumpama ini, bumiputera tidak akan maju, bumiputera tidak akan dapat bertapak. Bukan sahaja kalau tidak diberi bimbingan tetapi kalau pun perkara yang sudah dimiliki oleh mereka itu dipotong oleh sesetengah pihak dan orang-orang tertentu.

Ini satu contoh, mungkin saya boleh beri contoh-contoh yang lain. Tetapi ini satu perkara yang cukup nyata. Syarikat 100% bumiputera mungkin dikatakan sekarang ini satu anak syarikat yang baru, PGEC ini ada kepentingan bumiputera, tetapi 50% tidak 100% dan mereka ini telahpun membuktikan keupayaan mereka. Sebab itu saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Kementerian Kewangan secara khusus mengenai dengan perkara ini dan kalau saya tidak berpuashati, mungkin saya akan bangkitkan lagi dalam perbahasan Belanjawan nanti.

Saya hanya hendak jadikan kes tadi dan harap perkara seumpama ini tidak berlaku lagi. Kalau pun pihak Kementerian belum membuat keputusan, saya minta dikaji balik supaya perkara ini diperbetulkan supaya kepentingan bumiputera yang saya sebutkan tadi tidak dianyai. Contohnya, mereka sudah membelanjakan kewangannya, dari segi pengurusan, mereka telah membcrikan komitmennya, mereka telah menunjukkan buktinya, sampai hari ini keputusan belum lagi dibuat.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat masih mengulang-ulang itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak mahu bangkitkan lagi dengan lebih lanjut. Jadi, Tuan Pengerusi, terima kasih di atas masa yang telah dibcri.

Tuan Pengerusi: Arau.

5.35 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya juga ingin bercakap di bawah Maksud B.28 dan sedikit di bawah B.27 yang saya terlepas tadi.

Berhubung dengan B.28, saya ingin menyentuh sedikit sahaja iaitu berhubung dengan pemberian kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan. Saya ingin bertanya kepada pihak Kcmenierian, sejauh manakah kawalan dibuat kepada pemberian Kerajaan-kerajaan Negeri kerana pada masa sekarang kita lihat terdapat Kerajaan-kerajaan Negeri yang mendapat perumukan daripada Kerajaan Persekutuan kebanyakannya dibelanjakan melalui SEDC untuk tujuan perniagaan dan juga lain-lain projek sosial.

Saya hendak menekankan pemberian yang diberikan kepada SEDC di mana SEDC telah berkembang maju dan akhirnya telah banyak syarikat-syarikat di bawah SEDC yang telah dapat masuk keperandingan terbuka dan kukuh di dalam pasaran yang ada sekarang. Jadi, persoalan yang kita lihat dalam usaha Kerajaan untuk menswastakan syarikat-syarikat yang berdaya maju, kita dapati terdapat Kerajaan-kerajaan Negeri yang membuat penswastan tidak mengikut perkara-perkara yang telah diputuskan dalam Pelan Induk Penswastan. Jadi, saya ingin bertanya sejauh manakah kawalan kita kepada Kerajaan Negeri supaya penswastan ini ikut aturcaranya, peraturannya, sebagaimana yang ditetapkan dalam Pelan Induk Penswastan.

Dalam Pelan Induk Penswastan, ada beberapa perkara yang dimasukkan lermasuklah di antaranya MBO ataupun management buy-out. Tetapi dalam

keadaan ini, kalau sekiranya kita memberi 100% penswastan dalam bentuk management buy-out, ini bermakna tidak ada peluang ahli-ahli perniagaan yang berada di dalam pasaran terbuka sekarang untuk menyertai bersama anak-anak syarikat Kerajaan yang selama ini mendapat perlindungan daripada pihak Kerajaan.

Sepatutnya management buy-out ini hanya dibenarkan dalam kadar mungkin 30% sahaja, yang 70% lagi diberikan kepada ahli-ahli perniagaan luar yang berminat untuk menyertai penswastan tersebut. Sebab bahayanya management buy-out ini adalah dari segi kakitangan. Kita lihat sejauh manakah, dan apakah yang dimaksudkan management buy-out ini? Adakah pihak pekerja-pekerja bawahan juga terlibat untuk bersama-sama membeli syarikat yang mereka duduki sekarang? Kalau kita hanya benarkan management buy-out ini untuk di peringkat managerial atau di peringkat atasan sahaja, kita takut berlaku perkara-perkara yang berbentuk tekanan kepada pekerja-pekerja bawahan.

Sebagai contohnya, katalah saya Pengurus bagi sebuah syarikat SEDC. Saya memang duduk "taram". "Taram" ini ialah bahasa utara, bahasa kita ialah dendam. Kita mendendam dua tiga orang yang kita tidak puas hati tetapi kita tidak boleh berbuat apa-apa oleh kerana kita di bawah kawalan Lembaga Pengarah dan sebagainya tetapi apabila syarikat ini telah dipunyai oleh saya sendiri, saya ajar cukup-cukup kaki-tangan yang berkenaan, mungkin saya buang dan sebagainya.

Jadi, management buy-out ini tidak bolch kita bcri 100% kepada mereka di peringkat atasan sahaja. Kita mesti melihat pekerja-pekerja dan management buy-out ini mestilah dalam bentuk konsortium iaitu di peringkat pengurusan bersama dengan kakitangan menubuhkan satu syahkat dan mereka ini membeli syarikat yang berkenaan. Itu lebih baik daripada kita hanya membenarkan pihak pengurusan sahaja yang membeli syarikat berkenaan.

Jadi, kalau sekiranya kita buat dalam bentuk management buy-out itu, makna kata ahli-ahli perniagaan sekarang terutamanya bumiputera, hanya boleh melihat sahaja dan kita tidak langsung dapat menyertai bersama dan lebih-lebih lagi syarikat ini pada peringkat awalnya mendapat perlindungan daripada pihak Kerajaan. Jadi, apabila mereka masuk pasaran terbuka, mereka sudah kuat, gigi mereka sudah tumbuh. Umpamanya anak-anak kecil yang sudah besar, gigi sudah tumbuh dan boleh makan benda yang keras.

Jadi, kita ini walaupun sudah tua tetapi gigi kita masih tidak kuat. Kita hanya boleh kuat dengan gigi tambahan daripada syarikat-syarikat yang kita rasa telah cukup kuat yang ada di pihak Kerajaan Negeri. Tetapi dalam keadaan sekarang ini, kita lihat pihak Kementerian Kewangan tidak dapat bersama-sama dengan pihak Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mengadakan penswastan ini. Ataupun kalau ada wakil-wakil Perbendaharaan, saya ingat kalau mereka sekiranya hadir pun mereka hadir sebagai satu wakil, satu undi. Kalau satu wakil, satu undi maka mereka akan dari segi perundangan tentulah mereka kalah.

Jadi, saya minta sejauhmana penguasaan ataupun sejauhmana kuasa yang ada di pihak Kementerian Kewangan untuk membolehkan penswastan ini dibuat secara terbuka sebagaimana yang dikuat di peringkat Pusat. Dengan cara begini, saya percaya tidak tari daripada tajuk—sudah pasti penswastan dibuat dengan cara adil dan pihak pekerja-pekerja dapat welfare ataupun kebajikan pekerja-pekerja dapat diatasi.

Saya juga ingin menarik perhatian supaya pihak Kerajaan juga beri perhatian sebagai contohnya kepada kes ini. Saya mendapat maklumat bahawa MARDEC juga sekarang dalam proses untuk diswastakan. Jadi, dalam keadaan ini, saya mendapat maklumat bahawa

pekerja-pekerja tidak terlibat dalam konsep "management buy-out". Kita minta supaya pekerja tidak dapat menyertai bersama. Sekurang-kurangnya satu syer ataupun dua syer untuk membolehkan mereka juga mempunyai hak kepada agensi yang sekarang ini ada setengahnya bekerja sampai 15 tahun dan sebagainya, supaya sekurang-kurangnya mereka merasai yang mereka sama-sama mempunyai hak, sama-sama komited dalam kerja-kerja mereka dan tidak sebagai pemerhati sahaja.

Kita lihat dalam kes Telekom kita bersyukur kerana sekurang-kurangnya Kerajaan memberi saham walaupun pekerja-pekerja menjualkan saham mereka selepas didapati saham-saham ini mendatangkan keuntungan. Tetapi sekurang-kurangnya di peringkat awal ditunjukkan bahawa terdapat penyertaan mereka secara terus. Kita lihat banyak kenyataan-kenyataan akhbar dan surat-surat yang telah disebarkan berhubung dengan penswastan MARDEC ini, dan kita lihat kakitangan mereka menyuarakan rasa tidak puas hati tentang perkara ini. Kita pohon supaya Kementerian Kewangan mengambil tindakan iaitu supaya keadilan dapat diberikan dan kepentingan kebajikan pekerja-pekerja dapat diperhatikan bersama.

Kemudian yang berikutnya di bawah tajuk yang sama, iaitu berhubung dengan pemberian kontrak secara rundingan, kerana ini juga melibatkan pemberian scolah-olahnya macam pemberian wang kepada pihak konsortium bumiputera. Saya lahu saya akan mendapat tentangan daripada mereka yang berniaga tetapi saya akan mendapat sokongan yang banyak daripada mereka yang pada majoritinya tidak mendapat apa-apa kepentingan. Kita lihat sebagai contohnya, Kerajaan memberi kontrak sebanyak \$10 juta kepada satu konsortium bumiputera secara rundingan. Konsortium bumiputera ini, yang pertamanya, dia mengambil

sebagai contohnya, 3% untuk dia. Selepas itu, item-item tertentu itu ditender pula. Jadi, dia akan mendapat keuntungan bukan sahaja 3% sebagai projek keseluruhan tetapi di bawah item-item tertentu juga dia akan dapat, olch kerana dia penender yang terbawah. Katalah item itu harganya \$100,000. Tiba-tiba ada orang tender \$50,000. Dia akan untung lagi \$50,000. Jadi, di akhirnya yang untung ialah konsortium. Dan konsortium ini pula, bukan dipunyai oleh ahli-ahli tetapi dipunyai oleh mereka yang mempunyai pemegang saham yang banyak.

Ada setengahnya mungkin presidennya sendiri mempunyai saham, katakan 80%, maknanya dialah yang untung terbanyak dalam konsortium itu dan bukanlah bumiputera dan ini telah lari daripada konsep Kementerian Kewangan. Menteri Kewangan dahulu telah bersetuju dengan saya bahawa pemberian dalam bentuk tersebut tidak akan dibuat lagi, tetapi akan diberi terus kepada kontrak-kontrak yang difikir bolch berdaya maju dan boleh ditolong untuk dinaikkan. Kita sekarang ini ada konsep koperasi konsortium dan sebagainya. Kita tidak tahu hendak tolong siapa. Tetapi kalau kita tolong secara individu sekurang-kurangnya selepas tolong individu ini, dia dinaik kemudian dia berjaya berdiri di atas kakinya sendiri. Kita tolong satu demi satu. Kita nampak kejayaannya, tetapi kalau kita tolong konsortium yang tidak teratur pentadbirannya, kita akan mendapat tohmah. Kita akan mendapat teguran daripada semua pihak.

Di bawah tajuk ini juga yang ada kaitan sedikit dengan B.27, iaitu berhubung dengan Kementerian Luar Negeri tadi. Saya hendak cadangkan, oleh kerana Perbendaharaan memberi wang juga kepada Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi: Sekejap. Sila bercuap B.28, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bercakap B.28, tetapi dia beri wang kepada B.27. (*Ketawa*) Tuan Pengerusi, fasal pemberian itu ada kaitan sedikitlah, sebab dia beri wang kepada Kementerian Luar Negeri. Saya hendak cadangkan kepada Perbendaharaan, sekurang-kurangnya pada masa hadapan kita mesti menganggap bahawa jawatan Pesuruhannya dan jawatan Duta-duta negara kita mestilah dianggap jawatan terbuka kerana kita rasa sudah sampai masanya Malaysia menghantar duta-duta yang betul-betul qualified, Ini dia sendiri beri saya tahu, Tuan Pengerusi.

Ada seorang Duta, kawan baik saya dari Myanmar, dia menyebut bahawa sudah sampai masa Kerajaannya hantar orang yang betul-betul boleh bersesuaian dengan negeri yang berkenaan.. Contohnya, sekarang ini kita lihat negara-negara Eropah Timur yang telah membuka pintu mereka kepada negara-negara lain kepada ...

Tuan Pengerusi: Negara yang mana, Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Kita patut hantar, Tuan Pengerusi, duta-duta yang ada kemampuan

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim:
untuk berniaga.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Macam Singapura, dia hantar banker pergi ke Myanmar. Dia hantar seorang pengurus syarikat yang ternama di Singapura untuk pergi ke salah sebuah negara di Soviet Union. Itu sebabnya, semasa negara-negara Eropah Timur membuka pintu kepada negara-negara luar dan negara-negara Soviet Union berpecah sekarang, Singapura menghantar Menteri yang kanan, Lec Kuan Yew, untuk pergi melawat ke negara-negara itu. Dia berniaga dahulu. Jadi kita minta di masa hadapan nanti, mungkin Tan Sri

Pengerusi sendiri mengetuai rombongan ini atau siapa-siapaakah supaya kita (*Ketawa*) pergi ke negrn berknaaan itu dahulu, (*Ketawa*) sebab dia membuka pintu kepada kita.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Mungkin kita boleh melantik ahli-ahli perniagaan terkemuka menjadi duta.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim; Ahli-ahli perniagaan, mereka memang berminat kerana mreka banyak duit, sudah kaya-raya, mewah dan senang kehidupannya. Dia hendak bagi sumbangan kepada negara. Jadi, ini kita mesti cari orang macam ini.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Mungkin, seperti Tan Sri Lim Goh Tong. Dia sudah kaya. Kita hantar jadi duta ke China.

Tuan Pengerusi: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi, saya menyokong peruntukan tambahan ini.

Tuan Pengerusi: Kita tidak ada masa ini, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Kepong, minta jangan panjangan sangat ya.

5.48 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tidak. Saya telah berjanji. Kalau ada yang berucap panjang, bukan saya sekarang. Dua perkara sahaja—B.28, Tuan Pengerusi. Saya akan menepati janji.

Daripada jumlah peruntukan tambahan sebanyak \$20.514 juaia, \$19 juta adalah untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan memberi

sumbangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan badan-badan kebajikan. Bolehkah Kerajaan memberitahu Dewan ini, bagaimanakah wang \$15 juta ini dibahagi-bahagikan di antara setiap Kerajaan Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan badan-badan kebajikan? Apakah formula yang digunakan oleh Kerajaan untuk membahagi-bahagikan wang ini? Bagaimanakah wang sumbangan ini akan digunakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan? Adakah wang ini terdiri daripada imbuhan balik kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi perbelanjaan yang seharusnya ditanggung oleh Kerajaan Pusat?

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini olch kerana ada setengah-setengah Kerajaan Negeri tidak membayar balik pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sedangkan tiap-tiap tahun kita memberi sumbangan kepada mereka. Oleh itu patutlah pihak Kerajaan-kerajaan Negeri mengambil berat bahawa mereka terpaksa membayar balik wang yang dipinjam daripada Kerajaan Pusat. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.5/ *ptg.*

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat iaitu Pasir Mas, Arau dan Kepong yang telah bangun dan merujuk kepada permohonan dari Kementerian Kewangan.

Saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas. Terlebih dahulu saya bersetuju dengan apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat itu mengenai permohonan untuk tujuan membayar emolumen sebegitu rupa

supaya dapat meningkatkan kecekapan dan juga amalan yang amanah dan bersih, bukan sahaja di peringkat pentadbiran Kerajaan keseluruhannya tetapi juga di Kementerian Kewangan.

Mengenai perkara khusus yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkaitan kepentingan bumiputera maka ada garis panduan-garis panduan yang digunakan oleh pihak Kementerian untuk memenuhi matlamat tersebut dan apabila dirujuk tentang kes faxmen secara khusus, ingin saya maklumkan bahawa perkara tersebut adalah di hadapan pertimbangan pihak Kementerian Kewangan dan berdasarkan kepada maklumat-maklumat tambahan yang diberikan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas sebentar tadi, akan menjadi perkara-perkara yang akan diambil kira untuk pertimbangan dan keputusan yang muktamad. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas berkaitan maklumat-maklumat tersebut.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Arau adalah berkaitan dengan soal sama ada pihak Kementerian Kewangan mempunyai kemampuan untuk mengawal langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dalam soal penswastaan. Tuan Pengerusi, ingin saya maklumkan di sini, bahawa apa jua keputusan dari segi komersial oleh syarikat-syarikat di bawah setiap Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri perlukan kepada pengamatan daripada pihak Kerajaan Pusat khususnya daripada Kementerian Kewangan. Apapun langkah-langkah berkaitan dengan dasar dan juga menjalankan dasar Perbadanan-perbadanan tersebut seperti menswastakan syarikat-syarikat Perbadanan Kerajaan Negeri, sesungguhnya memerlukan kepada keputusan yang diberikan oleh pihak Kementerian Kewangan.

Mengenai kes Maybac khususnya sama ada masyarakat pekerja daripada peringkat atasan sampailah kepada peringkat bawahan yang membabitkan tentang pembelian syarikat oleh pihak

pekerja dalam bentuk management buy-out, dengan izin, Tuan Pengerusi, ingin saya tegaskan di sini bahawa tindakan dalam bentuk management buy-out ini sewajarnya merangkumi setiap kepentingan masyarakat pekerja dalam syarikat yang berkenaan. Jadi, sekiranya ada kes seperti Maybac di mana pekerja bawahan tidak dibeh kesempatan maka maklumat tambahan itu akan diambil kira untuk membetulkan keadaan tersebut.

Bahkan ingin saya maklumkan di sini bahawa dalam langkah-langkah Kerajaan menjual syarikat Kerajaan, di antara golongan yang pertama yang mendapat kesempatan untuk memiliki sebahagian daripada harta yang diswastakan itu adalah masyarakat pekerja di semua peringkat melalui skim pemilikan saham ataupun ESOP, dengan izin, employee shareownership program. Contoh yang telah diberikan oleh Yang Berhormat dari Arau sendiri iaitu Syarikat Telekom Malaysia adalah buktinya yang paling tepat di mana satu program pemilikan saham disediakan untuk masyarakat pekerja di semua peringkat.

Berkaitan dengan soal rundingan secara terus mengenai kerja-kerja tertentu, Kementerian Kewangan akan mengambil kira tentang maklumat akan disampaikan oleh Yang Berhormat dari Arau tadi. Semasa keadaan kemelesetan ekonomi, langkah yang dibuat oleh pihak Kementerian Kewangan adalah untuk membahagi-bahagikan kerja supaya seberapa banyak kontraktor-kontraktor bumiputera mendapat peluang untuk kerja dan berdasarkan kepada pengalaman tersebut maka ada konsortium-konsonium yang terbukti dapat mengendalikan urusan mereka secara tersusun, sehinggakan semua pihak berasa mendapat manfaat daripadanya dan ada juga konsortium-konsortium yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi yang agak dalam keadaan kucar-kacir. Oleh yang demikian, jika sekiranya ada kontrak-kontrak yang dibuat secara rundingan terus untuk pihak-pihak tertentu

khususnya konsortium-konsortium di peringkat negeri untuk pemborong-pemborong, kontraktor-kontraktor bumiputera, tanya adalah berdasarkan kepada kes demi kes.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong mengenai peruntukan \$15 juta. Sebenarnya ini adalah dalam bentuk pemberian daripada Kerajaan Pusat kepada pihak-pihak yang telah disebutkan di dalam Memorandum Perbendaharaan. Bagaimana akan diagih-agihkan, Tuan Pengemsi, ingin saya maklumkan, peruntukan ini akan diagih-agihkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri dan disalurkan kepada pihak Pegawai Kcmajuan Negeri dan selepas itu disalurkan kepada pihak Pegawai Dacrah untuk melaksanakannya.

Jadi, Tuan Pengerusi, tidak timbul masalah membayar hutang kerana \$15 juta yang dipohon ini adalah sebenarnya di dalam bentuk pemberian daripada Kerajaan Pusat kepada pihak-pihak yang ditujukan. Soal bagaimana akan diagih-agihkan juga, ingin saya maklumkan di sini, adalah berdasarkan kepada permohonan dan keperluan yang disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$20,513,700 untuk Maksud B.28 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20,513,700 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

MaksudB.43 (Jadual Pertama)—

MaksudB.36danB.39(JadualKedua)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.36, B.39 dan B.43 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Arau.

6.00 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, yang pertama sayaingin menyentuh mengenai B.39. Saya mengucapkan tahniah kerana Kerajaan telah berjaya mengeluarkan sistem Kad Pengenalan Tinggi sebagaimana sakarang dan pembayarannya telahpun dibuat kepada kontraktor berdasarkan perjanjian bagi tahun 1991. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dan saya mengucapkan tahniah kerana Yang Berhormat telah membuat jawapan yang tepat tadi semasa Soal-Jawab Mulut iaitu berhubung dengan kad pengenalan yang berwarna biru tetapi apabila diperbaharui ianya menjadi merah semula.

Di antara jawapan Yang Berhormat tadi, ini menunjukkan bahawa terdapat kad-kad pengenal biru yang mungkin berbentuk palsu, tetapi persoalan yang masih belum dijawab, kalau sekiranya kad pengenalan biru palsu, bagaimana ianya boleh mendapat kad pengenalan merah? Sudah pasti, saya rasa, kad pengenalan merah juga palsu. Itu soalan yang pertama.

Yang keduanya, kalau sekarang ini orang takut untuk membaharui kad pengenalan kerana takut terjadi masalah kad pengenalan mereka menjadi merah dan sebagainya, apakah tindakan Yang Berhormat untuk memastikan supaya semua pihak memperbaharui kad pengenalan mereka? Yang behkutnya saya ingin bertanya, semasa kita membuat kad pengenalan bam, pihak Jabatan Pendaftaran tidak meminta Surat Beranak. Selalunya untuk menentukan supaya tidak berlaku soal penipuan kad pengenalan, Surat Beranak adalah penting. Ini saya beri contoh, mungkin saya tersilap, kami Ahli-ahli Parlimen setengah sudah dapat dan setengahnya

belum dapat walaupun semuanya sudah mengambil gambar tiga tahun yang lepas, semasa penggal dahulu lagi. Saya sendih belum dapat lagi tetapi kawan saya seorang ini sudah dapat. Semasa kami buat dahulu, mungkin pada masa peringkat awal dahulu tidak diminta Surat Beranak. Adakah pihak Jabatan Pendaftaran Negara ingin mengenakan syarat supaya mengemukakan Surat Beranak untuk menentukan supaya tidak timbul soal palsu tadi?

Kedua, saya ingin bercakap di bawah B.43 Jabatan Pertahanan Awam dan kita dapati \$1 juta diberi untuk tujuan latihan. Saya ingin bertanya, sekarang ini berapa orang anggota Jabatan Pertahanan Awam di seluruh Malaysia. Katalah Jabatan Pertahanan Awam ini banyak, sudah pasti banyak, kalau hendak dikira dari segi unit-unit yang ditubuhkan, sudah pasti ianya melebihi jumlah anggota tentera yang ada sekarang. Jadi, apakah pada pandangan Yang Berhormat ataupun Yang Berhormat bersetuju dengan saya, bahawa peruntukan yang diluluskan sebanyak \$1 juta bagi tahun 1990 itu mencukupi untuk latihan bagi orang yang begitu ramai?

Keduanya, sudah sampai masanya pihak Kerajaan memikirkan bagaimana untuk menyusun semula Jabatan Pertahanan Awam ini supaya mereka ini masuk, saya pun teringin hendak masuk, tetapi dalam keadaan sekarang, siapa yang masuk Jabatan Pertahanan Awam, apabila kita ada Perbarisan Hari Kemerdekaan, nampak sangat perbezaannya—Jabatan Pertahanan Awam itu dengan pakaiannya, dengan kereta buruknya, macam Home Guard dahululah—orang sudah tawar hati untuk hendak masuk. Saya ingat patut disusun semula, patut disamakan sekurang-kurangnya dengan Pasukan Pertahanan Tempatan. Ini kita hendak minta supaya pihak Yang Berhormat boleh berbuat sesuatu untuk menyusun semula supaya tahap penyertaan mereka ini, oleh kerana ini penyertaan sukarela

dan oleh kerana mereka banyak memberi sumbangan kepada masyarakat, supaya pakaian mereka diubah, mungkin elau mereka dibaiki dan juga kenderaan-kenderaan mereka yang setengahnya tahun 60an lagi itu diganti dengan yang baru dan Pertahanan Awam ini juga terlibat dengan Bomba Sukarela. Ini juga patut diperhatikan supaya tidak timbul tohmahan bahawa mereka ini "hidup segan mati tak mahu".

Saya percaya pihak Ahli-ahli Parlimen, DAP terutamanya, walaupun kawan kita yang seorang dari Kepong ini telah melanggar peraturan, kawan-kawannya keluar tetapi dia masuk balik, tidak mengapa kita akan menyokong dia, sebab dia macam bekas Ahli Bukit Bintang dahulu. Oleh sebab dia seorang yang baik dan ingin menyertai Persidangan Dewan, kami akan tolong dia, (*Tepuk*) kalau DAP boikot dia, kami akan tolong dia. Dia tidak keluar, dia tidak ikut perangai kawan-kawannya yang lain, dia bagus. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat tentang itu. Cakap yang lain sama.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia bagus—DAP pun sokong ini, Tuan Pengerusi.

Saya percaya dengan penyusunan semula ini kita akan dapat lebih penyertaan bukan bumiputera sebab kita dapati kadang-kadang bukan bumiputera ini, mereka ini orang berniaga, dia tengok pakaiannya dari kain keras, kemudian berkawat pula lebih teruk daripada orang-orang lain, kadang-kadang Pengakap sekolah berkawat lebih baik, merca berkawat kaki sama dengan tangan, Tuan Pengerusi, orang tengok pun orang ketawa, dengan topinya, dengan pakaiannya, dengan ahli-ahlinya - tidak segak. Kesegakan ini menggambarkan disiplin dan disiplin menggambarkan identiti keanggotaan, identiti keanggotaan menggambarkan kedudukan Jabatan Pertahanan.

Dengan penyusunan tersebut, semua pihak akan terlibat, DAP terlibat, semua bangsa terlibat dan dengan itu kita akan dapat satu rupa bentuk pertahanan rakyat. Ini yang penting. Negara yang kuat seperti Switzerland, dia tidak perlukan tentera tetapi ada Pasukan Pertahanan Rakyat. Itu sebab Switzerland walaupun negara yang kecil dia ada duapuluh enam daerah, duapuluh enam daerah ini macam duapuluh enam negerilah, tetapi kedudukan pentadbirannya adalah lebih berpusat kepada negeri dan bukan berbentuk federal. Tetapi dari segi pertahanan negaranya, ianya merupakan yang terbaik di Eropah sebab semua rakyatnya terlibat sebagai anggota pertahanan awam sebab itu dia tidak ada masalah, dia sanggup membuat bank-banknya, menyimpan duit banyak manapun tidak ada negara ingin melanggarnya. Saddam Hussein pun tidak hendak melanggar Switzerland, sebab Switzerland pertahanannya bagus. Dia pergi melanggar Kuwait, sebab Kuwait pertahanannya tidak bagus.

Jadi, Malaysia juga sudah sampai ke tahap untuk membolehkan kita menyusun semula Pertahanan Awam ini supaya ianya dilibatkan dengan semua pihak supaya besok Kepong pun

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah itu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, penghabisan sekali, ini last, sebab saya hendak menyusun semula, kalau tidak tergantung-esok-esok kita lihat Kepong jadi ketua pertahanan awam satu unit, Padang Terap satu unit, Zihin satu unit, jadi seorang satu unit dan saya pegang semua unit. (*Ketawa*) Dengan itu kita lihat penyertaan bersama dan dengan itu tidak ada pergaduhan dalam Dewan, Tuan Pengerusi. Kalau tidak kita bergaduh tidak tentu fasal, pada hal Dewan ini adalah tempat yang baik untuk kita berbincang tentang masalah negara. Yang menyertai cuma Kepong seorang sahaja, sekarang Kepong seorang sahaja yang baik, orang lain tidak baik.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Nilam Puri, jangan panjang sangat.

6.08 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Pendek sahaja, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.36—Polis DiRaja Malaysia di mana kita akan meluluskan \$32 uta untuk tambahan gaji dalam hal Pengurusan, Logistik, Pencegahan Jenayah, Risikan Keselamatan dan Lain-lain Gerakan.

Kami menyokong penuh kenaikan gaji yang diberikan kepada Polis terutama pegawai-pegawai Polis, tetapi kita harap kenaikan gaji itu hendaklah setimpal dengan kecekapan tugas yang mereka lakukan terutamanya sekali dalam Butiran 030000—Pencegahan Jenayah.

Kita mengucapkan tahniah kepada pihak Polis kerana begitu cekap, setelah berlaku kenaikan gaji barangkali dan sebelum inipun sudah cekap, dalam memerangkap penjenayah-penjenayah terutama sekali mereka begitu cepat menangkap orang yang melakukan perogolan terhadap adik Yusniza di mana dalam masa singkat, seminggu tebih sahaja perogol yang disyaki dapat ditangkap dan kelmarin telah didakwa di mahkamah. Soalnya, kenapakah sesuatu kes itu berlaku perbezaan dalam tindakan Polis? Misalnya, dalam kes adik Yusniza, beberapa orang Ketua Polis membuat kenyataan akan mengambil tindakan yang keras untuk menyiasat kes pembunuhan adik Yusniza dan dalam masa seminggu lebih penangkapan dapat dibuat dan pencegah jenayah, mereka dapat membuat kerja dengan begitu baik terhadap jenayah yang begitu jijik.

Tetapi kita lihat dalam masalah yang lain pula, misalnya pembunuhan Mustakizah, yang berikutan selepas itu bertaku pula pembunuhan yang lain. Kita

lihat pihak Polis tidak mengeluarkan kenyataan akan bertindak habis-habisan untuk menangkap pihak yang bertanggungjawab melakukan pembunuhan terhadap peniaga video—Mustakizah.

Apakah ada halangan-halangan daripada pihak tertentu untuk pihak Polis menjalankan tugas dengan begitu cekap seperti mereka menjalankan tugas terhadap pembunuhan yang dilakukan kepada adik Yusniza.

Begitu juga dalam kes yang didedahkan oleh Mary Anne Arokiadas di mana beliau membuat laporan-laporan ke Balai Polis. Beliau mendedahkan bagaimana beliau telah dirogol dan video Lucahnya diedarkan merata-rata setelah berlaku tangkapan ataupun video lucu itu dibuat di Selama, di Lunas dan sebagainya. Kita lihat sekarang ini tindakan dan tuduhan-tuduhan kepada Polis, pihak Polis tidak cuba membersihkan imej yang dilemparkan oleh suami Mary Anne Arokiadas dan juga Mary Anne Arokiadas sendiri terhadap dakwaan bahawa beliau telah dilakukan berbagai jenayah terhadap dirinya terutama sekali pegawai-pegawai Potis di Selama. Kita harap pihak Kementerian Dalam Negeri dapat menyiasat perkara ini supaya imej dan maruah Polis dapat dibersihkan daripada mata masyarakat sebab mereka membandingkan satu-satu kes itu dengan kes yang lain. Misalnya, kes adik Yusniza dibandingkan dengan kes Mustakizah. Begitu juga kes terhadap video lucu Vijandran, bagaimana pihak Polis bertindak 'cover' kes itu.

Jadi, kenaikan gaji ini kita harap dapat menambahkan elisyen mereka untuk benugas. Janganlah sebaliknya rakyat melihat bahawa kenaikan gaji ini tidak dapat menaikkan keupayaan mereka terutama dalam pencegahan jenayah dalam mengendalikan satu-satu kes walaupun kadangkalanya ia cuba dilindungi oleh orang-orang politik yang berkuasa di peringkat yang lebih atas. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

6.11 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau dan Nilam Puri kerana telah membangkitkan beberapa perkara untuk perhatian Kementerian Dalam Negeri.

Mengenai jawapan yang saya telah beri tadi semasa Soal Jawab tentang kad pengenalan biru, sebenarnya apa yang saya terangkan tadi ialah tidak ada satu kad pengenalan biru jika yang akan menjadi merah jika sekiranya kad pengenalan biru itu dikeluarkan secara teratur dan sah. Itu adatah kerana sekiranya apa-apa kad yang dikeluarkan itu mengikut prosedur dan peraluran-peraturan tertentu maka kad itu adalah sah dan tidak palsu dan ia tidak akan jadi merah.

Ahli Yang Berhormat bertanya mengapa kad palsu itu boleh jadi kad merah. Itu tidak benar. Sebenarnya apa yang saya nyatakan ialah kalau sekiranya sesuatu kad pengenalan itu didapati palsu ianya tidak akan dapat diganti dengan kad pengenalan yang sah sama ada biru atau merah. Sebaliknya tindakan undang-undang akan dikenakan ke atas satu-satu kad pengenalan sekiranya didapati palsu dengan bukti.

Untuk memastikan bahawa semua kad yang diperbaharui itu adalah tulen, sah dan juga benar dan kenapa tidak kena dikemukakan suratberanak pada peringkat awal, sebenarnya prosedur sekarang ini ialah yang pertamanya mereka yang hendak menukar kad pengenalan baru, jika sekiranya ada sijil beranak, mereka mesti kemukakan sijil beranak. Tetapi ada di antara mereka yang kerana kehilangan sijil beranak atau sijil beranak itu tidak terdapat atas sebab-sebab tertentu, maka mereka perlu

semak dengan Jabatan Pendaftaran Negara dengan mengisi borang-borang tertentu untuk mengesahkan taraf kewarganegaraan mereka dalam rekod Jabatan Pendaftaran Negara. Dengan langkah-langkah itu maka dapatlah Jabatan Pendaftaran Negara memastikan bahawa setiap kad yang dikeluarkan itu adalah berdasarkan mereka yang benar-benar mempunyai taraf kerakyaaian yang sebenar.

Untuk Ahli-ahli Parlimen yang telah menukar Kad mereka pada satu peringkat yang dulu tidak menunjukkan sijil beranak, adalah ini oleh kerana pada masa itu sesiapa yang menjadi Wakil Rakyat sememangnya larafnya sudah disahkan apabila mereka dicalonkan pada masa pilihanraya, iaitu kad mereka tidak akan jadi palsu.

Walau bagaimanapun, sebagai satu langkah untuk menyelaraskan butiran-butiran yang sedang dikumpulkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara untuk memastikan satu data kependudukan, maka sijil beranak itu perlu ditunjukkan untuk disemak oleh pegawai pendaftaran supaya menentukan butir-butir yang ada pada sijil beranak, kad pengenalan dan sijil kerakyatan itu adalah selaras dan tidak terdapat nama yang lain-lain dan larikh lahir pun lain-lain. Itu kena diperbetulkan sebelum sesuatu kad yang baru bermutu tinggi itu dapat dikeluarkan. Ada yang telah dapal kad

Dato' Dr Afiffudin bin Haji Omar:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Terap bangun.

Dato' Dr Afiffudin bin Haji Omar: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Tetapi sehingga sekarang pihak kami tidak mendapat apa-apa surat untuk meminta kami berbuat demikian. Jadi apakah tindakan selanjutnya, Tuan Pengerusi?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, semasa mengemukakan permohonan Ahli Yang Berhormat semua telah

mengisi satu borang dan borang itu telah memclrukan semua butir-butir. Itu adalah berdasarkan kepada satu kepercayaan kepada Yang Bcrhormat bahawa semua butir itu benar. Maka kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat ingat itu pun tidak cukup, saya rasa Jabatan Pendaltaran Negara mengalulukan semua Yang Berhormat kemukakan sijil beranak nanti sekali lagi dan, jangan pula kata susah sangatlah.

Jadi mengenai sebahagian mereka yang dapat kad yang baru dan ada yang belum; sepertimana yang saya terangkan tadi, menjelang penghujung bulan ini, semua kad yang dipohonkan sebelum pelancaran akan disiap dan akan disediakan untuk dikutip mulai bulan depan. Bagi mereka yang belum dapat kad itu perlulah menunggu jawapan daripada Jabatan Pendaftaran memberitahu bila mereka boleh kutip itu. Ini akan dikeluarkan kepada pemohon-pemohon. Jadi tunggulah sedikit masa lagi: Rasanya semua kad yang lama, yang outstanding sebelum pelancaran akan dapat dikutip dalam tahun ini juga.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Tasik Chenderoh bangun.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Penjelasan sedikit. Oleh kerana tadi disebui tentang Ahli-ahli Parlimen dan berkaitan dengan kad pengenalan baru, adakah mungkin pihak Kementerian memudabkan Ahli-ahli Parlimen mendapat kad baru? Kalau boleh, ada meja di Parlimen buat pendaftaran, kemudian disegerakan dan dikeluarkan dalam masa sebulan supaya Ahli-ahli Parlimen dapat apabila balik ke kawasan menerangkan kepada rakyat tentang kad pengenalan baru ini,

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya langkah ini telahpun

dijalankan pada tahun yang lalu. Pada masa itu saya dan Ahli Yang Berhormat itu masih belum ada di Dewan ini. Walau bagaimanapun, saya rasa tidak lewat sangat kalau Yang Berhormat sekarang ini atau bila-bila masa boleh pergi ke Ibu Pejabat Pendaftaran Negara dan hal ini akan diuruskan dalam masa yang singkat sahaja. Untuk dikeluarkan kad ini kita gunakan sistem komputer sekarang dan kita telahpun mengatasi kebanyakan masalah teknik. Saya rasa ianya tidak mengambil masa lama seperti dahulu, temtamanya di Ibu Pejabat.

Tuan Pengemsi, mengenai soal Ahli Yang Berhormat dari Arau tadi yang mana saya dapat sedikit penjelasan yang lebih lanjut iaitu sama ada kad pengenalan yang dulu berwarna biru apabila ditukar kemudian menjadi merah, kalau ada pun begitu ianya beberapa kes yang isolated sahaja di mana mereka mcmperolehi kad pengenalan biru secara tidak teratur seperti mana yang saya telah lerangkan tadi. Pada masa mereka dapat kad pengenalan biru itu dahulu mereka tidak mempunyai dokumen seperti sijil beranak atau sijil Kerakyatan. Dan pada masa itu mungkin oleh sebab pegawai yang terlibat itu tidak meneliti ataupun tidak memastikan dokumen itu ditunjukkan maka kad itu sudahpun dikeluarkan pada suatu masa dahulu. Mungkin kes-kes yang isolated begitu timbul yang mana kad biru menjadi kad merah. Tetapi ini bukanlah dasar Kerajaan bahawa mreka yang telah dapat kad biru secara sah dan teratur akan diberi kad merah. Itu tidak akan timbul.

Mengenai Jabatan Pertahanan Awam, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau kerana telah begitu mengambil berat tentang perkhidmatan beruniform sukarela ini. Sebenarnya ini merupakan satu unit perkhidmatan sukarela yang kurang dapat perhatian daripada orang awam dan buat masa kini terdapat kira-kira 130 kakitangan Pertahanan Awam

untuk menjalankan program-program latihan di mana menjelang hujung tahun ini dijangka sejumlah 7,000 anggota akan habis latihan. Ini bermakna menjelang hujung tahun ini terdapat 7,000 bilangan anggota pertahanan awam yang dapat memberi perkhidmatan sukarela.

Di sini saya juga ingin menerangkan bahawa tujuan dan objektif unit ini ialah untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan bantuan kecemasan bagi mengurangkan kerosakan ke atas harta benda dan kehilangan jiwa orang-orang awam yang disebabkan oleh tindakan musuh atau bencana alam.

Dari segi penyusunan semula, memang hasrat Kementerian dan juga Jabatan untuk mempertingkatkan imej dan prestasi Jabatan ini. Jabatan ini sedang berusaha untuk menjalankan beberapa langkah supaya lebih ramai orang yang akan insaf ataupun sedar tentang kewujudan perkhidmalan ini. Saya rasa pengumuman untuk menarik perhatian publik, ini adalah langkah-langkah yang tertentu yang akan dijalankan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, lama lagikah?

Tuan Ong Ka Ting: Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Sedikit sahaja? Ya.

Tuan Ong Ka Ting: Mengenai kenaikan gaji Polis, ada pandangan yang menyatakan bahawa ada kes yang lebih istimewa, ada yang mungkin kurang memberi prioriti. Ini adalah tidak benar. Dari segi siasatan Polis, selalunya bila sesuatu kes itu dilaporkan Polis akan mengambil berat dan saksama. Itu terpulang kepada adanya evidence dan juga adanya maklumat yang tepat seperti kes Yusnizar di mana Polis sebenarnya bertindak dengan cepat. Seperti kes-kes lain yang disebutkan, sebenarnya semuanya sama. Kedua-dua kes yang disebutkan tadi itu sebenarnya masih

dalam siasatan dan juga langkah-langkah yang sepatutnya diambil seperti menawarkan sesuatu hadiah untuk pemberi maklumat itu walaupun dijalankan. Maka saya ingin menjelaskan bahawa Polis memang saksama dan gaji yang dinaikkan itu ...

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nilam Puri bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, apakah benar siasatan terhadap kes adik Yusnizar termasuk yang membuat kenyataan di TV ialah Ketua Polis Bandaraya sendiri dan juga Ketua Polis Negara, tetapi di dalam kes Yusnizar, kita nampak ia begitu sejuk dan kita mendengar khabar bahawa ianya diserahkan kepada Polis bertaraf OCPD dalam menyiasat kes itu. Mengapa dalam kes pembunuhan yang begitu zalim, tetapi cara penyiasatannya berbeza.

Tuan Ong Ka Ting: Ini sebenarnya tidak ada perbezaan. Polis sentiasa bertanggung, kalau pihak OCPD dapat menyiasat dengan cepat, tugasnya sama, cuma dari segi kenyataan sahaja. Apabila sesuatu kenyataan dibuat oleh Ketua Polis, itupun oleh sebab Ketua Polis itu sendiri telah pergi ke tempat itu ataupun telah terlibat dalam penyiasatan. Tidak bermakna jika Ketua Polis itu terlibat atau tidak, itu akan menentukan ada keistimewaan atau tidak. Sebenarnya Pegawai yang menyiasat itu semuanya sama.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$800 untuk Maksud B.43 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah \$32,179,100 untuk Maksud B.36; dan \$2,399,200 untuk Maksud B.39 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Kementerian Dalam Negeri hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$800 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; \$32,179,100 untuk Maksud B.36 dan \$2,399,200 untuk Maksud B.39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) (No. 2) telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembinaan Tambahan telah diluluskan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usut yang dibawa oleh seorang Menteri, yang dibacakan tadi disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) (No. 2) telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan telah diluluskan.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud P.44 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1991).

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kepala Pembangunan P.44 di bawah Kementerian Pncrangan terbuka untuk dibahas. Sila.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sedikit sahaja, dua minit sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dua minit ya.

6.27ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah berjaya dalam aktiviti-aktivitinya iaitu berhubung dengan permohonan yang saya ingat itu adalah perkara biasa iaitu permohonan untuk memperbaiki liputan radio dan juga siaran TV warna. Cuma saya hendak minta kepada Kementerian ini, oleh kerana sekarang kita ada siaran TV daerah dan juga siaran radio daerah, supaya usaha-usaha dibuat untuk memperbaiki penerangan yang lebih tepat berhubung dengan polisi Kerajaan bagi negeri Kelantan dan Sabah. Sebab saya pernah pergi ke Kelantan dan saya dengar radio, saya pergi ke Sabah dan saya dengar radio dan tengok TV daerah.

Saya lihat cara liputan yang dibuat seolah-olah Kerajaan macam takut pula kepada Kerajaan Pembangkang di sana. Pada hal inilah masanya kita hendak terangkan keadaan yang sebenarnya kepada rakyat. Kita bukan jenis orang pembohong, kita cerita keadaan yang sebenar. Kita tidak peraah bohong. DAP yang bohong. Jadi, sekarang ini kita minta supaya Kerajaan memperbetulkan keadaan dan membuat program-program yang khusus untuk menerangkan kepada rakyat kedudukan yang sebenarnya.

Sebab selama ini kita cuma baca akhbar, bila kita buat kenyataan akhbar mereka minta supaya Ahli mereka tidak membeli akhbar yang kita buat kenyataan itu. Jadi, hanya radio dan televisyen sahaja, kalau sekiranya orang Kelantan minat wresling, kita pasang wresling dahulu, lepas itu kita buka siaran. Kalau orang Sabah minat boxing, kita buat boxing dahulu, lepas itu kita pasang siaran. Jadi, dengan itu akhirnya mereka faham. Sebab bukan kita hendak kempen apa, kita hendak cerita keadaan yang sebenarnya supaya cinta mereka kepada Kerajaan, cinta mereka kepada negara ini—kepada Kerajaan tidak apalah, tetapi kepada negara ini cukup penting. Mereka hendak undi siapa, itu mereka punya fasal, tetapi yang penting ialah supaya mereka mempunyai semangat kecintaan kepada negara ini dan apabila mereka pergi ke luar negeri, mereka tidaklah kempen. Kadang-kadang mereka ini pergi ke luar negeri dan mereka bertindak lebih daripada orang luar membuat kempen-kempen anti-Kerajaan.

Jadi, kita tidak mahu perkara ini berpanjangan. Apabila semua orang faham, saya percaya soal undi ini adalah soal nombor dua yang penting ialah rakyat mesti difahamkan dan Kerajaan mesti berani mengadakan program-program yang khusus bagi kedua-dua negeri ini.

Tuan Radin Malleh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Radin Malleh: Bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Arau menerangkan kepada Dewan ini, siapakah mereka yang terlibat yang membuat kempen anti Kerajaan ataupun negara kita Malaysia ini?

Tuan Shabidan bin Kassim: Sebenarnya saya tidak boleh sebutkan di dalam Parlimen ini. Sebab kalau saya sebut dalam Parlimen ini, maka kita akan berdebat atas tajuk itu sahaja. Sebab kita ada banyak lagi tajuk lain yang kita harus debat, tetapi kalau sekiranya saya ada nama-nama yang khusus, saya akan laporkan terus kepada Kementerian Dalam Negeri dan terpulanglah kepada mereka untuk mengambil tindakan.

Jadi, buat masa ini, saya tidak bercadang untuk memberikan nama berkenaan tetapi saya pernah keluar negeri dengan mereka yang terlibat ini dalam persidangan-persidangan tertentu dan saya dengar apa mereka cakap. Kalau hendak sebut nama, tak sedap sedikit, sebab saya bukan orang yang suka cari gaduh, sebab saya seorang yang suka berdamai, suka bercpadu, suka bercakap bahasa lembut-lembut. Jadi, saya akan berikan kepada Kementerian yang berkenaan nama-nama mereka yang terlibat itu. Jadi, dengan itu kita akan dapat suatu rupabentuk rakyat Malaysia yang cintakan negara ini. Rakan-rakan saya dalam Dewan ini semua geng-geng kita, sekarangpun berkawan lagi, cuma mereka duduk sebagai Pembangkang, tak lama lagi mereka akan balik ke sini, seperti Nurikman dan Michael Asang, semua akan balik ke sini dan mereka semua rakan-rakan yang saya sayang.

Mereka ini tidak menimbulkan masalah, mereka tidak pernah buat perkara itu tetapi ada kawan-kawan lain yang buat benda-benda yang tidak diinginkan, kerana mungkin kerana penerangan melalui radio dan TV belum

jelas dan sudah sampai masanya bahawa Kerajaan mestilah dengan agresif dan berani untuk terus berdepan dengan rakyat, lak kiralah sama ada rakyat dalam kerajaan Pembangkang ataupun tidak. Dengan cara ini, yang penting ialah untuk memberi satu identiti, satu rupabentuk rakyat Malaysia yang cinta kepada negara. Kepada Kerajaan soal nombor dua, kepada Dr Mahathir, kepada Timbalan Perdana Menteri soal nombor dua. Tetapi cinta kepada negara ini penting, negara Malaysia. Macam Yang Berhormat dari Kepong, dia cinta kepada negara, cuma dia tak suka pemimpin seorang-dua. Itu dia punya tasallah, saya pun tak suka juga kepada Yang Berhormat Pembangkang di sana. Yang penting sekarang ini ialah soal dia cintakan kepada negara ini dan soal ini penting dilanankan dan dipertahankan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Sila jawab, Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Pengerusi, saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada saudara Yang Berhormat dari Arau kerana menunjukkan minat yang begitu membina di dalam memberikan teguran kepada peranan-peranan yang dimainkan oleh RTM.

Tuan Pengerusi, suka saya maklumkan di sini bahawa tambahan sebanyak \$1,742,810 itu adalah untuk membayar tanggungan bagi menubuhkan Radio 3 di Kangar, Shah Alam dan Seremban serta membayar sebahagian daripada bil-bil lewat yang dikemukakan oleh kontraktor untuk pemasangan alat-alat pemancar radio FM di bawah Pasal 2 liputan FM tersebut.

Stesyen-stesyen terlibat dalam Fasa 2 ini ialah Gunung Jerai, Gunung Pulai, Bukit Istana, Bukit Kelapa Buruk, Bukit Pelindung, Bukit Nyabau, Bukit Besar dan Bukit Larut.

Berhubung dengan tambahan \$10 sebagai peruntukan tanda (token vote) adalah untuk membolehkan pindahan peruntukan sebanyak \$120,000 bagi membayar bil-bil yang lewat bagi kerja-kerja sivil pengubahsuaian master control room tv dan bilik ketukangan yang telah mengambil masa dan ini menyebabkan kerja-kerja mekanikal seperti pemasangan hawadringin dan alat pencegah api menjadi tertangguh. Kerja-kerja ini diteruskan pada tahun 1991 dan bayaran untuk kerja-kerja tersebut telahpun dijelaskan.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau dan insya Allah, sebarang teguran yang dibuat akan kita ambil perhatian demi memperbaiki lagi perkhidmatan radio di masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,742,810 yang disebutkan dalam Maksud P.44 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1991 di bawah Kementerian Penerangan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,742,810 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2)1991.

Maksud B.47 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Maksud Kepala Bekalan B.47 di bawah Kementerian Pengangkutan, terbuka untuk dibahas. Kepong.

634 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, menyentuh B.47, tambahan sebanyak \$1,587.100 dikehendaki untuk

membiyai pembelian kenderaan, mesin timbang mudahalih serta alat-alat kelengkapan bagi pasukan penguatkuasa had beban gandar.

Tuan Pengerusi, adakah wang ini digunakan untuk membiayai pembinaan 13 daripada 43 buah weighbridges, dengan izin, yang akan dibina dan mula beroperasi pada tahun akan datang. Jikalau tidak, berapa banyakkah wang yang sebenarnya diperlukan untuk pembinaan kesemua 13 weighbridges, apakah pula kos membina 43 buah weighbridges, bilakah baki weighbridges akan disediakan dan kawasan-kawasan manakah 13 weighbridges itu akan dibina?

Tuan Pengerusi, di bawah "Operasi Kurau" yang dilancarkan oleh Polis baru-baru ini di kawasan Selatan, Tengah dan Utara, sejumlah 882 saman dikeluarkan terhadap lori-lori yang melebihi berat yang dibenarkan. Bilangan saman yang paling tinggi adalah di sepanjang Lebuhraya Karak 248; Air Hitam-Johor Bharu 214; Kuala Lumpur-Seremban 99; Penang-Kedah 96; Bagan Serai 87; dan Seremban-Pagoh 68. Berapakah bilangan weighbridges yang akan diadakan di sepanjang jalan-jalan ini dan bagaimanakah rancangan Kementerian menempatkan weighbridges akan merobah berikutan kajian Polis ini?

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini, kerana saya nampak walaupun pihak Menteri dan Timbalan Menteri telah melaung-laungkan hendak memperbaiki keadaan lori-lori yang melebihi berat muatannya dan juga mengenai hal-hal pengangkutan yang kena-mengena dengan lori yang memerlukan banyak ujian dan sebagainya. Saya tidak begitu puas hati dengan prestasi yang ada sekarang. Memanglah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak minta saya menunjukkan di dalam hitam-putih bukti-bukti yang menunjukkan kekurangan, penyelcwenang dan

sebagainya. Maklumlah, saya tidak dapat mengemukakan bukti-bukti dalam hitam-putih tetapi saya nampak apa yang berlaku mengenai pasukan penguatkuasa, mengenai mesin timbang, ujian dan sebagainya, bagi saya menimbulkan syak-wasangka mengenai keberkesanan, mengenai konsep bersih, cekap dan amanah. Saya berharap keadaan ini dapat diperbaiki untuk menyahut konsep dan cabaran Wawasan 2020. Kerana kalau kita hendak maju sebagai sebuah negara yang maju di dunia ini, memang kita hendaklah memperbaiki keadaan pengangkutan lori dan cara-cara untuk menguji, cara-cara untuk meluluskan lesen dan sebagainya supaya sistem pengangkutan di negara ini dapat ditingkatkan dengan lebih baik lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

6.40 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang sentiasa begitu prihatin terhadap masalah-masalah yang dihadapi dan saya juga berharap bahawa Yang Berhormat akan sama-sama turut menolong menyebarkan maklumat-maklumat supaya sekurang-kurangnya pengundi dalam kawasan Yang Berhormat dapat mematuhi peraturan lalulintas kerana masalahnya ramai sangat yang tidak mematuhi peraturan talulintas inilah yang kita dapati bahawa kemalangan jalan raya kian hari kian meningkat.

Ahli Yang Berhormat bertanya iaitu adakah membiayai mesin timbang, berapa banyak kos pembinaan dan seterusnya. Sebenarnya bahawa peruntukan tambahan sebanyak \$1,587,100 ini adalah untuk membiayai pembelian kenderaan dan peralatan

tambahan bagi meningkatkan aktiviti penguatkuasaan kerana pertambahan beban tugas dan pelaksanaan had beban gandar yang baru. Ini selarasilah dengan usaha Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya, seperti yang kita sedari kebelakangan ini semakin meningkat.

Saya huraikan dengan cara terperinci perbelanjaan wang yang telah dipohon dan dibelanjakan iaitu bagi kenderaan dan peralatan yang dibeli. Sebuah kenderaan uniuik setiap 13 stesyen timbang statik dan untuk 7 pasukan penguatkuasaan bergerak, jumlahnya 20 kenderaan berjumlah \$790,000. Untuk setiap kenderaan dilengkapi pula dengan integrated lights RTK4 lengkap dengan huruf JPJ, siren dan sistem PANYA, hand-held search lights, dengan izin, lengkap dengan pemegangnya dan dua buah walkie-talkie bagi tiap-tiap kenderaan itu. Peralatan sekatan jalan raya seperti papan tanda, sekatan jalan raya yang menunjukkan "Berhenti: Pemeriksaan JPJ", tanda tiga segi dengan perkataan "Pemeriksaan JPJ" dengan blinkers plastic berlogo JPJ seria juga measuring tape maksimum 30 meter, berjumlah \$255,000. Tujuh buah mesin timbang mudalih bagi setiap pasukan penguatkuasaan bergerak berjumlah \$420,000. Keperluan asas bagi kakitangan penguatkuasa iaitu pakaian seragam, luminous jacket berlogo JPJ, baju hujan berlogo JPJ, sarung tangan, lampu suluh, penutup muka dan lain-lain yang berjumlah \$122,100.

Ahli Yang Berhormat juga ingin tahu mengenai di mana-manakah tempatnya. Memang kita sedari dan pihak Polis telah menjalankan penguatkuasaan seperti Ahli Yang Berhormat sendiri telah jelaskan tadi mengenai bilangan saman yang telah dibuat oleh pihak Polis. Ini menunjukkan bahawa itulah ramainya mereka yang menggunakan jalan raya terutamanya lori-lori yang membawa bebanan-bebanan yang begitu berat, yang boleh melibatkan kemalangan, yang tidak

mematuhi peraturan lalulintas. Maka itulah kita perlu menambahkan kakitangan, menambahkan alat-alat dan kemudahan bagi penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak penguatkuasa, khususnya ini ialah untuk JPJ. Mesin-mesin timbang ini akan dibina di 13 stesyen ini dan sebelum akhir tahun 1992 semuanya akan siap, iaitu bagi Negeri Selangor—Kuala Lumpur/Tanjong Malim di kilometer 73, antara Kajang/Seremban kilometer 8, bagi Pahang—Kuantan/Maran kilometer 66, bagi Negeri Sembilan—Seremban/Rembau kilometer 19, bagi Kelantan—Kota Bharu/Pasir Puteh kilometer 27 dan bagi Kelantan juga—Kota Bharu/Kuala Kerai kilometer 40, bagi Sabah—Sandakan/Telupit kilometer 52, Kota Kinabalu/Sipitang kilometer 54, Kota Kinabalu/Kudat kilometer 26, Tawau/Lahad Datu kilometer 25, Sandakan/Lahad Datu kilometer 102.

Bagi Negeri Sarawak—Kuching/Serian kilometer 59, Sibul/Bintulu kilometer 47 dan Miri/Bintulu. Itulah yang 13. Yang selebihnya akan kita laksanakan berperingkat-peringkat sehingga selesai semuanya yang ke 24. Saya rasa tidak perlulah saya bacakan sampai 24 itu.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, selama hari inipun memang kita bukannya tidak menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan, tetapi ada masalah kadang-kadang disebabkan keperluan keadaan ekonomi, kita diarah supaya melonggarkan sedikit iaitu membenarkan pula lori-lori membawa misalnya lebih 25% beban gandar untuk bertimbang rasak kepada mereka dalam menjalankan tugas-tugas kerana disebabkan ekonomi.

Namun begitu, sepanjang masa kita melaksanakan kerja-kerja ini seperti ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tadi sama ada kita puas hati atau tidak puas hati dengan prestasi, saya sendiri pun tidak puas hati sebab matlamat kita ialah mengurangkan kemalangan jalan raya

menjelang tahun 2000 nanti, sekurang-kurangnya 30% dapat kita kurangkan. Tetapi Yang Berhormat Menteri bercakap, saya bercakap di dalam Dewan, di luar Dewan, kempen di sana sini, kalau orang ramai semua tidak hendak memberi kerjasama, muslahil kita dapat menjayakan.

Jadi, sebagai Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat sama-sama juga bertanggungjawab kerana Yang Berhormat dapat peluang hari-hari bercakap di sana sini, saya mintalah semua Ahli Yang Berhormat terutama Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana beliau begitu prihatin dan rasa bertanggungjawab. Dan dengan adanya alat-alat ini, rasa saya Ahli Yang Berhormat tidak patut syak lagi akan konsep "Bersih, Cekap dan Amanah" yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, kerana mesin timbang ini kita letakkan di tempat-tempat supaya mudah. Kalau dalam mana-sekatan jalan, kita dapati bahawa kenderaan itu membawa lebih muatan dari yang sepatutnya, dengan mudah kita terus daripada situ bawa ke tempat mesin timbang yang terdekat. Jadi, tidak dapat dia hendak menyeleweng ataupun hendak apa-apa sahaja. Dalam pasukan pun bukan satu dua orang sahaja pegawai yang bertugas, pegawai yang bertugas adalah ramai dalam satu-satu pasukan. Jadi, kita dapat menentukan bahawa kerja-kerja yang dijalankan itu adalah "Bersih, Cekap dan Amanah."

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat—tadi Yang Berhormat memberi bagi pihak Polis bilangan kes penguatkuasaan kenderaan lori yang lebih muatan—bagi Jabatan Pengangkutan Jalan iaitu pada tahun ini sahaja sehingga bulan Ogos 1991, kita telah menyaman 4,281 kes. Jadi, Yang Berhormat saya harap akan memberi sokongan kepada permintaan kita untuk diluluskan satu peruntukan sebanyak \$1,587,100. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,587,100 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,587,100 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud B.52 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Maksud B.52 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): (*Bangun*)

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebentar, beri peluang kepada Blok C dahulu, Parit Sulong.

6.47ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di sini cuma saya ingin membangkitkan masalah wang \$208,900,000 yang manadipohon untuk membolehkan Lembaga Lebuhraya Malaysia membayar balik pinjaman-pinjaman yang diperolehi. Setakat ini saya cuma ingin mengetahui adakah jumlah \$208,900,000 ini merupakan satu bayaran tetap iaitu fixed payment kepada loan yang diperolehi oleh LLM dan berapa lama lagikah pihak Kementerian Kerja Raya akan menanggung komitmen dengan jumlah yang besar ini kepada LLM untuk menjelaskan segala pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh

LLM untuk melaksanakan tugas-tugas memperbaiki dan mewujudkan rangkaian lebuhraya-lebuhraya yang baru di negara ini.

Tuan Pengerusi, selanjutnya menyenluh mengenai LLM di mana kerja-kerja membina lebuhraya adalah dikontrakkan secara utamanya kepada projek Lebuhraya Utara/Selatan ataupun PLUS, saya ingin menyentuh di sini mengenai masalah pembinaan Lebuhraya Pagoh/Yong Peng di mana memang kita mengucapkan terima kasih kerana perkara ini melintasi kawasan saya sendiri iaitu kawasan Parlimen Parit Sulong. Tetapi di dalam pembinaan dan di dalam meningkatkan kawasan yang hendak dibina lebuhraya, beratus-ratus ekar tanah rakyat yang merupakan sama ada tanah-tanah smallholding, dengan izin, yang ditanam dengan getah, kelapa sawit ataupun lain-lain tanaman telah ditenggelami oleh air di waktu-waktu hujan.

Jadi, diharapkan perkara ini akan mendapat perhatian daripada pihak kontraktor utama untuk mencari jalan menyalirkan air itu ke sungai-sungai yang berhampiran supaya masalah yang dialami oleh rakyat miskin ini tidak akan berlanjutan di masa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

6.50 pig.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sepertimana yang telah saya janjikan, ini dua perenggan sahaja. Dengan wang yang dipinta di sini lebih \$200 juta untuk membolehkan Lembaga Lebuhraya Malaysia membayar balik pinjaman-pinjaman yang diperolehi, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, beliau juga hendak tabu butir-butir mengenai pinjaman-pinjaman ini.

Tuan Pengerusi, bagaimanakah Kerajaan akan membiayai pinjaman ini memandangkan kutipan tol telahpun diberi kepada pihak UEM-PLUS. Kila telah adakan kutipan tol ini. Apakah jumlah yang masih belum berbayar? Apakah nilai bunga berbanding dengan pokok? Apakah \$208.9 juta itu bayaran pokok atau bunga? Siapakah yang memberi pinjaman?

Tuan Pengerusi, diperhatikan bahawa ini berupa butiran baru. Apakah penjelasan pihak Kementerian? Adakah ini bermakna dalam setiap betanjawan akan datang peruntukan tahunan disediakan untuk butiran baru ini, LLM untuk membayai balik pinjaman? Jika tidak, apakah tujuan-tujuan lain kegunaan peruntukan yang disediakan. Yang penting sekali ini peruntukan yang baru, mengapakah diadakan peruntukan yang baru ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

6.53 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong dan Kepong.

Tuan Pengerusi, saya cuba memberi penjelasan yang ringkas berkenaan peruntukan \$208,900,000 yang dipohon itu. Sebenarnya jumlah ini bukan perbelanjaan tambahan semata-mata, tetapi telahpun diperuntukkan dalam Belanjawan Pembangunan 1991, Kementerian Kerja Raya, P.S2. Peruntukan ini dipohon di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan oleh kerana adalah lebih wajar pembayaran balik pinjaman dan faedahnya dibuat daripada Belanjawan Mengurus dan bukan daripada Belanjawan Pembangunan.

Tuan Pengerusi, pinjaman ini telah diambil untuk membiayai projek-projek Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) yang telahpun disiapkan, seperti Jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Kuala Lumpur—Karak dan sebahagian daripada Lebuhraya Utara—Selatan.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong iaitu wang ini datang daripada mana? Sebenarnya wang ini dipinjam dari semasa ke semasa mulai tahun 1982 hingga 1987 dan ini diberi di dalam beberapa package; ada yang kena dibayar dalam masa 10 tahun, ada 20 tahun dan ada 25 tahun.

Berkenaan dengan package Pagoh-Yong Peng, setengah tanah-tanah ditenggelami oleh air itu, Kementerian ini akan mengambil perhatian dan cuba menyelesaikannya.

Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai siapa yang memberi pinjaman ini, eloklah saya beri sedikit makluman yang terperinci. Ini datangnya daripada bank-bank, seperti The Tokai Bank Co. Ud., Tokyo, Jepun; Sumitomo Trust Banking Co, Ltd., Tokyo, Jepun; Deutsche Genossenschafts Bank, Frankfurt, West Germany; The Mitsui Trust Banking Co. Ltd., Singapura; Malayan Banking Berhad, London dan juga bank daripada Yugoslavia, Chase Manhattan Bank Ltd., Hongkong; Bank Bumiputra Merchant Bank Berhad, Kuala Lumpur; OECF, Jepun; Midland PLC, London dan Nippon Credit Bank Ltd., Tokyo dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$213,700,000 untuk Maksud B.52 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$213,700,000 untuk Maksud B.52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud P54 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1991—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan P.54 di bawah KemeiUerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas.

Tak ada hendak bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pcrbelanjaan sebanyak \$100,000,000 yang disebut dalam Maksud P.54 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1991 bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$100,000,000 untuk Maksud P.54 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1991.

MaksudB.59 (Jadual Pertama)—

Maksud B.56 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan B.56 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Kepong.

637 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, B.56 tambahan sebanyak \$20 juta diberi untuk membiayai sumbangan Kerajaan kepada Yayasan Kebajikan Negara bagi membantu badan-badan kebajikan dan kumpulan-kumpulan yang kurang bernasib baik, seperti orang cacat, orang tua dan anak-anak yatim. Adakah sumbangan ini berlainan daripada dan tambahan kepada sumbangan yang diberi oleh Kerajaan kepada badan-badan kebajikan menerusi Perben-

daharaan. Apakah beza di antara pemberian menerusi Perbendaharaan dan menerusi Kemcnerian? Adakah badan-badan kebajikan yang menerima sumbangan di bawah Perbendaharaan juga akan menerima sumbangan daripada Kementerian? Apakah wang \$20 juta ini mencukupi? Jika tidak, apakah jumlah yang dianggap harus memadai setiap tahun?

Tuan Pengerusi, walaupun kita mestilah adakan peruntukan bagi badan-badan kebajikan untuk memberi bantuan kepada orang-orang yang kurang bernasib baik, tetapi kita hendaklah memberi buliran yang lebih lanjut mengenai sumber wang ini daripada Perbendaharaan ataupun daripada Kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila jawab.

6.55ptg.

Setiausaha Parlimen Keroenterian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih atas pandangan Yang Berhormat dari Kepong. Wang sejumlah \$20 juta ini kita memperolehinya daripada Perbendaharaan (Kerajaan) melalui Kcmenterian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Peruntukan ini telah disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong biasanya kita memberi bantuan perubatan untuk pesakit, seperti pesakit jantung, leukimia dan lain-lain, bantuan untuk membeli alat-alat kelongkapan bagi unit pembedahan jantung dan alat-alat yang perlu seperti respirator untuk wad kanak-kanak kepada institusi-institusi perubatan seperti Hospital Universiti, Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Tongshin.

Kita memberi melalui yayasan beh bantuan membeli motorsikal roda tiga, alat-alat tiruan seperti kaki palsu, tangan palsu dan lain-lain untuk orang-orang cacat, bantuan kepada mangsa-mangsa banjir, angin-ribut dan kebakaran.

Bantuan pelajaran kepada murid-murid miskin sekolah dan pelajar-pelajar yang tidak mampu seperti yuran peperiksaan, yuran asrama dan pakaian. Bantuan kepada institusi-institusi kebajikan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti memperbaiki rumah orang-orang tua, membeli van dan lain-lain. Kita juga memberi melalui wang ini bantuan untuk mengadakan seminar dan persidangan yang ada kaitannya dengan kebajikan masyarakat dan ada juga bantuan untuk memperbaiki rumah orang-orang miskin. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,799,000 untuk Maksud B.S9 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah \$20,000,000 untuk Maksud B. 56 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,799,000 untuk Maksud B.S9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$20,000,000 untuk Maksud B. 56 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud P.58 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1991—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan P.58 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terbuka untuk dibahas. Kepong.

7.02 *mlm.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, B.58, tambahan ialah \$541,700 untuk pelarasan perbelanjaan berikutan pewujudan Kementerian

dalam penyusunan semula tugas Kementerian, dan menurut mukasurat 10, Kertas Perintah 14 Tahun 1991, perbelanjaan adalah bagi Pendaftaran Syarikat.

Tuan Pengerusi, menumt rekod kami, butiran ini hanya diterbitkan pada sesi Disember lalu di mana \$269,410 diperuntukkan bagi membiayai butiran-butiran projek-projek pembangunan. Sekarang pula tambahan adalah bagi pelarasan perbelanjaan. Ini sangat mengelirukan: yang pertama kalinya disebutkan sebagai untuk pembangunan dan sekarang disebutkan sebagai pelarasan perbelanjaan. Adakah ini masih untuk projek pembangunan yang sama? Bolehkah pihak Kementerian menyenaraikan projek-projek yang menerima peruntukan semasa pembentangan tambahankeduataahun 1990 dan sekarang bagi tambahan keempat tahun kewangan berkenaan. Apakah peruntukan yang diterima oleh setiap projek daripada peruntukan lepas dan daripada peruntukan sekarang?

Berapa banyakkah pelarasan perbelanjaan yang perlu dibuat untuk butiran ini hasil penyusunan semula? Kita mendapat tahu bahawa adanya penyusunan semula, tetapi penyusunan semula tugas Kementerian tidak bermakna jika pihak Kementerian tidak dapat memberi butiran yang benar-benar menunjukkan keadaan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila jawab.

7.04 *mlm.*

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih atas pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Seperti yang disebutkan dalam Lampiran "A", Nota Penjelasan, tambahan sebanyak \$541,700 adalah

dikehendaki untuk pelarasan perbelanjaan berikutan pewujudan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mulai dari 27 Oktober tahun lalu.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, amaan yang dipohon, iaitu \$541,700 adalah baki ataupun sebahagian daripada jumlah lebih \$800,000 untuk membeli alat-alat dan pelengkapan dalam proses menjalankan sistem micro film di dalam Jabatan Pentadbiran Syarikat.

Oleh kerana pada tarikh yang tersebut, iaitu 27 Oktober 1990 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna diwujudkan, tugas Kementerian haruslah disusun semula. Kerja-kerja atau usaha-usaha untuk meneruskan perlengkapan sistem mikro filem yang telahpun dimulakan di Jabatan Pendaftar Syarikat di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dahulu. Selepas tarikh tersebut, tugas ini dijalankan oleh Kementerian yang baru, iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, maka pelarasan perlu dijalankan dan tambahan sebanyak \$541,700 dipohon sebagai tambahan untuk menjalankan perlengkapan sistem mikro filem tersebut.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$541,700 yang disebutkan dalam Maksud P.58 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1990 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$541,700 untuk Maksud P.58 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.4) 1991.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak satu ratus lapan juta, empat ratus tiga ribu, tujuh ratus empat puluh ringgit (\$108,403,740) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1990, untuk menampung sejumlah lima ratus empat puluh satu ribu, tujuh ratus ringgit (\$541,700) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua-belas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1991, untuk menampung sejumlah satu ratus tujuh juta, lapan ratus enam puluh dua ribu, empat puluh ringgit (\$107,862,040) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1991 yang

dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

(Timbalan Yang di-Penua
mempengerusikan Mesyuarat)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) (No. 2) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahh Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan

sebanyak satu ratus lapan juta, empat ratus tiga ribu, tujuh ratus empat puluh ringgit (\$108.403,740) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

(1) bagitahun kewangan 1990, untuk menampung sejumlah lima ratus empat puluh satu ribu, tujuh ratus ringgit (\$541,700) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua-belas penyata tersebut; dan

(2) bagi tahun kewangan 1991, untuk menampung sejumlah satu ratus tujuh juta, lapan ratusan sepuluh dua ribu, empat puluh ringgit (\$107,862,040) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak satu ratus lapan juta, empat ratus tiga ribu, tujuh ratus empat puluh ringgit (\$108,403,740) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagitahun kewangan 1990, untuk menampung sejumlah lima ratus empat puluh satu ribu, tujuh ratus ringgit (\$541,700) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 lahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang

kesebelas dan kedua-belas penyata tersebut; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1991, untuk menampung sejumlah satu ratus tujuh juta, lapan ratus enam puluh dua ribu, empat puluh ringgit (\$107,862,040) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.11 malam.